


Jilid 1  
Bil. 88



Hari Selasa  
26hb November, 1991

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 14327]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Meroboh Bangunan Institut Barakan, Kuala Terengganu**

—Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri) [Ruangan 14381]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 14385]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 14386]**

**USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1992 [Ruangan 14386]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan**  
**Mesyuarat [Ruangan 14464]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. P.I.S.  
(Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY YELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya),

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

.. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

.. Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

.. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (BeSUt).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAPAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M, (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.H.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin),
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAH ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.I.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah),
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOR HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Pelani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KHE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD, TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Baiu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.I.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ASO. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHALI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOPPREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban),
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).



## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen;*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 26hb November, 1991

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**ESTET IKAN/LADANG IKAN**

**1. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilakah projek estet ikan usahasama dengan firma luar negeri akan dimajukan di Putau Langkawi; dan
- (b) memandang kepada pulau-pulau kecil di hadapan pantai Yan, Kedah boleh diusaha-majukan sebagai estet ikan dengan mengadakan pemecah ombak seperti dibuat di luar negeri. Adakah kementerian bercadang untuk memajukannya.

**Timbalan Menteri Pertanian** (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebenarnya projek estet ikan/ladang ikan yang merupakan ternakan ikan dalam sangkar terapong telahpun diusahakan di kawasan perairan di Pulau Pinang, Pulau Ketam di Selangor dan Kukup di Johor. Mengenai ternakan ikan dalam sangkar laut dalam, Jabatan

Perikanan sedang berusaha untuk membeli sangkar laut dalam bagi percubaan dan demonstrasi di perairan Pulau Langkawi. Adalah diharapkan projek ini dapat dilaksanakan pada tahun 1992. Ini adalah langkah yang diambil oleh Jabatan untuk menggalakkan pembangunan estet ikan di laut dalam.

- (b) Kementerian melalui Jabatan di bawahnya tidak bercadang untuk membina pemecah ombak khusus untuk mengusaha-majukan projek estet ikan. Ini memandangkan kosnya yang tinggi. Walau bagaimanapun, pendekatan Jabatan terhadap masalah ini ialah dengan mereka-bentuk unit-unit sangkar yang tahan lasak kepada keadaan perairan seperti itu.

**PENUTUPAN JETI PENGKALAN  
SULTAN ABDUL HALIM**

**2. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sedang mengkaji kemungkinan penutupan Jeti Pengkalan Sultan Abdul Halim dan kenaikan tambang feri untuk tujuan mengurangkan perkhidmatan feri SUPP khasnya kepada pengangkutan berenjin. Jika ya, apakah pendirian dan sikap Kementerian beliau; dan

(b) adakah beliau sedar sekiranya cadangan seperti itu dilaksanakan, ia akan menjejaskan kepentingan penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang khususnya mereka di George Town dan Butterworth dalam aspek masa dan wang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, bahagian (a), (b) dan (c) telah saya jawab dahulu, tinggal bahagian (d) sahaja iaitu yang berkaitan dengan kenaikan tambang Keretapi Tanah Melayu.

Saya juga mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Chor Chee Heung yang akan sampai pada 4 Disember 1991....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Mana ada keretapi? Soalan di sini hanya mengenai dengan feri, tidak ada bersangkutan dengan keretapi.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Yang ini telah saya jawab juga tempoh hari bersama-sama dengan jawapan untuk Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang membantah cadangan kenaikan tambang feri itu serta juga penutupan jeti itu?

Soalan yang kedua, adakah Kerajaan Pusat berbincang berkenaan dengan perkara ini dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada hantar bantahan? Jika ya, apakah keputusan Kerajaan Pusat?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Keputusan Kerajaan Pusat adalah seperti yang telah Yang Berhormat tanyakan itulah. Kerana saya telah menjelaskan tempoh hari bahawa kosnya begitu tinggi dan perkhidmalan feri yang ada pada hari ini boleh menampung sekian banyak hingga beberapa tahun yang akan datang. Apabila ianya tidak boleh menampung lagi trnungkin kita akan buka pula satu pengkalan baru.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal bantahan nampaknya Yang Berhormat tidak jawab.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tiada apa-apa bantahan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Tuan Lim Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri telah berkata bahawa feri yang sedia ada mampu memenuhi kegunaan rakyat. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa pada tiap-tiap hari sekarang ini, kereta-kereta didapati beratur di kedua-dua belah pengkalan sehingga kadang-kadang kena tunggu sampai satu jam setengah untuk menyeberang laut. Ini bukankah satu hakikat bahawa keterangan yang diberi di sini bukan satu keterangan yang betul?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya membantah Yang Berhormat kata bukan keterangan yang betul. Keterangan betul, cuma Yang Berhormat sahaja tidak mahu menerima kenyataan. (*Tepuk*) Sebab kita telah membuat kajian dan mengambil kira bahawa feri boleh menampung lebih daripada yang mencukupi. Jambatan pun ada, cuma mereka tidak mahu pergi naik jambatan, itu sahaja masalahnya. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Haji Mohammad bin Abdullah.

*(Soalan No. 3 Y.B. Dato Haji Mohammad bin Abdullah tidak hadir)*

#### **KERTAS PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU**

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah kertas peperiksaan Bahasa Malaysia untuk pelajar-pelajar Tingkatan Tiga telah ditukar nama menjadi "Bahasa Melayu" di bawah sistem penilaian baru yang menggantikan Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1993 dan sama ada ini adalah satu langkah mundur dalam pembinaan negara dalam menggalakkan satu bahasa umum untuk semua rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Bahasa Malaysia masih digunakan di sekolah rendah dan menengah serta di dalam peperiksaan SRP dan SPM. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan bercadang untuk menukarkan nama tersebut selaras dengan kehendak yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan Pasal 152 tentang takrif Bahasa Kebangsaan, iaitu Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang. Dalam hal ini, Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa penghantar di sekolah-sekolah tetapi juga mempunyai fungsi yang jelas dalam menyatupadukan masyarakat di negara ini. Dengan itu, kewibawaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang setanding dengan bahasa lain memang tidak boleh dipertikaikan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dengan cadangan ini, adakah ini bererti bahawa

istilah Bahasa Malaysia yang digunakan sehingga sekarang ialah tidak mengikut Perlembagaan?

Kedua, adakah ini bererti bahawa mengikut Perlembagaan dan pandangan Kementerian Pendidikan tidak ada Bahasa Malaysia langsung sehingga perlu membuat satu pindaan semacam ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat ini bahawa Bahasa Malaysia adalah satu istilah dan ini kita merujuk kembali kepada menukarkan nama bahasa dalam kertas peperiksaan itu adalah mengikut apa yang saya katakan untuk mengadakan mengikut setaraf dengan Perlembagaan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. SAya hendak bertanya dengan Timbalan Menteri bahawa istilah Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Melayu ini adakah ini sama bahkan Bahasa Kebangsaan itu adalah Bahasa Melayu dan boleh digunakan istilahnya bercampur-aduk bila-bila masa menurut Perlembagaan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, dalam Perlembagaan kita Bahasa Kebangsaan itu adalah dinyatakan dengan jelas iaitu Bahasa Melayu. Istilah-istilah pentadbiran seperti Bahasa Malaysia dan Bahasa Kebangsaan boleh digunakan sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

*(Soalan No. 5 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)*

#### **SKIM PENIAGA BUMIPUTERA— PERUNTUKAN**

**6. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Perdana Menteri menyatakan

tentang peruntukan di bawah Skim Peniaga Bumiputera berjumlah \$600 juta yang diumumkan dalam RRJP II dari segi pelaksanaan dan pengagihan. Berapa peratus akan diagihkan kepada penjaga bumiputera Sarawak dan agensi manakah yang bertanggungjawab atas urusan peruntukan ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, 4peruntukan sebanyak \$600 juta yang dimaksudkan itu adalah bagi seluruh negara. Pembahagian peruntukan ini kepada negeri-negeri adalah mengikut keadaan semasa.

Agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap peruntukan ini ialah agensi-agensi pelaksana di peringkat Negeri dan Persekutuan. Agensi-agensi ini akan di bawah perunding terlebih dahulu untuk menentukan jumlah peruntukan dari masa ke semasa.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan untuk memastikan yang skim ini betul-betul mencapai matlamatnya?

Kedua, apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan Pusat sebagai garis panduan untuk membolehkan bumiputera di Sarawak menyertai skim ini?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya merangkumkan kedua-dua jawapan ini. Yang pertamanya, kita tidak ada pembahagian sama ada bumiputera di Sabah atau Sarawak. Ianya merangkumi semua bumiputera dan negara Malaysia. Kriteria yang digunakan ialah sudah pastilah peniaga-peniaga bumiputera itu yang dikaji dan diselidik. Ianya mempunyai daya-maju dan mempunyai kelayakan kekuatan untuk meneruskan perniagaan. Semuanya diambil kira bagi menjamin

bahawa bantuan di bawah skim ini apabila diberi tidaklah merugikan mana-mana pihak, termasuk Kerajaan dan juga pihak yang menerima.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan tambahan. Melalui saluran manakah peruntukan ini akan disalurkan untuk negeri Kelantan? (*Ketawa*)

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada berkhidmat untuk bumiputera itulah semua saluran yang ditentukan oleh Kerajaan.

#### LORI PENGANGKUTAN IKAN MELALUI JALAN RAYA

**7. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah ia sedar bahawa lori-lori pengangkutan ikan melalui jalan-jalan raya telah membiarkan air ikan mengalir di jalan raya dan menyebabkan bau busuk seperti pasar ikan. Bau busuk ini tidak menyenangkan pengguna jalan raya penduduk pekan kecil seperti Bagan Serai dan penjaga-penjaga tol. Apakah tindakan Kementerian untuk memberhentikan amalan ini.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini kerana ia jatuh dalam bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, pemandu-pemandu dan pemunya-pemunya lori yang berkenaan adalah melakukan satu kesalahan di bawah undang-undang. Di bawah Kaedah 92 (A) iaitu Kaedah-kaedah Kenderaan Motor Pembinaan dan Penggunaan di mana pemandu dan pemunya sesebuah kenderaan barangan yang membiarkan apa-apa barang tercicir dari lorinya ke atas jalanraya

adalah dianggap melakukan satu kesalahan.

Untuk kesalahan pertama, pemandu dan pemunya kenderaan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi \$500 atau penjara tidak melebihi satu bulan. Untuk kesalahan kedua dan seterusnya, pemandu dan pemunya kenderaan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi \$1,000 atau penjara tidak melebihi dua bulan atau kedua-duanya sekali, dan saya memberikan pengakuan kepada Yang Berhormat bahawa tindakan penguatkuasaan akan dijalankan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu siapakah agensi penguatkuasa yang akan menguatkuasakan undang-undang yang telah disebutkan? Dan adakah pihak-pihak Berkuasa Tempatan juga diberi kuasa untuk supervise supaya undang-undang yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi dikuatkuasakan dengan sebenar-benarnya, kerana pada hakikatnya kita melihat perkara ini hanya undang-undang tinggal undang-undang sahaja, khususnya di kawasan-kawasan kecil seperti di bandar-bandar yang tertentu.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti**

**Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan ini adalah di bawah kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum lori-lori ini dibenarkan beroperasi, JPJ terpaksa meluluskan designnya dahulu. Bentuk design yang dibuat pada lori-lori ini ialah saluran untuk mengeluarkan air daripada lori itu—air ikan dibuat ke atas jalanraya dan ini telah diluluskan dahulu. Jadi, tindakan yang bagaimana boleh diambil kepada mereka ini kerana kita

telah membenarkan design yang semacam itu?

Yang kedua, tiap-tiap lori yang memuatkan ikan ianya akan mengeluarkan air ais yang ada dalam ikan itu. Dan sekiranya kita tidak membenarkan air ini dikeluarkan, di manakah ia boleh mengeluarkan air ikan, sebab dari Perlis ke Kuala Lumpur, saya ingat setengah lori air terpaksa dikeluarkan dan di tempat mana yang kita tetapkan yang mereka boleh mengeluarkan air ikan itu?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti**

**Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, memang tiap-tiap kenderaan sebelumnya ia dapat beroperasi mesti diluluskan dan diperiksa dahulu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Tetapi mengenai lori ikan semasa ianya diluluskan tidak ditentukan kegunaannya, misalnya kalau lori yang membawa babi yang ditentukan kegunaannya semasa permit kenderaan itu didapatkan, maka ia ditentukan ada bentuk di mana takungan air mesti diadakan.

**JURUBAHASA TAMIL/PUNJABI  
DI KAMPAR**

**8. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa Mahkamah Majistret Kampar tidak ada jurubahasa Tamil dan Punjabi sejak tiga tahun yang lalu dan seterusnya menghadapi masalah untuk mengendali kes-kes dalam bahasa-bahasa tersebut. Jika ya, nyatakan bila masalah ini dapat diatasi.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa jurubahasa Tamil dan Punjabi telah ditempatkan di Mahkamah Majistret Kampar pada 1 Oktober, 1991 dan 25 Julai, 1991. Dengan itu, masalah yang ditimbulkan

oleh Yang Berhormat adalah diselesaikan.

**Tuan Wong Wing On:** Soalan tambahan. Sebenarnya masalah kekurangan jurubahasa bukan sahaja wujud di Kampar sahaja tetapi setahu saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan yang Berhormat di Kampar sahaja.

### KATIL PESAKIT DI HOSPITAL-HOSPITAL

9. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) bilangan katil untuk pesakit di dalam negara meliputi hospital-hospital berikut:

(i) hospital-hospital di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan dan lain-lain Kementerian ataupun agensi Kerajaan;

(ii) hospital-hospital yang dikelolakan oleh pihak swasta.

(b) bilangan rumah sakit bersalin (maternity homes) swasta yang beroperasi di dalam negara dan sama ada Kementerian menetapkan standard kemudahan ataupun perkhidmatan asas yang perlu diadakan sebelum pusat-pusat tersebut dibenarkan menjalankan operasi; dan

(c) bilangan bayi yang mati ketika dilahirkan (still-born) untuk tahun-tahun 1980 hingga 1990 mengikut pecahan kawasan bandar/luar bandar, kumpulan kaum dan kumpulan umur ibu dan sama ada bilangan ini makin berkurangan di kawasan-kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) (i) Jumlah katil di hospital-hospital Kerajaan ialah 35,568 buah. Bilangan ini meliputi hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan, Universiti-universiti, Kementerian Pcnahan dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

(ii) Jumlah katil di sektor swasta pada tahun 1990 ialah 4,675 buah.

(b) Pada tahun 1990, terdapat 177 buah hospital swasta yang mana 160 buah ada menyediakan perkhidmatan perbidanan sama ada sepenuhnya atau sebahagian.

Semua hospital-hospital swasta adalah dikehendaki mendapat lesen di bawah Akta Hospital Persendirian yang telah pun menetapkan keperluan-keperluan minima dari segi kemudahan fizikal, btangan dan kelayakan kakitangan.

(c) Data bagi bilangan kelahiran mati (still birth) untuk tahun 1980 dan 1989 mengikut umur ibu dan kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1980, umur ibu di antara 15 sampai 29, jumlah penuhnya ialah 3,152. Daripadanya, . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah dahpada 1980 hingga 1990 itu?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tidak, saya hanya beri 1980 hingga 1989 sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

KELAHIRAN MATI (TEMPAT KEDIAMAN) MENGIKUT KUMPULAN UMUR IBU, KUMPULAN ETNIK—SEMENANJUNG MALAYSIA (1980-1989)

<i>Kumpulan Umur</i>	1980					1989				
	<i>J</i>	<i>M</i>	<i>C</i>	<i>I</i>	<i>L</i>	<i>J</i>	<i>M</i>	<i>C</i>	<i>I</i>	<i>L</i>
15-29	3152	2097	498	540	17	1626	<b>1160</b>	246	205	15
30-44	2200	<b>1631</b>	333	224	12	1676	<b>1343</b>	178	147	8
45 dan ke atas	60	47	8	5	—	31	29	1	—	1
Tidak diketahui	62	42	6	14	—	111	76	12	18	5
<b>JUMLAH</b>	5474					3444				

*J* - Jumlah Besar  
*M* = Melayu  
*C* = Cina

*I* = India  
*L* = Lain-lain

Daripada data di atas ini menunjukkan jumlah bilangan kelahiran mati (still birth) telah pun menurun dari 5475 atau 15.5 bagi setiap 1000 kelahiran pada tahun 1980 ke 3444 atau 9.1 bagi setiap 1000 kelahiran dalam tahun 1989.

Untuk Sabah dan Sarawak, terlalu panjang untuk saya perturunkan satu persatu. Saya bercadang untuk memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat dari Arau.

Mengenai kadar kematian mengikut kaum orang Melayu, Cina, India juga telah pun menurun daripada 17.7, 8.6, 21.9 dalam tahun 1980 kepada 9.8, 5.6 dan 11.4 pada tahun 1989.

Angka bagi tahun 1990 belum didapati lagi. Data bagi kelahiran mati (still birth) mengikut kawasan bandar dan luar bandar bagi tahun yang sama adalah seperti berikut:

KELAHIRAN MATI (TEMPAT KEDIAMAN) MENGIKUT KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR (1980, 1985, 1989)

<i>Kawasan</i>	1980	1985	1989	<i>% Menurun dari 1980-1989</i>
Bandar	1284	1225	1032	20%
Luar Bandar	4190	3291	2412	42%

Data ini menunjukkan bilangan kelahiran mati bagi kawasan bandar dan luar bandar menurun daripada 1284 dan 4190 dari tahun 1980 kepada 1032

dan 2412 masing-masing pada tahun 1989 iaitu menurun sebanyak 20% bagi kawasan bandar dan 42% bagi kawasan luar bandar.



Bagi negeri Sabah dan Sarawak tiada angka mengikut kumpulan umur dan kawasan. Dengan ini Kementerian tidak dapat memberi komen.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, walaupun kita mempunyai ataupun sekarang ini jumlah katil-katil di hospital di seluruh negara ialah 35,568 tidak termasuk swasta dan seumpamanya ertinya lebih kurang 40,000. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa jumlah ini belum mencukupi? Kita dapati hospital-hospital kita penuh sesak dan keadaannya belum lagi begitu selesa. Jadi, soalan saya adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dasar Kerajaan bagi mengatasi keperluan katil-katil yang mencukupi di mana hospital-hospital Kerajaan kita mengadakan satu sahaja kelas iaitu kelas 3, tidak ada Kelas 1, 2 atau 3. Kelas 1 ini saya tengok biliknya besar dan untuk kumpulan A dan seumpamanya.

Pada pandangan saya mungkin Yang Berhormat sedar bahawa ada cadangan daripada rakyat supaya semua service daripada Kerajaan disama-ratakan sebab penyakitnya serupa, layanan tidak perlu berbeza, sama. Bagi mereka yang hendak rawatan yang lebih baik, mereka boleh pergi ke hospital swasta. Tetapi bagi hospital Kerajaan semuanya Kelas 3. Jadi, kalau Kelas 3 semua sama, tingkat-tingkat yang banyak untuk Kelas Pertama boleh masuk beribu katil lagi sesuai dengan angka bilangan penduduk Malaysia yang bertambah dan yang sakit pun semakin ramai.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mengikut dasar Kementerian belum ada lagi cadangan untuk hanya menentukan satu kelas sahaja. Tetapi walau bagaimanapun, Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keenam telah pun men-cadangkan untuk membina 36 buah lagi

hospital yang akan menelan belanja lebih kurang \$1.7 bilion. Daripada 36 buah hospital ini lebih kurang, saya boleh perturunkan satu persatu, jika sekiranya Tuan Yang di-Pertua izinkan, data yang secara detail mengikut maklumat yang diperlukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, berapa katil sudahlah, campur semua sekali.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tidak sempat campur Tuanku. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya miunta maaf tersasul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Kalau diberi izin, saya boleh beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum sebuah rumah sakit bersalin swasta dapat beroperasi, adakah Kementerian menetapkan syarat iaitu rumah sakit bersalin swasta itu mesti mempunyai seorang doktor pakar gynaecology sebab saya difahamkan ada beberapa buah rumah sakit bersalin swasta di setengah tempat cuma beroperasi dengan doktor biasa sahaja.

Yang kedua, jika tidak ada syarat sedemikian, adakah Kementerian menganggap kedudukan ini tidak memuaskan sebab kemungkinan ini akan mengakibatkan peningkatan bilangan bayi yang mati ketika dilahirkan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini adalah dikehendaki semua doktor-doktor yang lulus atau saya difahamkan bahawa semua doktor-doktor yang lulus perlu mempunyai pengetahuan berkenaan dengan kelahiran anak. Jadi, oleh

kerana itu maka belum ada satu dasar yang mengatakan bahawa hospital swasta itu memerlukan seorang specialist. Walau bagaimanapun, jika sekiranya perlu kita boleh menyemak semula dasar tersebut.

Soalan yang kedua ialah soalan berkenaan dengan kematian. Kematian kebanyakannya terdiri daripada berbagai-bagai sebab bukan berkenaan dengan ada atau tidaknya specialist tersebut.

### **POLIS MEMBANTERAS JENYAH KOLAR PUTIH**

**10. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah pihak polis dilengkapi untuk membanteras jenayah kolar putih di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membanteras jenayah kolar putih, Polis Diraja Malaysia telah memperbesarkan keanggotaan Cawangan Jenayah Perdagangan menjadi 196 anggota. Pegawai-pegawai yang bertugas di cawangan ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan dalam berbagai bidang khusus seperti undang-undang, perakaunan, kewangan, bank, insurans, pengurusan perniagaan dan komputer. Selain dari kelayakan-kelayakan tersebut, mereka juga dihantar menghadiri kursus seminar, simposium dan latihan-latihan di dalam dan luar negeri. Di samping itu pakar-pakar dalam bidang jenayah kolar putih juga dijemput untuk memberi ceramah mengenai 'fraud' *modus operandi*, pendekatan serta masalah-masalah dalam penyiasatan kes-kes jenayah yang berkenaan. Memandangkan kes-kes jenayah kolar putih adalah rumit berbanding dengan kes-kes jenayah yang lain, usaha juga sedang dibuat untuk mendapatkan kepakaran dari

negara-negara lain yang lebih berpengalaman dalam menghadapi masalah jenayah kolar putih.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat kenyataan-kenyataan yang menunjukkan adanya penjenayah-penjenayah kolar putih, maka saya ingin tahu sejauhmanakah kejayaan yang dicapai bagi menghadapinya. Berapakah jumlah mereka yang telah dapat dikesan dan apakah tindakan dan hukuman yang dikenakan setakat ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu memerlukan angka-angka secara terperinci, saya tidak dapat memberikannya di sini dan saya pohon supaya dapat diberi secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan tadi bahawa untuk mengesan masalah ataupun membanteras jenayah kolar putih ini adalah satu perkara yang rumit. Saya pernah bertanya dalam Dewan yang mulia ini, sebelum ini, apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi tujuan membolehkan usaha membanteras jenayah kolar putih ini. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa peruntukan undang-undang yang ada sekarang ini begitu sukar untuk pihak Polia mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan kerana bentuk jenayah kolar putih sekarang ini berlaku dengan begitu rapi dan lersusun sekali sehingga sukar dikesan kecuali melalui pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri, seumpamanya, bagi tujuan keselamatan dalam negara, maka digunakan ISA.

Apakah cadangan seumpama ini tidak boleh dipertimbangkan sekali lagi oleh pihak Kerajaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks unik mengambil tindakan terhadap jenayah kolar putih ini, Kerajaan pada setakat ini menganggap dan berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada iaitu Kanun Keseksaan dan Akta Bank dan Industri Kewangan sudah cukup membrikan kuasa untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Oleh kerana itu maka Kerajaan tidak bercadang pada masa ini untuk meminda Akta yang tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Joseph Voon.

*(Soaian No. 11 Y.B. Tuan Joseph Voon tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)*

## MAS—PENERBANGAN WAKTU MALAM KE IPOH

**13. Datin Ling Chooi Sieng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah MAS akan menyambung semula penerbangan waktu malamnya di Ipoh.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Penerbangan Malaysia akan menyambung semula penerbangan waktu malam ke Ipoh sebaik sahaja alat-alat navigational aids, dengan izin, di Lapanganterbang tersebut diperbaiki.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kontraktor telah diberi tempoh masa sehingga penghujung 1991 untuk memperbaiki alat-alat navigational aids, yang tidak berfungsi di Lapanganterbang Sultan Azlan Shah, Ipoh.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan tambahan. Saya hendak tahu mengapa

kontraktor itu diberi tempoh sehingga hujung tahun ini? Adakah ini mengikut kontrak yang telah ditandatangani atau sebaliknya?

Kedua, mengapa alat-alat pendaratan bagi Lapanganterbang Ipoh itu sentiasa kena serangan petir. Apabila dibaiki kali ini juga kena serangan petir dan rosak lagi. Sudah beberapa kali kena, tetapi sampai setakat ini tidak dapat dibaiki alat-alat tersebut.

Akhirnya, adakah alat-alat pendaratan di Lapanganterbang Ipoh itu hanya satu jenis atau satu set sahaja dapat digunakan di negara kita dan mengapa tidak digunakan set-set yang lain seperti di Lapanganterbang Subang.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu sudah gaharu cendana pula, *(Ketawa)* iaitu dia sudah tahu tetapi dia bertanya pula lagi. Memanglah. Yang Berhormat sendiri tahu bahawa kita ada kontrak dan kalau kita langgar syarat kontrak itu sudah tentu nanti kita akan kena bayar denda. Oleh kerana itu kita kena beri tempoh sehingga akhir tahun 1991 untuk mereka membaikinya. Kalau tidak dapat dibaiki, maka kita batalkan kontraknya dan kita akan cari kontrak baru dan beli set baru. Puas hati? *(Ketawa)*

Mengenai panah petir, itu saya tidak dapat hendak jawab, sebab, mungkin tempat itu tempat laluan petir maka selalu sahaja kena panah petir. Walau bagaimanapun, seperti saya kata tadi, apabila tamat tempoh dan kontrak itu kita akan tawarkan kontrak baru dan membeli alat-alat yang baru.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga sekarang berapakah penerbangan waktu malam ke dan dari Ipoh telah dibatalkan dan berapa kerugian MAS telah mengalami dan

adakah Yang Berhormat bercadang untuk menuntut kerugian dari pihak yang menyebabkan penerbangan waktu malam ini dibatalkan?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya sudah jawab bab yang itu apabila saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Tambun, iaitu MAS telah mengubahsuai jadual penerbangannya. Semua penerbangan yang sepatutnya terbang antara Ipoh-Kuala Lumpur dijadualkan sebelah siang dan tidak ada penerbangan di sebelah malam. Jadi, tidak adalah mengatami kerugian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Maidon P. Pansai.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Maidon P. Pansai tidak hadir)*

#### PENCEROBOHAN TENTERA NEGARA JIRAN

**15. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kerajaan ke atas beberapa pencerobohan tentera negara jiran semasa mengadakan latihan tentera.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan sebelum daripada ini dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada berlaku sebarang pencerobohan sama ada di darat, udara atau laut oleh mana-mana tentera asing.

Negara amnya dan Angkatan Tentera Malaysia khasnya sentiasa mengawasi dan sedar akan pergerakan tentera asing yang menghampiri sempadan negara. Tambahan pula

Angkatan Tentera Malaysia mempunyai keupayaan untuk mematah mana-mana pencerobohan sekiranya berlaku sedemikian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak hertanya sama ada pihak Kementerian Pertahanan menakrifkan sebarang pencerobohan ke atas pulau-pulau atau tanah negara yang menjadi perselisihan atau perebutan antara negara-negara jiran, terutama sekali Pulau Batu Putih yang juga dituntut oleh negara Singapura dan Pulau Sipadan yang dituntut oleh negara Indonesia. Adakah sebarang pendaratan dianggap sebagai satu pencerobohan?

Kedua, memandangkan dari jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa tidak ada sebarang pencerobohan yang dilakukan oleh mana-mana negara jiran, adakah ini benar, memandangkan bahawa satu rombongan telah datang ke negara kita uniuik meminta maaf ke atas satu perkara yang berlaku ke atas tanah air kita sendiri.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahagian yang pertama tadi, jika sekiranya kawasan ataupun pulau yang masih dalam pertikaian, tentang kedaulatan tempat itu, itu bukanlah kita menganggapnya sebagai pencerobohan kerana perkara itu masih di dalam perundingan untuk penyelesaiannya. Jadi, ini tidak dianggap sebagai pencerobohan ke atas kawasan negara kita.

Yang kedua, seperti yang disoalkan oleh Yang Berhormat, itu kita tidak anggapkan sebagai satu pencerobohan kerana ianya terbit daripada silap faham di antara pihak negara jiran kita dan perkara ini telah diselesaikan dengan aman seperti yang telah dilaporkan.

**SENJATAPI KEPADA RELA—  
MENARIK BALIK**

**16. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) benarkah Kerajaan bercadang untuk menarik balik semua senjatapi yang telah diberikan kepada anggota RELA. Jika benar, sila jelaskan sebab-sebabnya;
- (b) berapakah jumlah senjatapi sehingga masa ini yang telah dibahagikan kepada ahli-ahli RELA; dan
- (c) berapa ramai ahli-ahli RELA yang telah dikenalpasti menyalahgunakan senjatapi yang telah diberi.

**Seliausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik senjatapi yang telah diberikan kepada anggota RELA, kecuali jika berlaku penyelewengan terhadap penggunaannya oleh ahli RELA tertentu ataupun jika seseorang ahli RELA itu telah melanggar syarat yang telah ditetapkan.
- (b) Sehingga kini, sejumlah 19,519 laras senjatapi telah dibahagikan kepada anggota-anggota RELA di seluruh negara.
- (c) Semenjak tahun 1974, pihak Kerajaan mendapati seramai 49 anggota RELA telah menyalahgunakan senjatapi yang telah dibekalkan kepada mereka.

**Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi telahpun kita mendengar penjelasan daripada Setiausaha Parlimen mengatakan bagi pihak Kerajaan tidak ingin menarik balik senjatapi yang

telah diberikan kepada anggota RELA, tetapi saya ingin mendapat penjelasan yang mana satukah yang betul, di tempat saya berlaku penarikan balik senjatapi oleh pegawai-pegawai RELA yang mengatakan setengahnya tidak menyokong parti Kerajaan. Ini adakah arahan daripada pihak Kementerian ataupun sengaja dilakukan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan dengan jelas tadi, tidak akan ditarik balik kecuali sekiranya seseorang itu telah melanggar syarat-syarat yang telah ditentukan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah banyak, iaitu untuk memastikan seseorang ahli RELA itu menggunakan senjata itu dengan betul dan untuk maksud RELA sahaja. Jadi, seseorang itu kalau tidak menggunakan mengikut syarat-syarat, maka Kerajaan boleh tarik balik senjatapi itu bila-bila masa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun sama sependapat dengan fikiran Yang Berhormat dari Tanah Merah bahawa Kerajaan tidak ingin menarik balik senjatapi yang diberikan kepada pasukan RELA tetapi terdapat anggota-anggota RELA di Butterworth atau di seluruh Seberang Prai diperintahkan supaya diserahkan balik semua senjatapi itu kepada pihak polis, kononnya untuk siasatan selanjutnya. Saya tidak tahu apakah alasan wajar yang boleh diberikan oleh Setiausaha Parlimen berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Soalnya, saya tidak faham mengapakah senjatapi ini ditarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Atas alasan apa? Apakah sebabnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah sebabnya ditarik balik.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya beliau berkehendakkan alasan di bawah keadaan apa Kerajaan tarik balik, saya boleh beri 11 syarat yang ditentukan, iaitu:

- (i) kalau umur ahli RELA itu sudah melebihi 55 tahun;
- (ii) kalau sudah cedera dan tidak boleh menggunakan lagi senjatapi;
- (iii) terlibat dengan kegiatan subversif;
- (iv) disabitkan dan dihukum atas kesalahan jenayah;
- (v) berpindah ke tempat lain di luar kawasan unit asalnya;
- (vi) didapati tidak boleh menjaga keselamatan senjatapi dalam miliknya;
- (vii) didapati tidak boleh menjamin keselamatan senjatapi dalam miliknya;
- (viii) membahayakan keselamatan orang lain;
- (ix) perlakuan yang merosakkan keamanan dan keselamatan di tempat masing-masing;
- (x) perlakuan yang merosakkan nama baik RELA sendiri; dan
- (xi) didapati meminda atau mengubah sifat senjata yang dibekalkan.

Jika sekiranya berlaku sedemikian dari siasatan, maka salah bermakna sudah dilanggar.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat,

## BUKU RUJUKAN DI SEKOLAH

**17. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan pernah menerima aduan bahawa murid-murid sekolah dipaksa membeli buku rujukan atau membayar untuk sijil berhenti sekolah, jika ada, apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengetua sekolah yang terlibat.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak menerima aduan rasmi mengenai murid-murid dikenakan bayaran untuk sijil berhenti sekolah ataupun murid-murid dipaksa membeli buku rujukan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa terdapat sebuah sekolah yang telah mengenakan bayaran untuk sijil berhenti sekolah dan sebuah sekolah lagi yang terlibat dengan isu murid-murid dipaksa membeli buku rujukan.

Kementerian Pendidikan telah menyasiat mengenai perkara-perkara tersebut dan mendapati sekolah-sekolah berkenaan telah bertindak demikian dengan persetujuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah-sekolah berkenaan.

Kementerian Pendidikan telah pun mengarahkan pengetua sekolah-sekolah terlibat supaya menghentikan amalan tersebut.

## BANK PERTANIAN—KERUGIAN

**18. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) banyak manakah kerugian Bank Pertanian sejak ia ditubuhkan dan apakah yang memungkin keadaan itu berlaku;
- (b) untuk pertama kali diumumkan bahawa bank itu tahun ini

mendapat keuntungan yang menggalakkan. Berapakah keuntungan itu, jika benar, dan bagaimana kemajuan ini dicapai; dan

- (c) apakah langkah-langkah yang diambil bagi membolehkan pembesar negara yang membuat pinjaman besar di bank ini bagi menyelesaikannya.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bank Pertanian Malaysia menyediakan berbagai kemudahan pinjaman dalam bidang pertanian dengan memberikan tumpuan utamanya kepada petani, nelayan, penternak dan usahawan-usahawan baru kecil-kecilan. Golongan ini biasanya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi bank yang sedia wujud dalam negara ini. Pembiayaan pinjaman kepada golongan-golongan ini mempunyai risiko yang amat tinggi. Ini disebabkan bidang pertanian itu sendiri banyak menghadapi halangan dan masalah pelaksanaan seperti cara pertanian, keluasan tanah, harga komoditi serta juga bencana-bencana alam seperti banjir, kemarau dan sebagainya yang kadangkala mengakibatkan pulangan hasil di bawah paras pulang modal. Keadaan ini menjadikan pelaksanaan pemberian kredit kepada golongan-golongan ini akan mendatangkan pulangan yang rendah. Tambahan lagi pinjaman-pinjaman kepada golongan ini dikenakan kadar faedah konsesi sahaja dan syarat-syarat pinjaman yang longgar. Bank Pertanian juga mempunyai peluang yang terhad untuk menggembelikan punca dana yang sesuai dan terpaksa menggunakan dana yang lebih mahal.

Berikut dari perkara itulah, maka selepas Bank Pertanian Malaysia beroperasi selama 20 tahun telah mencatatkan kerugian terkumpul sebanyak \$329.3 juta pada akhir tahun 1990 berasaskan sistem perakaunan bank perdagangan. Kerugian yang dialami itu adalah ekoran daripada halangan-halangan dan risiko-risiko yang terpaksa dihadapi oleh Bank Pertanian Malaysia dalam usaha membantu golongan petani, nelayan dan penternak kecilan negara.

- (b) Adakah benar Bank Pertanian Malaysia telah mencatatkan keuntungan sepanjang operasi tahun ini. Sehingga akhir September 1991, jumlah keuntungan yang dicatatkan oleh Bank Pertanian Malaysia ialah sebanyak \$17.3 juta.

Keuntungan tersebut diperolehi kerana pihak Bank telah membuat satu proses 'turnaround' dalam menjalankan operasinya. Keuntungan tersebut diperolehi melalui langkah-langkah berikut:

- (i) pepadanan sumber wang mengikut kos dengan penggunaan mengikut pendapatan;
- (ii) pepadanan deposit Pasaran Wang dan Simpanan Tetap Masa untuk dilaburkan ke dalam pasaran yang bersesuaian dan bersamaan;
- (iii) menggembelikan deposit yang mempunyai unsur kos yang rendah seperti Skitn Simpanan Patriot yang baru dilancarkan;
- (iv) mulai tahun 1991, bagi pinjaman bertaraf

komersial Bank Pertanian Malaysia telah mula mengenakan bayaran perkhidmatan bagi pemerosesan dan penutupan pinjaman dan pendapatan bersih dari aktiviti ini berjumlah \$1.6 juta pada akhir bulan September, 1991;

- (v) meningkatkan promosi bagi kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank; dan yang akhirnya;
  - (vi) memperkenalkan beberapa skim pinjaman yang baru seperti Skim Pinjaman Peniaga Kecil (SPEK) dan Pinjaman Mengenang Budi yang akan memberi kesan yang positif kepada pendapatan Bank.
- (c) Bank Pertanian Malaysia, sedang dan akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap semua peminjam yang mungkir. Pihak bank tidak membezakan antara orang pembesar atau orang biasa apabila membuat keputusan mengenai tindakan yang sepatutnya diambil terhadap sesuatu pinjaman.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa sehingga tahun 1990, Bank Pertanian mencatatkan kerugian \$329 juta, yang saya percaya bahawa kerugian ini adalah akibat daripada kegagalan pihak bank untuk mendapat balik pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan selama ini.

Soalan saya yang pertama, apakah benar dakwaan mengatakan bahawa ada pemimpin-pemimpin politik

termasuk Menteri-menteri Kabinet sendiri yang mendapat pinjaman daripada Bank Pertanian tetapi telah gagal membayarnya sehingga sekarang?

Yang kedua, kalaulah benar bahawa kerugian itu ialah kerana kegagalan pihak bank mendapatkan semula pinjaman yang telah diberi, sejauhmanakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak bank untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman ini? Sejujukanakah langkah-langkah yang dibuat untuk mendapatkan balik pinjaman ini berjaya mengatasi masalah kerugian yang telah dialami tersebut?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tidak bcrasas dan tidak benar. Tidak ada pinjaman yang diberi oleh Bank Pertanian kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Menteri-menteri. Dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat akan menukar fikiran dan tidak akan membuat dakwaan seperti itu.

Tentang langkah-langkah, saya telah menjawab bahawa sesiapa yang telah mengambil pinjaman daripada bank, pihak bank akan mengambil tindakan mengikut sistem yang sedang dilaksanakan oleh bank termasuk tindakan undang-undang, membawa mereka ke mahkamah untuk menjatuhkan hukuman dan mendapatkan balik pinjaman yang diberi kepada mereka. Ini telah dibuat ke atas setiap pinjaman yang diberi melalui Bank Pertanian dan ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

Tentang kerugian, saya telah menjelaskan bahawa bank ini adalah satu bank bagi menolong khususnya golongan-golongan berpendapatan rendah khasnya petani, penternak dan nelayan. Dan kita sedar dari awalnya bahawa kita mempunyai satu risiko yang tinggi terhadap mengutip balik pinjaman-pinjaman yang diberi.



Walau bagaimanapun, kerugian S320 juta ini adalah dalam tempoh 20 tahun dan kini sedang dioperasi.

**Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar moral kakitangan bank telah menurun akibat tindakan tatatertib ke atas beberapa orang pegawai dan kakitangan bank? Berapa lamakah mereka telah digantung kerja dan apakan tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini adalah berlainan daripada asal, pada amnya mungkin dari masa ke semasa bank mengambil tindakan tatatertib kepada pihak kakitangan yang tidak mengikut prosedur dan juga arahan-arahan bank. Pada keseluruhannya moralnya tidak jatuh dan Kementerian kita mengawal keadaan yang berlaku dan kalau perlu kita akan campurtangan.

#### **DASAR ALAM SEKITAR— KEMPEN ANTI-MALAYSIA**

**19. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan telah melancar untuk melawan kempen anti Malaysia atas dasar dalam sekitar, dan kalau sudah, bagaimana.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang pengetahuan Kementerian ini, kempen anti Malaysia atas dasar alam sekitar itu tidak wujud.

Walau bagaimanapun, kita sedang berusaha di peringkat antarabangsa untuk memperkenalkan usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar. Kerajaan juga mengambil bahagian dalam

persidangan serantau atau antarabangsa seperti berikut:

- (i) Montreal Protocol lentang fluoro carbon atau CFC, perosak lapisan ozon.
- (ii) Konvensyen tentang perubahan iklim.
- (iii) Mesyuarat badan antarabangsa selain dari United Nations Environment Programme (UNEP), seperti ESCAP dan UNIDO dalam menyediakan usul masing-masing ke Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Alam Sekitar dan Pembangunan atau UNCED yang akan diadakan di Brazil pada Jun, 1992.
- (iv) Mesyuarat ASEAN Senior Officials on Environment (ASOAN) di mana Malaysia sebagai Pengerusi telah mengumpulkan pendirian sesama ASEAN tentang isu alam sekitar sedunia.

Bagi membanteras tuduhan-tuduhan tentang pemusnahan hutan, satu laporan telah diterbitkan oleh Kementerian saya bertajuk, "An Initiative for The Greening of the World," dengan izin, yang bertujuan membentangkan di UNCED fakta-fakta tentang kehijauan yang wujud sedunia, memberi keseimbangan kepada tanggapan masa kini yang agak berat sebelah dan negatif terhadap negara-negara membangun, dan mengemukakan usul-usul tertentu untuk dilaksanakan oleh negara-negara maju dan membangun bagi membendung pemusnahan hutan.

Untuk menyelaras usaha-usaha ke UNCED dan menyediakan pendirian negara, Kerajaan telah tnewujudkan jawatankuasa pemandu UNCED yang diurusetia oleh Kementerian Luar Negeri. Usaha terbaru Malaysia ke arah yang sama adalah menjadi tuan rumah kepada persidangan kedua peringkat

Menteri di kalangan negara-negara membangun mengenai alam sekitar dan pembangunan pada penghujung bulan April 1992. Persidangan ini merupakan susulan kepada persidangan pertama di Beijing awal tahun ini yang ialah berjaya membulatsuarakan negara-negara membangun ke arah Deklarasi Beijing tentang alam sekitar dan pembangunan.

**Tuan Harrison Ngau Laing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pencemaran air sungai-sungai di Malaysia khususnya di Sarawak akibat kegiatan pemusnahan hutan dari pembalakan adalah antara kritikan yang dibuat mengenai Malaysia mahupun dari dalam atau luar negeri.

Saya ingin tahu mengapa kajian EIA, ini juga satu kritikan yang selalu dibuat, tidak dilakukan atas kegiatan khususnya pembalakan yang tidak begitu teratur, ini yang mengakibatkan pencemaran air yang teruk sekarang walaupun Akta Kualiti Alam Sekitar.. ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila kemukakan soalan, jangan beri ucapan.

**Tuan Harrison Ngau Laing:** Mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar tahun 1974, EIA mesti dibuat terhadap kegiatan-kegiatan pembalakan tersebut tetapi mengapa ia tidak dibuat dan ini yang selalu dikritikkan juga.

Soalan yang kedua, ialah satu buku....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang pertama itupun belum jelas lagi, apa soalnya?

**Tuan Harrison Ngau Laing:** Soalnya ialah mengapa EIA (Environmental Impact Assessment) tidak dilakukan dengan kegiatan pembalakan yang tidak teratur di negara kita, tidak dilakukan oleh

kompani-kompani yang terlibat dengan kegiatan yang tersebut.

Kedua, satu buku yang bertajuk "Malaysia Heart of South East Asia" yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Julai dan pengarah projek membuat buku ini ialah Puan Marina Mahathir ada melaporkan kebanyakan sungai-sungai di Malaysia, khususnya di Sarawak telah menghadapi pencemaran oleh kegiatan pembalakan yang tidak teratur juga. Oleh kerana mengikut laporan dalam *The Star* 7hb November ini, buku ini akan diterjemahkan dalam bahasa Jepun, French dan Italian....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya, Yang Berhormat?

**Tuan Harrison Ngau Laing:** ... dan dipasarkan di dalam dan luar negeri, adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar setuju dengan laporan atau facts yang dipresented dalam buku ini? Kalau tidak, adakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan untuk menghentikan pengedaran dan pemasaran buku tersebut?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan tersebut yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat tidak berkait dengan soalan yang asal ini (*Ketawa*), kerana soalan yang asal ini adalah kempen anti Malaysia, bukan apa yang dilakukan di dalam Malaysia.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa soalan tambahan daripada Yang Berhormat dari Baram tidak berkait dengan soalan asal? Tidakkah satu isu paling utama di antarabangsa sekarang adalah tentang pemusnahan hutan-hutan di negeri Sarawak? Kalau tidak pandai jawab soalan, diam-diam sahaja (*Tepuk*), jangan capak 'tidak ada kaitan'. Kalau

tak pandai jawab soalan, resign. Tak ada soalan, Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada soalan. Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini saya kaitkan soalan yang pertama tadi dari Baram, dia ada sebut perkataan 'kempen anti Malaysia di luar dan juga di dalam negeri' di mana dia adalah di antara orang yang terlibat dengan kempen anti Malaysia, sebab dia mengetahui soal dalaman. Soalan saya sekarang ini saya ingin bertanya apakah Kerajaan bercadang untuk Mesyuarat Menteri-menteri di penghujung bulan April ini kita ingin mengadakannya di dalam hutan untuk membolehkan mereka merasai sebenarnya hutan ini ada. Itu pertama.

Kedua, kita lihat mereka yang menganggap diri mereka sebagai sahabat alam dan juga pencinta alam sekitar ini, adakah kita juga ingin mengadakan mesyuarat atau simposium khas di dalam hutan, sebab mereka ini hanya bercakap di luar hutan, termasuk wakil dari Kuching juga berada di luar hutan, dia tak pernah masuk dalatn hutan saya rasa. Kita mengadakan khas di dalam hutan untuk mereka menikmati dan merasai itu sebenarnya hutan, hutan itu ada, seolah-olah hutan ini sudah tak ada di dalam Malaysia. Jadi kita terpaksa buat sesuatu supaya mereka merasai apa itu hutan. Saya percaya selepas mereka itu balik dan merasai nyamuk, pacat dan sebagainya, mereka kata memang ada hutan di Malaysia.. ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Jadi itu cara yang paling tepat. Saya ingat kalau kita buat kertas kerja berbincang di Hilton, di Shangri-La, di Pan-Pacific... .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** ...di mana-mana, tidak mendatangkan kesan. Saya ingin bertanya soalnya, apakah kita ingin mengadakan perisidangan ini di dalam hutan untuk membolehkan mereka merasai apa itu hutan? (*Ketawa*)

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuching (DAP), saya hendak sebut di sini sedikit sebab dia ambil peluang itu untuk cuba menjadi hero tentang isu ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuching, soalan itu... .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Biarlah dia jawab.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya tak ada soalan, saya tak mahu dia jawab apa-apa. (*Ketawa*) Bingong sahaja.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kuching tak mahu dengar, baguslah dia diam-diam dahulu, janganlah berucap tadi. Baiklah, kalau dia tak hendak dengar, saya tidak mahu jawab atau tidak mahu beri apa-apa maklumat tentang alam sekitar kepada dia. (*Ketawa*)

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau, saya rasa cadangan beliau adalah baik. (*Ketawa*) Kita cuba berusaha tentang ke arah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5, 11, 12, 14 dan 20 hingga 26 adalah diberi di bawah ini*)

## PELUANG PERDAGANGAN KE MEXICO

**3. Dato' Haji Muhamad bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah peluang-peluang ekonomi dan perdagangan yang didapati hasil daripada lawatan YAB Perdana Menteri ke Mexico selama enam hari baru-baru ini; dan
- (b) apakah NAPTA (Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara) terdiri daripada Amerika Syarikat, Canada dan Mexico akan membawa kesan ke atas eksport dan juga pelaburan Malaysia kepada negara-negara yang berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):**

Lawatan YAB Perdana Menteri ke Mexico pada pertengahan bulan September 1991 ini amat berhasil dari segi meluaskan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

Dalam perbincangan yang diadakan di antara wakil-wakil swasta yang menyertai rombongan YAB Perdana Menteri dengan usahawan Mexico, pesanan beliau berjumlah US\$73 juta atau Ringgit 204.4 juta bagi barangan getah, minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan perabot telah diperolehi. Di samping itu, persefahaman telah dicapai di kalangan beberapa wakil swasta untuk mengadakan usahasama yang melibat pelaburan bernilai US\$178 juta atau Ringgit 498.4 juta di bidang pengeluaran minyak dan gas, pengeluaran injap dan perabot, pemusnahan sampah dan sisa, pembangunan industrial park dan pembinaan bulking station bagi minyak ketapa sawit.

Hasil lawatan YAB Perdana Menteri ke Mexico harus juga dilihat dalam jangka panjang, Lawatan itu memberi kesempatan kepada kedua-dua negara untuk mengambil langkah tertentu bagi memperbaiki hubungan dagangan dua-hala. Antara perkara-perkara penting yang dihasilkan ialah:

- (i) usaha di antara pelabuhan dan syarikat perkapalan bagi memperbaiki hubungan maritim yang boleh membantu meningkatkan perdagangan;
- (ii) kata sepakat untuk menandatangani Perjanjian Perdagangan dua-hala;
- (iii) hubungan yang terjalin di antara Dewan-dewan Perniagaan dan Industri di kedua-dua buah negara dan hubungan yang terjalin dengan Persatuan Industri Pembinaan dan Persatuan Hotel dan Pelancongan; dan
- (iv) hubungan dengan Bank Pusat Mexico. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Memorandum Persefahaman bagi Peraturan Pembayaran Perdagangan telah pun ditandatangani di antara Bank Negara Malaysia dan Bank Pusat Mexico.

Mengenai NAPTA (Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara), adalah jelas bahawa pengurangan tarif, sekatan bukan-tarif dan lain-lain sekatan perdagangan dan pelaburan di antara Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico akan menjadikan pasaran Amerika Utara lebih bebas dan akan meningkatkan aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam NAPTA. Dalam masa yang sama, eksport barangan dari negara-negara lain termasuk Malaysia ke pasaran NAPTA akan menghadapi persaingan yang meningkat memandangkan cukai import dari luar adalah lebih tinggi daripada cukai

import dalaman. Walau bagaimanapun, perlu diambil ingatan bahawa perbezaan cukai import tidak ketar kerana apa-apa peraturan perdagangan bebas adalah tertakluk kepada peruntukan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) yang menentukan supaya import barangan dariada negara-negara luar kepada sesebuah Pasaran Perdagangan Bebas diberi layanan yang tidak kurang daripada tahap layanan sebelum wujudnya Pasaran Perdagangan Bebas itu. Dalam ertikata yang lain, Amerika Syarikat dan Kanada tidak boleh mengenakan cukai import lebih daripada 4-5% kepada barangan dari luar NAFTA sungguhpun barangan daripada negara-negara NAFTA tidak dikenakan cukai import.

Di bidang pelaburan pula, pasaran Mexico mungkin menjadi lebih menarik kepada pelaburan-pelaburan baru daripada Amerika Syarikat dan Kanada berbanding dengan negara-negara membangun yang lain. Walau apapun, faktor-faktor utama seperti stabiliti politik, kos pengeluaran, tenaga buruh yang mahir dan yang mencukupi, infrastruktur yang lengkap, kadar inflasi dan pengurusan yang mahir tetap menjadi ramuan utama yang dicari oleh pelabur-pelabur. Saya yakin bahawa Malaysia dapat terus mengekal dan mempertingkatkan tarikan negara ini sebagai pusat pelaburan yang menguntungkan bagi pelabur-pelabur dari negara-negara utama termasuk Amerika Syarikat.

### LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BARU DI SEPANG

**5. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) identiti perunding yang diupah oleh Kerajaan untuk membuat kajian ke atas rekabentuk (design) dan 'lay-out' projek

Lapangan Terbang Antara-bangsa Baru di Sepang. Apakah kos kajian. Mengapakah perunding ini dipilih, terulama sekali di segi pengalaman serta kepakaran dalam pembinaan lapangan terbang;

- (b) berapa banyakkah pelaburan wang serla dalam bidang-bidang manakah 'spin-offs', misalan infrastruktur asas seperti jalan, yang boleh diwujudkan daripada pelaksanaan projek lapangan terbang baru di Sepang; dan
- (c) apakah kos-kos yang diliputi oleh wang \$20 billion, iaitu nilai projek lapangan terbang baru. Bolehkah Kerajaan memberi satu pecahan kasar jumlah perbelanjaan yang dianggar perlu bagi setiap butiran kos yang disebutkan di atas. Jika tidak boleh, mengapa. Maka, bagaimanakah nilai \$20 billion itu diperolehi.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Kerajaan masih belum membuat keputusan muktamad tentang Identiti Syarikat Perunding yang bakal dipilih untuk memberi khidmat perunding (consultancy services) berkenaan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Sepang. Dari segi kos, berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lepas, biasanya kos perundingan adalah di antara 5-10% daripada kos projek. Sesiapa sahaja syarikat yang akan dipilih sebagai Perunding kelak, pemilihan adalah berdasarkan fakta-fakta tertentu khususnya dari segi pengalaman dan kepakaran dalam pembinaan Lapangan Terbang.
- (b) Komponen kos Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Baru ini belum dapat ditetapkan pada

peringkat ini. Ini ialah kerana banyak lagi perkara perlu diselesaikan, baik dari segi konsep ataupun jangka masa pelaksanaan. Apa yang pasti ialah projek yang menelan belanja berbillion-billion ringgit seperti ini sudah tentu akan dapat menggerakkan pembangunan, bukan sahaja bagi faedah Sepang bahkan meliputi negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Di samping itu, dengan adanya sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang, kawasan-kawasan di sekeliling Lapangan Terbang ini serta kawasan "Corridor" lebuh raya dan laluan keretapi ke Sepang akan mengalami pembangunan yang pesat. Pembangunan-pembangunan ini adalah "spin-offs" daripada keputusan Kerajaan membina Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang.

- (c) Anggaran kos sebanyak \$20 billion adalah anggaran kasar sahaja dan berdasarkan keadaan semasa. Anggaran kos yang lebih realistik hanya akan diketahui setelah perunding selesai menjalankan pelan induk pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru ini kelak.

#### **PERAYAAN PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**11. Tuan Joseph Voon** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengadakan perayaan secara besar-besaran untuk memperingati pembentukan gagasan Persekutuan Malaysia. Kenapakah selama ini pembentukan Persekutuan Malaysia, yakni Hari

Malaysia pada 16 September tidak disambut dengan meriah seperti Hari Kebangsaan, yakni pada 31 Ogos.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan perayaan secara besar-besaran untuk memperingati pembentukan gagasan Persekutuan pada 16 September. Oleh kerana tarikh 16 September berbeza hanya beberapa hari sahaja dengan tarikh Hari Kebangsaan, Kerajaan sejak dari tahun-tahun 1960an lagi, telah menggabungkan usaha bagi menyambut kedua-dua upacara penting itu dan menetapkan acara-acara perayaan kepada 31 Ogos setiap tahun. Dengan penggabungan ini tumpuan perhatian, tenaga dan penggunaan sumber-sumber boleh dibuat dengan cara yang lebih berkesan dan lebih meriah serta dapat dielakkan pembaziran,

#### **PENGEKSPORT UTAMA MINYAK SAWIT MALAYSIA**

**12. Tuan Michael Asang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) negara-negara yang menjadi pengeksport utama minyak sawit Malaysia;
- (b) jumlah keluasan tanaman kelapa sawit negara dan jumlah metrik ton hasil minyak sawit negara setakat bulan Jun, 1991; dan
- (c) keluasan dan hasil setiap negeri.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor);**

- (a) Negara-negara pengimport utama minyak sawit Malaysia ialah China, Singapore, Pakistan, EEC, India, Mesir, Jepun, Republik Korea, Turki, USSR, USA dan Iraq. Jumlah eksport ke negara-negara ini

melebihi 80% daripada keseluruhan eksport minyak sawit negara yang berjumlah 5.9 juta tonne pada tahun 1990.

- (b) Jumlah keluasan tanaman kelapa sawit di seluruh negara setakat 30-6-91 ialah 1,984,167 hektar manakala jumlah penghasilan minyak sawit negara ialah 6,094,622 tonne pada tahun 1990 dan bagi 6 bulan pertama tahun ini (1991) jumlah pengeluarannya ialah 2,609,426 tonne.
- (c) Pecahan keluasan dan hasil/pengeluaran setiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Keluasan sehingga Jun 1991</i> '000 hektar	<i>Pengeluaran untuk Jan-Jun 1991</i> '000 tonne
Johor	525.4	723.7
Pahang	434.5	478.8
Perak	202.1	350.6
Sabah	265.7	341.9
Selangor	147.7	262.9
N.Sembilan	84.6	155.1
Terengganu	120.7	106.9
Kelantan	60.2	49.4
Sarawak	56.2	47.8
Kedah	29.8	43.1
P.Pinang	13.7	29.3
Melaka	25.7	19.7
<b>JUMLAH</b>	<b>1,984.2</b>	<b>2,609.4</b>

#### **BAILEY BRIDGE MENYEBERANGI SUNGAI TAMPASUK**

**14. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada ianya sedar tentang keadaan satu Bailey Bridge yang menyeberangi Sungai Tampasuk, menghubungkan daerah Kota Belud dan Kudat/Kota Marudu yang telah dibina atas kerjasama Tentera British dan JKR Sabah pada

waktu zaman British dahulu kini tidak lagi sesuai dengan zaman ini kerana meskipun ianya dikendalikan oleh manusia untuk mengatur kenderaan yang lalu-lalang daripada kedua hujungnyanya supaya tidak bertembung di tengah-tengah, tapi masalah akan timbul bila tiba-tiba bekalan tenaga terputus terutama sekali pada waktu malam sehingga setiap kali pertembungan kereta berlaku di tengah-tengah jambatan itu bilamana tidak siapa mengaku merendahkan diri untuk balik ke belakang "reverse", maka berlakulah pergaduhan. Ini sering berlaku, Jika sedar, tidakkah Kerajaan bercadang untuk menggantikan jambatan tersebut dengan jambatan yang lebih besar dan cukup untuk perjalanan dua hala demi untuk mengatasi masalah yang tersebut di atas itu.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau);** Kerajaan memang sedar tentang keadaan Jambatan Bailey yang menyeberangi Sungai Tampasuk yang menghubungkan daerah Kota Belud dengan Kudat/Kota Marudi. Kerajaan tiada cadangan untuk menggantikan jambatan tersebut tetapi telah merancang supaya Jalan Lintas Kota Belud (By Pass) dibina. Walau bagaimanapun, projek ini tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam kerana keutamaan projek.

(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. 16 pada 14-11-91)

#### **BEKALAN AIR**

**21. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Kerja Raya menyatakan tindakan jangka panjang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan negara kita ada air yang mencukupi untuk kegunaan harian.

18-12-91

**10. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan rakyat mendapat bekalan air mencukupi tanpa pengambilalihan Jabatan Bekalan Air Negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 18-12-91 mengenai perkara yang sama iaitu perancangan bekalan air jangka panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan untuk soalan ini pernah diberikan dengan panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini pada 26-6-91 ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Kementerian ini telah membuat satu kajian jangka panjang untuk menggariskan rangka dasar bagi perancangan program dan pembangunan sumber air yang lebih tersusun sehingga tahun 2000. Kajian tersebut sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan air selepas tahun 2000.

Pelaksanaan perancangan ini adalah berperingkat-peringkat mengikut jangkamasa 5 tahun Rancangan Malaysia dan mengikut keutamaan projek-projek serta kedudukan kewangan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak \$2,336 juta telah pun diluluskan untuk projek-projek bekalan air dalam Rancangan Malaysia Keenam. Daripada jumlah ini, \$534.3 juta telah diluluskan bagi tahun 1991 dan \$591.87 juta telah disyorkan bagi tahun 1992.

## EAST ASIA ECONOMIC GROUP—PENUBUHAN

**22. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kalaulah pihak Kerajaan begitu bersungguh-sungguh sekali untuk merealisasikan penubuhan KEAT/EAEG, tidakkah pihak Kerajaan bercadang pula untuk menubuhkan GEDI (Gagasan Ekonomi Dunia Islam) dengan mengumpulkan negara-negara umat Islam serantau untuk kepentingan ekonomi bersama. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil dan jika tidak, apakah halangan-halangnya dan sila nyatakan cara-cara untuk mengatasinya.

29-77-9;

**4. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah alasan-alasan yang digunakan oleh Amerika Syarikat untuk menentang gagasan EAEG di masa ianya mula dicadangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Adakah sikap ini berubah apabila Vice President Dan Quayle membuat kenyataan bahawa Amerika Syarikat hendak menjadi ahli EAEG. Negara-negara ASEAN manakah yang didakwa oleh Dan Quayle sebagai menentang gagasan ini.

79-72-97

**10. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam menjadikan cadangan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (East Asia Economic Group—EAEG) sebagai inisiatif ASEAN. Oleh kerana Amerika Syarikat adalah rakan dagangan utama Malaysia dan juga kawasan-kawasan lainnya, apakah langkah yang sedang dibuat untuk menentang bangkangan pihak Washington terhadap cadangan itu.



Bolehkah konsep EAEG menjadi kenyataan walaupun dengan bingkangan kuat dari pihak Amerika Syarikat. Bolehkah cadangan tersebut diubahsuai supaya ianya dapat diterima oleh pihak Amerika Syarikat.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 24-10-1991 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tambun. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Jelutong pada 11 November 1991, Yang Berhormat dari Kawasan Kota Melaka pada 13 November 1991, Yang Berhormat dari Marang pada 26 November 1991, Yang Berhormat dari Padang Terap pada 29 November 1991 dan Yang Berhormat dari Hulu Selangor pada 19 Disember 1991, memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan izin, East Asia Economic Group—EAEG. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

#### **JERANGKAP SAMAR PKM YANG DIMUSNAHKAN**

**23. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jerangkap samar yang telah dipasang oleh PKM dan sehingga kini berapakah yang telah dimusnahkan;
- (b) kawasan-kawasan manakah yang dikenalpasti masih mempunyai jerangkap samar yang masih aktif;
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan keselamatan

orang ramai berhubung dengan jerangkap samar yang masih aktif ini; dan

- (d) bilakah Kerajaan akan dapat mengisytiharkan bahawa semua kawasan sempadan akan selamat dari jerangkap samar.

#### **Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:**

- (a) Jumlah jerangkap samar PKM yang dipasang/ditanam dianggarkan berjumlah 4,000-5,000 butir. Melalui dua sesi soalsiasat yang diadakan di antara Pasukan Keselamatan dan anggota-anggota PKM, jumlah-jumlah yang berikut telah diperolehi:

- (i) Soalsiasat pada 12 November 1990 di Bentung.

Terdapat sebanyak 75-85 butir jerangkap samar di kawasan Bukit Berapit/Kelian Intan, Lenggong, Timur Air Kala dan Sempadan Perak/Kelantan.

- (ii) Soalsiasat pada 16 Mac 1991 di Sungai Golok.

Jumlah jerangkap samar yang dikenalpasti di Perak Utara adalah seperti berikut:

- (a) Batu Sempadan 58 hingga 60.  
50 butir jerangkap samar
- (b) Batu Sempadan 60 hingga 62.  
200 butir jerangkap samar
- (c) Sungai Merah.  
100 butir jerangkap samar.

Selepas Perjanjian Perletakan Senjata PKM pada 2 Disember

1989, dua siri gerakan membersih jerangkap samar yang ditanam oleh PKM telah dilancarkan:

(i) **OP BERSIH II (10 Jan-5 Feb 1991)** Sebanyak 1,013 komponen jerangkap samar telah dijumpai di tempat simpanan dan 5 butir jerangkap samar dijumpai ditanam di sekitar kawasan Bukit Berapit/Kelian Intan, Lenggong dan Timur Air Kala.

(ii) **OP BERSIH III (11 Ogos-2 September 1991)** Sebanyak 124 butir jerangkap samar yang ditanam dan sebanyak 102 butir jerangkap samar yang lelah meletup secara tersendiri (dilanggar binatang, runtuh tanah dan sebagainya) telah dijumpai di sekitar Batu Sempadan 58 hingga 62 (Sungai Merah, Sempadan Perak Utara/Selatan Thailand).

Secara keseluruhan jumlah jerangkap samar yang telah dimusnahkan adalah seperti berikut:

- (i) 1,013 komponen jerangkap samar
  - (ii) 129 butir jerangkap samar yang tertanam
  - (iii) 102 butir jerangkap samar yang telah meletup.
- (b) Pada 2 Mac 1987, keseluruhan anggota Parti Komunis Malaysia (PKMAL), iaitu gabungan PKM-ML dan PKM-RF telah menyerah diri/meletakkan perjuangan bersenjata kepada pihak Thailand. PKMAL pernah bergeraktindak dan menanam jerangkap samar

di kawasan Utara Kedah (Padang Serai, Gubir, Baling). Jerangkap samar ini masih ada yang tertanam di kawasan berkenaan dan tiada perancangan/perjanjian untuk membersihkannya.

Kawasan-kawasan jerangkap samar yang ditanam oleh PKM tidak boleh dianggap selamat 100% walaupun dua siri gerakan pembersihan telah dilaksanakan.

- (c) (i) Pihak Kementerian telah mcnyebarkan maklumat-maklumat am yang tertentu melalui akhbar dan maklumat-maklumat yang khusus kepada pihak J a w a t a n k u a s a Keselamatan Negeri yang berkenaan, Adalah menjadi tanggungjawab pihak J a w a t a n k u a s a Keselamatan Negeri yang berkenaan untuk memaklumkan dan memastikan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh orang ramai.
- (ii) Pasukan Keselamatan telah merancang operasi pembersihan semula (tanpa anggota PKM) di kawasan OP BERSIH II dan III.
- (iii) Di samping mengawal keselamatan di kawasan sempadan Utara Semenanjung, Pasukan Keselamatan juga telah diberi tugas sampingan untuk mencari dan memusnahkan jerangkap samar (jika ada) di kawasan tanggungjawab.
- (d) Secara am, pihak Kerajaan tidak akan dapat mengisytiharkan bahawa semua kawasan

sempadan akan selamat dari jerangkap samar kerana faktor-faktor yang berikut:

- (i) Peninggalan jerangkap samar PKMAL yang masih tertanam dan tiada perjanjian di antara pihak Kerajaan dan PKMAL untuk melaksanakan pembersihan.
- (ii) Jerangkap samar yang menggunakan kuasa bateri dianggarkan akan masih efektif dalam jangkamasa 2-3 tahun. Jika ada jerangkap samar yang ditanam pada awal tahun 1989 ataupun selepas tarikh perjanjian perletakan senjata pada 2 Disember 1989, adalah diperkirakan bahawa jerangkap samar ini masih efektif. Walaupun jangkamasa efektif jerangkap samar dianggarkan dalam jangkamasa 2-3 tahun, tetapi jangkamasa ini boleh mencapai sehingga 5 tahun sekiranya komponen jerangkap samar disediakan dengan rapi dan diservis.
- (iii) Secara am ada kawasan yang ditanami dengan jerangkap samar tetapi tidak dapat dikesan kerana PGK berkenaan telah mati ataupun terbunuh dalam pertempuran dengan pasukan keselamatan.

#### **SISA TOKSID—PEMBUANGAN**

**24. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) kenapa Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang efektif untuk pmbuangan

(dumping and disposal) sisa toksid (toxic waste) di mana telah menjejaskan kesihatan orang awam dan keadaan alam sekitar; dan

- (b) adakah Kerajaan bertujuan untuk mengambil tindakan yang keras untuk menghalang aktiviti-aktiviti pembuangan sisa toksid di Malaysia; jika ya, sila berikan butir-butir tindakan yang diambil, jika tidak, berikan sebab-sebabnya.

#### **Tuan Peter Chin Fah Kui:**

- (a) Dakwaan Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar, sebaliknya Kerajaan adalah memberikan perhatian serius ke atas pengurusan buangan terjadual di Malaysia. Langkah-langkah mengawal pelupusan buangan terjadual ini sedang dijalankan melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan. Kerajaan juga menggalakkan dan memberi insentif-insentif tertentu kepada pihak-pihak swasta yang terlibat di dalam aktiviti menubuhkan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Langkah-langkah ini membolehkan buangan-buangan terjadual di-kendali dengan terkawal dan selamat,
- (b) Kerajaan sememangnya mengambil tindakan yang keras terhadap pelupusan buangan terjadual di tempat-tempat yang tidak dilulus dan dilesenkan. Untuk memastikan pelupusan buangan terjadual tidak dilakukan dengan sewenangnyanya, pekilang-pekilang diarah mentor dan menyimpan rekod terperinci untuk setiap jenis buangan. Pemeriksaan ke kilang-kilang dijalankan untuk memastikan bahawa mereka

mematuhi kehendak undang-undang sepenuhnya.

### UNIVERSITI DI SABAH

**25. Tuan Lai Lun Tzee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan merancang ingin mendirikan sebuah universiti di negeri Sabah; dan
- (b) sekiranya Kerajaan telah mempunyai rancangan tersebut, setakat manakah Kerajaan telah buat. Jikalau belum, sila berikan alasan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah universiti memerlukan perancangan yang teliti dan mendalam. Faktor-faktor fizikal seperti lokasi, kemudahan-kemudahan untuk memenuhi keperluan akademik, pelajar, riadah dan pentadbiran, dan faktor kewangan negara perlu dipertimbangkan. Begitu juga faktor-faktor bukan fizikal seperti tenaga pengajar yang berkelayakan, pelajar-pelajar dan program/kursus yang ditawarkan perlu diteliti agar penubuhan universiti itu kelak dapat mencapai matlamat untuk menambahkan peluang-peluang pendidikan tinggi serta dapat melahirkan gunatenaga yang menyumbang ke arah pembangunan negara.

Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan untuk menambahkan peluang-peluang bagi mendapatkan pendidikan tinggi. Selaras dengan keperluan negara, Kerajaan telah mewujudkan kampus cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan kampus cawangan Institut Teknologi MARA di Kota Kinabalu, Sabah. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah merancang untuk mengembangkan kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak untuk dijadikan nuklias kepada universiti

yang akan dibangunkan di Sarawak kelak. Universiti ini juga boleh memenuhi keperluan pendidikan tinggi di seluruh Malaysia Timur.

### PELANCONGAN DALAM NEGERI—GALAKAN

**26. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) usaha-usaha Kementerian untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri;
- (b) apakah Kementerian tidak bercadang untuk menggalakkan sekolah-sekolah menganjurkan lawatan ke tempat-tempat menarik dalam negeri; dan
- (c) tidakkah ada usaha-usaha daripada hotei-hotel untuk menawarkan pakej khas kepada rakyat tempatan pada muzitn hotel mengalami banyak kekosongan bilik.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy):**

- (a) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah merangka berbagai aktiviti dalam usaha-usaha menggalakkan pelancongan dalam negeri seperti berikut:
  - (i) Mengadakan kempen kesedaran dan publisiti meluas menerusi media tempatan seperti akhbar tempatan, televisyen dan papan-papan tanda mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan yang ada di Malaysia.
  - (ii) Mencetak dan mengedar maklumat-maklumat pelancongan kepada semua pusat penerangan pelancongan, agensi-

agensi pelancongan, hotel-hotel dan pusat-pusat membeli-belah.

- (iii) Mengadakan aktiviti-aktiviti khusus seperti Pesta Malaysia, Minggu Bunga dan Perarakan Bunga-bunga sebagai satu daya tarikan pelancong.
- (b) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menggalakkan sekolah-sekolah menganjurkan lawatan ke tempat-tempat menarik dalam negeri melalui sessi-sessi ceramah mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan yang ada di Malaysia. Kementerian ini bercadang mengadakan program "Summer Camp" dalam tahun 1992 untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang tempat-tempat tarikan pelancongan di negara ini, di samping membuka minat mereka terhadap kerjaya di bidang pelancongan.
- (c) Pada masa ini telahpun terdapat beberapa hotel menawarkan pakej khas kepada rakyat tempatan yang meliputi potongan harga sebanyak 30% termasuk sarapan pagi. Tawaran seumpama ini diiklankan dalam akhbar-akhbar tempatan seperti *The Star* dan *Malay Mail*. Biasanya tawaran ini diadakan dari bulan Mei hingga Oktober.

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18**

**Meroboh Bangunan Institut  
Barakan, Kuala Terengganu**

3.35 *ptg.*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu  
(Nilam Puri):** Bismillahir-rahmanir-

rahim. Assalamu ala manittaba'alhuda. Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan saya ingin mengemukakan pemberitahu bersurat di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat 18, mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul saya berbunyi:

"Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli dari Nilam Puri untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegcrakan, yakni membincangkan kejadian meroboh kesemua bangunan Institut Barakan, Kuala Terengganu oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Terengganu pada 19hb November, 1991 dan mendesak Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah segera untuk menangani segala keperluan bagi membolehkan para pelajar Institut Barakan meneruskan pelajaran mereka bagi sesi akademik yang akan bermula 1hb Disember, 1991 ini".

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara yang tertentu yang menyentuh kejadian yang tersangat menyayat hati yang berlaku pada 19hb November, 1991 apabila dalam satu operasi besar-besaran yang melibatkan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu yang dibantu oleh pasukan polis, ambulans, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Tanah dan Galian, tindakan diambil untuk merobohkan sekolah Institut Barakan dan menghancurkannya sehancur-hancurnya sama sekali lanpa belas kasihan dan tanpa peri kemanusiaan. Operasi menjahanamkan Institut Barakan ini bermula sejak 2.00 pagi dengan sekatan-sekatan jalan raya di sekitar Kuala Terengganu yang

melibatkan beratus-ratus anggota polis. Dari pukul 4.00 pagi hingga 7.00 pagi, tindakan meranapkan sekolah tersebut dijalankan dengan melibatkan 7 buah bulldozer dan beberapa buah lori dari Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah berkenaan kepentingan orang ramai kerana Institut Barakan ialah sebuah sekolah swasta yang diasaskan sejak tahun 1977 oleh sekumpulan mahasiswa lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia yang mendapat inspirasi daripada Menteri Kewangan sekarang. Sekolah tersebut didirikan di atas dasar taqwa dan telah berjaya menampung lebih dari 15,000 pelajar sejak ianya ditubuhkan hingga sekarang. Sekolah ini juga mampu melahirkan para pelajar dengan hasil keputusan akademik yang cemerlang.

Sekolah ini menyewa bangunan yang didirikan di atas tanah persemborjian kepunyaan Hajah Norkiah binti Khalid dan sebahagiannya lagi di atas tanah Kerajaan. Memandangkan bangunan sekolah itu sempit dan permohonan kemasukan pelajar bertambah setiap tahun, pihak sekolah telah mendirikan bangunan tambahan di atas tapak tanah Kerajaan. Ketika PAS berada dalam Barisan Nasional dahulu, Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan permohonan menggunakan tanah Kerajaan bagi tujuan kegunaan sekolah Institut Barakan pada tahun 1978, bagaimanapun kelulusan ini ditarik balik setelah PAS keluar daripada Barisan Nasional.

Berkenaan dengan masalah bangunan sekolah Institut Barakan ini yang sebahagiannya metibatkan tanah Kerajaan, rundingan demi rundingan sentiasa diadakan oleh pihak sekolah dengan pihak berkuasa. Antaranya melibatkan Pengerusi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan Pegawai Daerah. Hasil dari rundingan yang diadakan, Yang di-Pertua Majlis

Perbandaran Kuala Terengganu telah meminta supaya pihak sekolah membuat permohonan beserta dengan pelannya dan dikehendaki dihantar kepada Pejabat, Daerah untuk dipertimbangkan. Bermula dari permohonan itu dibuat sehingga sekarang, pihak sekolah tidak menerima sebarang jawapan sehinggalah berlakulah kejadian merobohkan semua bangunan sekolah Institut Barakan pada 19hb November, 1991 sehingga sekolah itu menjadi padang jarak padang terkukur sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berkehendak disegerakan kerana berikutan dengan kejadian ini, kira-kira 800 pelajar Institut Barakan akan mengalami kesulitan untuk menyambung kembali pelajaran mereka dalam sesi baru yang akan bermula 1 Disember ini. Bagaimanakah nasib pelajar ini sedangkan sekolah mereka hancur musnah sama sekali?

Sekian, saya mohon mencadangkan dengan seruan Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar walillahilham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri pagi ini. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah puas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat; iaitu perkara itu tertentu; kedua ialah kepentingan bagi orang ramai; dan ketiga, ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara-perkara ini dan saya berpendapat bahawa ia perkara tertentu; ia bagi kepentingan orang ramai; dan ketiga saya berpendapat perkara ini tidak perlu disegerakan perbincangannya sehingga

menangguhkan persidangan hari ini kerana saya difahamkan perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Terengganu dan ia telahpun berlaku.

Selain daripada itu, saya juga telah difahamkan bahawa:

- (i) bangunan ini telah didirikan di atas tanah Kerajaan;
- (ii) bangunan itu didirikan tanpa pelan yang diluluskan oleh pihak Majlis Perbendaharaan Kuala Terengganu;
- (iii) sebelum perobohan itu dijalankan, notis telahpun diberi pertamanya pada 14.1.91 dan diikuti pula pada 16.9.1991.

Berkenaan dengan murid-murid sekolah yang bersabit itu, saya difahamkan mereka boleh memasuki mana-mana sekolah rakyat atau sekolah-sekolah Kerajaan yang mereka suka untuk meneruskan pelajaran mereka.

Oleh itu perkara ini bukanlah perkara yang perlu disegerakan dan oleh yang demikian saya menolak usul Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
TABUNG ANTARABANGSA BAGI  
PEMBANGUNAN PERTANIAN**

Bacaan Kali Yang Perlama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membolehkan Malaysia menjadi anggota Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian melalui penerimaan Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian;

dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PINJAMAN**

**(TABUNG ANTARABANGSA  
BAGI PEMBANGUNAN  
PERTANIAN)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk persekutuan atau pihak-pihak berkuasa berkanun tertentu memperdapatkan pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi pembangunan pertanian dan untuk perkara-perkara yang bersangkutan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN 1992**

Bacaan Kali Yang Kedua

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
1992**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

"Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$11,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai itu." (25hb November, 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu, barangkali kita terpaksa melanjutkan mesyuarat kita pada malam ini jikalau sekiranya jawapan-jawapan daripada Menteri-menteri tidak dihabiskan pada pukul 6.30 petang dengan kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 66(3), 2 hari hendaklah diuntukkan untuk menjawab daripada Menteri-menteri. Kita tidak boleh melangkau kepada 3 hari. Oleh yang demikian, saya mempersilakan Kementerian Pendidikan, sila sambung.

*4.46 ptg.*

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, Selangau dan Sungai Benut telah menggesa Kementerian Pendidikan menyegerakan pelaksanaan program komputer di sekolah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan metaksanakan projek perintis program komputer dalam pendidikan di 60 buah sekotah menengah di seluruh negara pada sesi persekolahan 1991 dan 1992 ini.

Perlaksanaan program tersebut di sekolah-sekolah menengah yang lain akan dijalankan secara berperingkat-peringkat sepanjang Rancangan Malaysia Keenam selaras dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mengalu-alukan usaha Kementerian Pendidikan dalam mengadakan program pra sekolah. Penubuhan pra sekolah diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan termiskin di bandar atau di luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak ada pra sekolah.

Menjawab atas isu yang sama yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Padang Serai, Kementerian Pendidikan tidak merancang untuk mengambil alih kelas-kelas pra sekolah yang dianjurkan oleh pihak KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan agensi-agensi lain. Koordinasi dengan Jabatan, Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat telahpun kita buat. Berhubung dengan persediaan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan pendidikan pra sekolah dari segi infrastruktur seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Langat dan dari Kangar, Kementerian Pendidikan telahpun membuat persediaan yang sewajarnya dengan mengubahsuai infrastruktur yang sedia ada.

Yang Berhormat dari Kota Bahru telah bertanyakan tentang perbandingan antara peruntukan Belanjawan 1992 Kementerian Pendidikan kepada pembinaan akhlak dengan peruntukan pembangunan ekonomi. Sebenarnya setiap peruntukan yang diagihkan kepada sebarang program pendidikan ataupun aktiviti-aktiviti pelaksanaan kurikulum yang akan dan sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah di seluruh negara adalah



bersifat bersepadu yang merangkumi nilai-nilai murni yang bertujuan untuk kita mewujudkan insan yang berakhlak tinggi dan berketrampilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai persediaan telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan program pendidikan pra-sekolah. Bilik-bilik darjah yang sedia ada telahpun diubahsuai. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$140 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan 3,500 bilik darjah bagi tujuan ini. Jadi, sehingga tahun 1993, kebanyakan sekolah yang menjalankan pendidikan pra sekolah akan menggunakan guru-guru terlalih yang sedia ada yang akan diberi latihan tambahan juga. Seramai 1,700 orang guru latihan pra-perkhidmatan mula diambil bagi tahun 1991 dan 1,600 orang lagi akan terus diambil seliap tahun sehingga pengambilan 1995.

Yang Berhormat dari Kota Setar telahpun menimbulkan isu merokok di sekolah-sekolah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk menimbulkan kesedaran bahaya merokok di kalangan pelajar. Jadi, di antara usaha yang telah kita laksanakan ialah seperti mengadakan kempen anti merokok, pertandingan melukis poster untuk membangkitkan kesedaran dan ceramah-ceramah mengenai bahaya merokok oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Kementerian Pendidikan telahpun melaksanakan program larangan merokok yang telah dikuatkuasakan di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah berupa larangan sepenuhnya. Di antara larangan merokok yang telah dikuatkuasakan ialah larangan merokok di bilik-bilik darjah atau di bilik-bilik yang dijadikan bilik-bilik darjah, larangan menghisap rokok ke atas murid-murid sekolah dan

larangan menghisap rokok di kawasan sekolah dan dalam mesyuarat-mesyuarat dan majlis-majlis rasmi di sekolah.

Yang Berhormat dari Sungai Petani telahpun menggesa supaya guru-guru yang terlibat dalam matapelajaran Kemahiran Manipulatif di sekolah rendah diorientasikan semula. Orientasi semula mata pelajaran Kemahiran Manipulatif initalahpun kita jalankan dari semasa ke semasa sejak matapelajaran ini diperkenalkan kepada guru-guru dan kakitangan sumber.

Menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Puchung mengenai peruntukan yang banyak bagi membiayai pelajar-pelajar luar negeri, sebenarnya pembiayaan itu diperlukan bagi kita mengatasi kenaikan yuran dan kadar sara hidup yang meningkat di luar negeri. Kursus-kursus yang dipelajari di luar negeri itu tidak terdapat di negeri ini. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menjalankan pengajian di peringkat Ijazah Pertama bagi tahun satu dan dua secara 'linkages' dengan kortsotium luar negeri di Pusat Pendidikan Persediaan ITM dan juga Kolej Pengajian Tinggi MARA. Dengan mengadakan program persediaan di dalam negeri, kita Kerajaan telahpun dapat menjimatkan peruntukan lebih kurang \$30 juta setahun dan ini adalah merupakan 1/3 dari jumlah peruntukan keseluruhannya.

Menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Puchung mengenai pembinaan lebih banyak institusi-institusi pengajian tinggi, Kerajaan sentiasa menambah peluang-peluang pendidikan tinggi negara ini dengan membangunkan beberapa cawangan universiti tempatan, memperbesarkan kampus-kampus induk kita dan cawangannya, menambah program baru, membenarkan pihak swasta menyediakan pendidikan melalui program berkembar. Setelah memenuhi

syarat-syarat Kementerian Pendidikan dan juga menambahkan kemasukan pelajar ke institusi-institusi pengajian tempatan, Kerajaan juga sentiasa mempertimbangkan untuk menambahkan institusi-institusi pengajian tinggi.

Yang Berhormat dari Kangar telah juga mencadangkan supaya disesuaikan Kurikulum Teknik dan Vokasional dengan perkembangan industri di negara kita. Kementerian Pendidikan memang mengambil berat perkara ini, dan usaha-usaha sedang kita buat untuk menyesuaikan Kurikulum Pendidikan Teknik dan juga Vokasional selaras dengan hasrat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju.

Mulai tahun 1993, beberapa matapelajaran baru dalam bidang vokasional dan teknologi seperti Ekonormi Asas, Pengajian Kejuruleraan, Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Lukisan Kejuruteraan dan juga Teknologi Kejuruteraan akan kita perkenalkan. Semua program ini adalah bertujuan untuk mendokong hasrat Wawasan 2020.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah memohon supaya peruntukan Pendidikan Vokasional Teknik dan Komputer ditambah.

Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan ini dan perkara ini kita tetapkan dan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya,

Mengenai penubuhan pusat-pusat latihan dan sekolah vokasional bagi melahirkan usahawan-usahawan yang cekap dalam pengurusan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut, program ini sedang di peringkat perancangan dan usaha-usaha ini adalah untuk menyediakan latihan vokasional bagi masyarakat tempatan yang berminat untuk menggunakan

kemudahan yang sedia ada di sekolah-sekolah menengah vokasional.

Yang Berhormat dari Kangar telah mencadangkan supaya pihak swasta mengambil bahagian dalam usaha menterjemahkan buku-buku ke dalam bahasa Melayu,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan lagi penerbitan buku terjemahan sejak tahun 1988, Dewan Bahasa dan Pustaka telah melancarkan skim khusus yang dinamakan Skim Nadi. Di bawah skim ini khidmat syarikat swasta digunakan sepenuhnya untuk kerja penerbitan buku dari peringkat penterjemahan sehinggalah ke peringkat buku diterbitkan. Skim ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada syarikat-syarikat swasta dan akan kita teruskan.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Machang mengenai peranan universiti, ia memang menjadi hasrat pihak universiti untuk menghasilkan kepakaran-kepakaran yang diperlukan dalam industri. Program-program sentiasa kita kemaskinikan dan pihak universiti sentiasa berhubung dengan pihak industri bagi melahirkan kepakaran-kepakaran yang diperlukan.

Mengenai permintaan dari Yang Berhormat dari Kuala Kerai supaya Kerajaan Pusat membantu rakyat dan kawasan yang menghadapi masalah dan bcrkadaan mundur seperti di Sungai Pas, Batu Mengkebang yang tidak mempunyai sekolah rendah, Kementerian Pendidikan menyedari masalah ini yang dihadapi oleh penduduk di situ, tetapi pembinaan sesebuah sekolah di satu-satu tempat adalah berdasarkan keperluan dan keutamaan serta agihan peruntukan kita.

Yang Berhormat dari Sungai Benut dan dari Santubong telah menggesa Kementerian Pendidikan memberi tumpuan kepada kemudahan asas dan mutu pendidikan di semua peringkat

persekolahan terutamanya di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menjadi hasrat Kementerian dari dahulu lagi untuk memberi pendidikan yang bermutu kepada anak-anak bangsa khususnya di luar bandar. Kemudahan-kemudahan asas yang disediakan bukan sahaja bertujuan untuk memberi peluang kepada semua murid bersekolah, tetapi juga untuk membolehkan murid-murid menikmati suasana pembelajaran yang lebih sempurna, sesuai dan berkesan.

Usaha Kementerian Pendidikan sentiasa dipertingkatkan dan di antara program-program yang dilaksanakan untuk meningkatkan mutu pendidikan tersebut ialah melalui Skim Pinjaman Buku Teks, Skim Amalan Makanan dan Pemakanan, Program Susu Sekolah di samping menambah dan melengkapkan kemudahan asrama desa dan asrama sekolah luar bandar.

Yang Berhormat dari Santubong juga meminta Kementerian Pendidikan mempercepatkan projek asrama dan sekolah gantian di kawasan pedalaman. Ini sebenarnya kita berusaha untuk mempercepatkan pelaksanaannya, khususnya di kawasan-kawasan pedalaman termasuklah projek-projek asrama dan sekolah-sekolah gantian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan sememangnya menyediakan kemudahan asas pendidikan dari peringkat rendah hinggalah ke universiti.

Yang Berhormat dari Kuala Langat juga telah mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengawasi penjualan makanan ringan atau junk food, dengan izin, di sekolah-sekolah dan memasukkan unsur pendidikan pemakanan ke dalam kurikulum sekolah.

Bagi mengawasi penjualan makanan ringan di sekolah-sekolah kita, Kementerian Pendidikan dengan usahasama Kementerian Kesihatan telah menerbitkan satu buku garis panduan kantin, untuk diikuti dan dipatuhi oleh semua pengusaha-pengusaha kantin sekolah. Di samping buku tersebut, pihak sekolah juga telah diarahkan sentiasa mengawasi agar makanan ringan atau 'junk food' tidak dijualkan di sekolah.

Berhubungan dengan kemasukan...

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun hendak minta apa?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan hendak beri?

**Dr Leo Michael Toyad:**... boleh tunggu dan minta penjelasan dalam peringkat Jawatankuasa yang lagi panjang. Terima kasih.

Berhubung dengan memasukkan pendidikan pemakanan dalam kurikulum sekolah, walaupun pendidikan kesihatan tidak diajar sebagai satu matapelajaran di sekolah rendah, namun diajar melalui penyisipan dan penggabungan jalinan dengan matapelajaran Pendidikan Jasmani, Pendidikan Alam Manusia, Pendidikan Moral dan juga Pendidikan Agama. Dan bagi Sekolah Menengah pula ianya diajar secara penggabungan jalinan dalam matapelajaran pendidikan-pendidikan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai yang ingin tahu mengenai peruntukan sebanyak \$6.7 juta yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan, berapakah diperuntukkan untuk SRJK

di luar bandar. Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan diperuntukkan sebanyak \$6,843,057 dan \$960 juta daripada itu dikhaskan untuk Program-program Sekolah Rendah termasuklah pembinaan sekolah-sekolah baru, tambahan dan gantian di seluruh kawasan, tidak kira sama ada di luar bandarataupun di bandar.

Yang Berhormat dari Alor Setar juga telah mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menggunakan peruntukan yang diberikan sepenuhnya ke arah mempertingkatkan program-program pendidikan dan mencadangkan juga supaya Kementerian memberi peruntukan khas kepada sekolah-sekolah rendah terutamanya SRJK(C) dan SRJK(T).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya memberikan keutamaan yang lebih bagi mempertingkatkan program-program pendidikan.

Dalam tahun 1992, daripada jumlah Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$6.7 ribu juta yang dicadangkan sebanyak \$5.6 ribu juta adalah untuk Program Pendidikan Rendah dan Menengah termasuk Pendidikan Teknik, Pendidikan Vokasional dan peruntukan kepada universiti-universiti tempatan. Ini merupakan 83.9% daripada jumlah keseluruhan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Peruntukan juga disediakan bagi program-program yang lain yang merupakan program sokongan kepada program-program pendidikan, tetapi tidak kurang pentingnya seperti Program Pendidikan Guru, Program Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian, Perancangan Pendidikan serta Program Kebajikan Penuntut-penuntut.

Bagi tujuan ini, peruntukan yang dicadangkan berjumlah \$651 juta, ia merupakan 9.8% daripada jumlah

peruntukan yang dicadangkan untuk Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat dari Santubong juga telah menimbulkan isu kefahaman belajar tentang bahaya AIDS dadah dan menghidu gam. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk memperkukuhkan kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang bahaya AIDS, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan satu jawatankuasa bertindak yang dinamakan Jawatankuasa Bersama Pendidikan Pencegahan AIDS di sekolah yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan. Antara usaha yang dijalankan ialah mengarahkan sekolah menjemput penceramah dari Jabatan Kesihatan Negeri atau Kementerian Kesihatan memberi ceramah berhubung dengan AIDS dan bahayanya kepada manusia dan negara semasa kegiatan ko-kurikulum atau semasa waktu pelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan. Kita telahpun mengedarkan kit video pendidikan pencegahan AIDS kepada semua sekolah menengah di Malaysia.

Dalam memperkukuhkan kefahaman pelajar tentang bahaya dadah dan menghidu, Kementerian Pendidikan telah menjalankan program dan aktiviti melalui Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah dan Menghidu. Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah pertama ialah pada tahun 1985 hingga 1989, dan yang kedua pada tahun 1990 sehingga 1994. Beberapa program dan aktiviti yang dijalankan ialah mulai tahun 1991 ini, guru-guru di semua sekolah menengah dan rendah di seluruh negara, sebelum mengajar matapelajaran masing-masing, akan menerangkan tentang bahaya dadah dan menghidu kepada pelajar selama 5 minit dan program ini berjalan 5 hari dengan 40 tajuk tentang bahaya dadah dan menghidu. Di samping itu, program lain seperti Skim Rencana Anti Dadah, pameran bimbingan dan kaunseling, pendidikan pencegahan

dadah, penyiaran maklumat tentang bahaya dadah dan juga bahan cetak lain dan acara versi kartoon anti dadah.

Berhubung dengan penubuhan sekolah dan institusi pendidikan swasta yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sibul, Kementerian Pendidikan sememangnya membenarkan penubuhan dan pendaftaran institusi pendidikan swasta termasuk kolej-kolej swasta yang diiktiraf dan syarat penubuhan dan pendaftaran institusi itu hendaklah selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan serta mematuhi peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini.

Yang Berhormat dari Kuala Langat telah menyarankan supaya Kementerian Pendidikan melatih tenaga mahir melalui program yang teratur serta memperbincangkan institusi latihan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, politeknik-politeknik dan sekolah-sekolah menengah vokasional baru akan direkabentuk untuk menampung lebih ramai pelajar-pelajar daripada sekarang. Faktor utility dan keberkesanan latihan diambilkira dalam rekabentuk baru. Beberapa bidang pengkhususan dalam kursus-kursus ketukangan dan kejuruteraan akan diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah vokasional yang baru dan sedia ada supaya ianya setanding dengan perkembangan teknologi semasa. Di samping itu, politeknik pula akan meneroka bidang-bidang baru seperti elektronik, bio-medical. Usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kementerian juga untuk meningkatkan kemahiran tenaga pengajar melalui program-program fellowship dalam dan luar negeri.

Yang Berhormat dari Sungai Benut telah menyarankan supaya ditubuhkan pusat-pusat latihan dan sekolah-sekolah vokasional bagi melahirkan usahawan-usahawan yang cekap dalam pengurusan. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan kurikulum

keusahawanan dalam kebanyakan kursus di sekolah menengah vokasional dan politeknik, dan pelajar yang mengikuti kursus ekonomi rumah-tangga dan sains pertanian diwajibkan mengambil matapelajaran yang berunsurkan keusahawanan. Di samping itu, semua pelajar politeknik juga tidak kira jurusan diwajibkan mengikuti matapelajaran keusahawanan. Rancangan juga sedang dibuat untuk menubuhkan pusat keusahawanan di semua politeknik bagi melatih secara intensif segala aspek keusahawanan dan pengurusan.

Yang Berhormat dari Shah Alam juga telah menggcasa Kementerian Pendidikan supaya menyusun semula slruktur sistem pendidikan formal dan tidak formal ke arah keperluan perindustrian dan teknologi. Kementerian Pendidikan sentiasa peka kepada keperluan industri untuk mendapat tenaga mahir dan separuh mahir dari segi kuantiti dan kualitinya. Jadi, untuk tujuan ini kurikulum di peringkat sekolah menengah vokasional, dan akademik dan juga politeknik sentiasa kita kemaskinikan mengikut arah aliran perubahan industri dan teknologi. Berbagai kursus vokasional dan teknik di sekolah menengah vokasional dan politeknik diperkenalkan' dan kebanyakannya berunsur high-tech seperti CNC (Computer Numerical Control), CAD (Computer Aided Design), robotic dan lain-lain kursus dalam berbagai bidang termasuk mecatronic, electro-mechanical dan juga teknologi pembuatan. Kurikulum dalam bidang teknologi ini juga digubal dengan kerjasama pihak industri berdasarkan konsep industry-driven curriculum, dengan izin, bagi menentukan tenaga pekerja yang terlatih secukup dengan keperluannya. Majlis Penasihat Vokasional dan Teknik Kebangsaan yang dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi Kerajaan serta wakil-wakil industri telahpun ditubuhkan yang di antara lain

mempunyai tujuan untuk menjadikan semula kurikulum kursus-kursus sepenuh masa oleh politeknik dan sekolah-sekolah menengah vokasional dan juga memberi nasihat mengenai perubahan dalam pemasaran tenaga manusia dan lain-lain faktor ekonomi yang mungkin akan mempengaruhi kursus-kursus yang berkenaan.

Berhubung dengan peruntukan untuk penubuhan universiti di Sarawak yang tidak dibentangkan di dalam Belanjawan 1992 baru-baru ini, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sibu, sebenarnya Kerajaan telahpun memperuntukkan sebanyak \$94.11 juta di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak. Kampus cawangan tersebut merupakan nucleus kepada universiti yang akan dibangunkan di Sarawak kelak.

Yang Berhormat dari Sungai Petani menyarankan supaya pendidikan di Malaysia harus memenuhi kehendak Wawasan 2020. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan turut serta dalam usaha menentukan tercapai matlamat ini dengan memberi penekanan seperti mana yang disebut tadi kepada pendidikan teknik dan vokasional yang sesuai dengan perkembangan perindustrian di masa hadapan.

Mengenai galakan untuk penulisan karya-karya ilmiah, Kementerian Pendidikan juga mengucapkan terima kasih kerana sokongan beliau kepada dasar Kerajaan yang memberi pengecualian cukai royalti terhadap karya terjemahan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada beberapa isu lagi yang tidak sempat saya jawab di sini.

Perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan jika sesuai akan diambil tindakan yang diperlukan.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Kalau ada apa-apa penjelasan diperlukan lagi, boleh kita bincangkan di peringkat Jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Pertanian.

*4.07 ptg.*

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, Pengkalan Cepa, Nilam Puri, Sibu dan Bukit Mas yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, Pengkalan Cepa dan Nilam Puri telah membangkitkan masalah subsidi baja sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri dan wang pembangunan lewat dikeluarkan kepada Kerajaan Kelantan yang mengakibatkan projek terjejas perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program projek pembangunan pertanian di bawah Kementerian di negeri Kelantan berjalan seperti biasa kecuali bagi program di bawah Skim Subsidi Baja Padi yang telah dihentikan buat sementara waktu. Langkah pemberhentian ini adalah bertujuan untuk membolehkan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat Negeri berkenaan menyusun semula saluran pembahagian baja disebabkan saluran pembahagian

baja yang asal telah terjejas akibat pemberhentian perkhidmatan Penghulu-penghulu oleh Kerajaan Negeri. Subsidi baja ini akan didedahkan kepada semua pesawah yang layak sebaik sahaja saluran pembahagian dan proses-proses berkaitan dengannya selesai diuruskan.

Mengenai dakwaan bahawa wang pembangunan lewat dikeluarkan kepada Kerajaan Kelantan, dimaklumkan bahawa semua peruntukkan Pembangunan berjumlah \$45,805,000 untuk Negeri Kelantan telahpun dikeluarkan. Mulai tahun 1991, peruntukkan tidak lagi dikeluarkan terus kepada Bendahari Negeri tetapi melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras semua projek pembangunan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibn mencadangkan supaya Akta Perikanan dikaji semula. Berhubung dengan perkara ini, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian telah menerima banyak memorandum-memorandum daripada persatuan-persatuan nelayan. Cadangan-cadangan pindaan Akta Perikanan 1985 pada masa ini sedang disemak. Apabila cadangan-cadangan pindaan diluluskan, Rang Undang-undang pindaan ini akan dikemukakan di Parlimen untuk dibentangkan. Tindakan penguatkuasaan terhadap nelayan-nelayan yang mencero bohi perairan penangkapan ikan yang dilarang itu tetap akan dijalankan. Ini adalah untuk melindungi nelayan tradisi dan juga untuk pemeliharaan sumber-sumber perikanan.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri juga telah membangkitkan mengenai kapal korek yang digunakan untuk mengorek muara Sungai Kelantan dan Sungai Golok telah dipindahkan ke Johor. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan

bahawa adalah benar sebuah kapal korek telah menjalankan kerja di muara Sungai Kelantan sebelum ini. Walau bagaimanapun kapal korek tersebut adalah kepunyaan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia. Mengikut maklumat yang diterima daripada Jabatan berkenaan kapal korek tersebut telah diarah supaya dipindahkan oleh pihak Kementerian Pengangkutan ke Mersing di Negeri Johor oleh kerana muara Sungai Mersing telah terlalu cetek dan telah memberi masalah pengangkutan kepada nelayan-nelayan dan pengguna lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah mengemukakan beberapa cadangan supaya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan agensi sehubungan dengannya memberi perhatian dan membantu mengenai kebajikan nelayan dan memperkenalkan industri ikan laut dalam di kawasan berkenaan. Kementerian Pertanian khususnya LKIM sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat nelayan di Negeri Sarawak.

Di dalam usaha untuk membangunkan taraf sosio-ekonomi nelayan di kawasan Bukit Mas, Sarawak yang meliputi Lawas dan Limbang, beberapa projek yang berpotensi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Peruntukan bagi melaksanakan projek ke Pusat Memproses Hasil-Hasil Perikanan di Kampung Kunak. Anggaran sebanyak \$40,000 bagi projek ini diberi oleh Kementerian dan perlaksanaannya ialah pada tahun 1992.
- (ii) Penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Lawas di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Pihak LKIM sedia menubuh Persatuan Nelayan Kawasan Lawas sekiranya ada

permohonan dari nelayan tempatan untuk mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi mereka.

- (iii) Penternakan ikan dalam sangkar. Kajian kesesuaian ternakan ikan dalam sangkar telah dibuat di beberapa kawasan di Limbang pada awal tahun 1991. Kawasan yang telah dikenal pasti sesuai dan berpotensi untuk ternakan ikan dalam sangkar ialah Sungai Bangau, Sungai Sibukang, Kuala Rantau dan Sungai Sentahak. LKIM akan mempertimbangkan untuk memberi bantuan projek ternakan ikan dalam sangkar apabila peruntukkan untuknya diperolehi.

Mengenai penangkapan ikan laut dalam, kebanyakan nelayan di kawasan Bukit Mas adalah terdiri daripada nelayan pantai yang mengusahakan bot enjin sangkut. Oleh itu untuk membolehkan mereka menceburi bidang penangkapan ikan laut dalam, latihan yang sesuai serta pendedahan yang secukupnya hendaklah diberikan. Selain daripada itu memandangkan bidang ini memerlukan modal yang besar, nelayan yang terlibat hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai kesanggupan memperolehi pinjaman dan berkemampuan membayar balik pinjaman tersebut. Daya usaha dan daya tahan yang tinggi juga adakah sifat-sifat yang dimestikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, leguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pertanian. Pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan demi faedah petani, penternak dan nelayan di negara ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hat Ehwat Pegguna.

*4.16 ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pegguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lelah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pegguna semasa membahaskan Belanjawan Persekutuan 1992 di Dewan yang mulia ini. Segala pandangan dan ulasan itu akan diberi perhatian oleh Kementerian dalam melaksanakan bidang tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa cadangan dan ulasan khususnya yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mencadangkan supaya beberapa tugas dan tanggungjawab yang sekarang ini terletak di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dipindah ke Kementerian ini. Sudah tentulah pihak Kabinet akan mengkaji dari semasa ke semasa tugas dan tanggungjawab di antara Kementerian-kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu telah menyentuh tentang harga barang-barang perlu dan berharap bahawa kenaikan harga tidak berlaku ke atas barang-barang keperluan rakyat miskin.

Saya suka menjelaskan bahawa negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas, dalam mana harga barang-barang pada amnya ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan



yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengawal dan menetapkan harga maksima ke atas 9 jenis barangan perlu iaitu gula bertapis, tepung gandum, simen "Portland", batang besi, keluli bulat, petroleum premium, petrol regular, minyak disel, minyak tanah dan gas petroleum cecair. Bagi barang-barang ini sebarang perubahan harga perlu mendapat kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Pengawalan harga ke atas barang-barang ini adalah bertujuan untuk menstabilkan harga pada paras yang berpatutan di samping memberi pulangan balik yang munasabah kepada pengeluar-pengeluar tempatan serta menentukan bekalan sentiasa mencukupi. Kerajaan tidak mengawal dan menetapkan harga lain-lain barangan perlu selain daripada yang tersebut di atas kerana kebanyakan daripada barangan tersebut tidak diproses dalam negeri, dan 100% diimport dari luar negeri. Contohnya seperti susu tepung, sardin dalam tin dan lain-lain barangan harian yang digunakan oleh orang ramai.

Walaupun harga barang-barang tersebut tidak dikawal dan ditetapkan, Kementerian telah mengambil berbagai langkah lain untuk mencegah penyelewengan dan kenaikan harga yang tidak berpatutan ke atas barangan tersebut. Langkah-langkah tersebut termasuklah menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang menetapkan 20 barangan kawalan tetap dan 25 barangan kawalan musim perayaan. Barangan-barangan ini dikawal dari segi pengeluaran, penyimpanan, pengedaran dan penjualan untuk mengelakkan berlakunya penyorokan dan memastikan supaya bekalan sentiasa mencukupi.

Melalui Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan sama ada pihak Kementerianya sanggup mengadakan C.P.I atau Consumer Price Index untuk kawasan-kawasan luar bandar dan berasingan daripada C.P.I. untuk kawasan bandar kerana pada pengalaman kami, harga itu tidak serupa di antara satu kawasan Ujar bandar dengan bandar.

Dan memandangkan jawapan Yang Berhormat tadi, kadar inflasi yang berdasarkan kepada C.P.I. dengan barang-barang keperluan di dalam bakul (basket) itu, barang-barang keperluan yang dihadkan atau dikawal, itulah yang timbulnya kadar inflasi yang diberi oleh Kerajaan.

Bolehkah Yang Berhormat itu mempertimbangkan keperluan untuk mengadakan C.P.I. berasingan di antara luar bandar dan bandar kerana ini akan membayangkan keadaan yang sebenar.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan baru-baru ini telahpun melantik satu pakar perunding antarabangsa untuk menyelidik keadaan harga-harga barang di luar bandar, dalam bandar, di kawasan Sarawak, Sabah dan sebagainya secara menyeluruh dan hasil dari laporan itu sudah tentu berbagai-bagai rumusan akan dibuat. Bukan sahaja kita hendak adakan indeks yang berasingan bagi luar bandar dan bandar tetapi juga kita akan mencari jalan bagaimana jurang perbezaan harga di antara kawasan-kawasan itu dapat dikurangkan. Kita terpaksa tunggah sekejap kepada laporan dan kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Akta Perihal Dagangan atau Trade

Descriptions Act, 1972 dan peraturan-peraturan di bawahnya, Kementerian mengambil tindakan ke atas perbuatan mempamerkan keterangan atau tanda-harga yang palsu termasuk jualan murah palsu untuk mengelakkan pengguna daripada ditipu atau diperdaya. Kerajaan juga berusaha untuk mengawal kenaikan harga barang-barang dengan mengurangkan duti import, cukai jualan, cukai tokok dan duti eksais ke atas beberapa barangan, termasuk barang-barang makanan, input yang dikenakan dalam sektor pertanian dan barang keperluan rumah-tangga. Walau bagaimanapun, tindakan melalui cukai dan langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh Kerajaan adalah terhad kerana wujudnya faktor-faktor di luar kuasa Kerajaan. Ini termasuklah sekiranya harga bahan atau barangan yang diimport meningkat di pasaran dunia.

Selain dari langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga, pengguna juga harus melaksanakan peranan yang waras dan rasional dalam urusan jual-beli dengan membuat perancangan yang sewajarnya berasaskan kemampuan dan keperluan masing-masing. Sehubungan dengan ini, sebagai Kementerian yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal pengguna, Kementerian telah dan masih terus mendidik dan melindungi para pengguna supaya mereka tidak diperdaya oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, di samping menjaga kepentingan para pengguna di negara ini.

Bagi tahun hadapan, program pendidikan pengguna seperti seminar, ceramah, pameran dan lain-lain masih dipertimbangkan. Kementerian juga sedang menyusun struktur-struktur yang tertentu bagi membolehkan jenama kepenggunaan di negara ini diperluaskan di seluruh negara. Apa yang penting ialah semua pihak hendaklah memainkan peranan masing-masing agar negara ini sentiasa

mengamalkan amalan perdagangan yang sihat dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan dan ulasan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);**  
Kementerian Kesihatan.

4.24 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa pandangan dan teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas merasakan peruntukan bagi projek kesihatan desa terlalu kecil dan meminta Kerajaan memberi perhatian yang lebih terhadap kesihatan penduduk-penduduk desa. Beliau juga menyentuh tentang pembinaan 36 buah hospital di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan ingin tahu tentang perancangannya sehinggalah kepada syarikat mana yang diberi tender.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian kepada taraf kesihatan semua penduduk di negara ini termasuk penduduk di kawasan luar bandar. Perbandingan di antara peruntukan yang disediakan untuk pembinaan hospital-hospital dengan kemudahan-kemudahan luar bandar adalah kurang tepat kerana sebuah hospital merangkumi beberapa komponen yang menggunakan teknologi moden dan perkhidmatan sampingan yang mengenakan kos tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah hospital yang dibina di kawasan bandar akan menyediakan perkhidmatan bagi seluruh daerah termasuk luar bandar. Sebuah hospital daerah adalah pusat rujukan bagi pusat-pusat kesihatan di daerah tersebut. Ini adalah perlu untuk memastikan kes-kes yang dikesan di pusat-pusat kesihatan dapat diberi rawatan sempurna. Dengan demikian, penduduk di kawasan luar bandar juga akan menikmati perkhidmatan yang disediakan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sejumlah \$172 juta telahpun disediakan bagi pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar seperti berikut:

Pusat Kesihatan	-	20
Pusat Kesihatan Fasa 1	-	35
Pusat Kesihatan Fasa 1 Naik Taraf ke Pusat Kesihatan	-	34
Klinik Desa	-	121
Klinik Desa Fasa 1	-	2
Rumah Bidan naik taraf ke Klinik Desa	-	31
Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak	-	5
Tambahan Klinik	-	16
Pcjabat Kesihatan	-	18
Unit X-Ray	-	8
Hospital Desa	-	1
Tambahan Quarters	-	14

Di samping itu peruntukan sejumlah \$56 juta telahpun disediakan bagi program Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekitar ataupun BAKAS. Peruntukan sebanyak \$1,791,891 ribu bagi pembinaan 36 buah hospital telahpun disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Di antaranya kontrak untuk pembinaan 30 buah hospital telah dikeluarkan. Hanya kontrak pembinaan 12 buah hospital telah dikendalikan oleh sebuah syarikat kontraktor kerana sebab-sebab berikut:

- (i) Pakej pembinaan 12 buah hospital dengan menggunakan konsep nuklius telahpun dirangka di bawah Perjanjian Bantuan Luar di antara Kerajaan

Britain dengan Kerajaan Malaysia. Daripada jumlah kontrak sebanyak \$836.2382 juta, amaum sebanyak \$18.601 juta iaitu anggaran sebanyak \$89.28 juta. telahpun diberi sebagai aid grant, dengan izin, oleh Kerajaan British.

- (ii) Konsep nuklius yang telahpun digunakan oleh Kerajaan British dalam pembinaan hospital telah memberi peluang untuk memahami konsep piawai yang digunakan dalam merekabentuk sebuah hospital. Ini akan memudahkan rancangan pembinaan hospital di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya di dalam sesi perbahasan mengenai dasar-dasar am Belanjawan kali ini terdapat juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat teguran-teguran mengenai penyakit AIDS. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Tumpat dan Lumut telahpun membahaskan dengan panjang lebar tentang penyakit ini dan Kementerian Kesihatan diminta mengadakan satu-satu polisi yang jelas mengenai pengesanan dan pencegahan penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengalu-alukan minat dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut. Sememangnya pencegahan penyakit AIDS memerlukan penglibatan setiap individu dan Kerajaan menggalakan pandangan orang ramai terutamanya dalam pencegahan penyakit baru seperti penyakit AIDS. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan pandangan-pandangan atau saranan-saranan ini sebaik-baiknya hendaklah berasaskan fakta-fakta sahih dan tidak hanya bergantung kepada andaian-andaian yang tidak berasas. Dalam hubungan ini, saya ingin menjelaskan sekali lagi mengenai cara-cara jangkitan penyakit AIDS kerana terdapat banyak kekeliruan dalam perkara ini.

Penyakit AIDS ini boleh dijangkiti melalui tidak cara utama, iaitu:

- melalui hubungan seks dengan seseorang yang telah dijangkiti oleh HIV atau virus AIDS;
- melalui darah yang tercemar oleh HIV; dan
- dari ibu yang telah dijangkiti oleh HIV kepada bayi kandungannya.

Jangkitan HIV boleh berlaku dalam hubungan seks antara dua lelaki ataupun homosexual, dengan izin, ataupun antara lelaki dan perempuan, heterosexual, dengan izin, jika seorang daripada pasangan itu adalah pembawa AIDS.

Jangkitan HIV melalui darah juga boleh berlaku apabila berkongsi jarum suntikan seperti di kalangan penagih-penagih dadah. Selain daripada cara-cara yang telah saya sebutkan ini, AIDS tidak boleh merebak melalui perhubungan kontek biasa seperti bersalaman, berhimpit.....

**Tuan Wahab bin Suhaili:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebarang. Batang Sadong bangun. Mima jalan.

**Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya dengar dah pada jawapan ataupun ulasan daripada Yang Berhormat mengenai bagaimana cara AIDS ini boleh disebarkan. Dalam konteks penggunaan jarum yang sama bagi penagih dadah. katau kita bawa konsep itu ke atas gigitan nyamuk, misalnya, ataupun pijat ataupun lintah, adakah kemungkinan bahawa virus AIDS ini boleh berjangkit oleh perantaraan yang sedemikian? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya maktumkan, hanya 3 cara yang telahpun dikenalpasti sebagai cara yang boleh menjangkitkan penyakit tersebut dan gigitan nyamuk, pijat atau tintah tidak boleh menjadi salah satu unsur yang boleh membawa kepada jangkitan tersebut.

Saya boleh menerangkan dengan panjang lebar tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hanya dapat menyatakan bahawa nyamuk ataupun binatang-binatang ataupun serangga yang mungkin menggigit kita dan memindahkan darah kepada orang lain tidak boleh membawa ataupun metnindahkan virus HIV kepada yang menerima gigitan tersebut. Ini adalah satu kekeliruan yang agak berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cara-cara yang telah saya sebutkan tadi, AIDS tidak boleh merebak seperti yang saya katakan tadi melalui hubungan konteks biasa seperti bersataman, berhimpit-himpitan di tempat sesak, melalui alat-alat gunasama awam seperti telefon, kolam renang, kenderaan awam, mahupun melalui gigitan serangga seperti gigitan nyamuk. Walau bagaimanapun, jangkitan melalui pisau cukur dan lain-lain peralatan tajam yang digunakan yang mempunyai risiko jangkitan yang agak rendah, sehingga ini belum ada kes-kes atau pembawa AIDS dilaporkan dijangkiti melalui kaedah pisau cukur.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sehingga tahun 2000 terdapat 10 juta kes AIDS dan 40 juta mereka yang dijangkiti oleh HIV. WHO juga menganggarkan, bagi setiap kes yang dikesan, terdapat 50 - 100 pembawa AIDS. Di negara kita sehingga akhir bulan Oktober, 1991 terdapat 34 kes AIDS dan 2,087 pembawa HIV. Pada hari ini kita telahpun mengesan 33 kes AIDS dan 2,087 pembawa HIV pada bulan

Oktober. Tetapi pada akhir-akhir ini kita dapat penambahan sedikit, terdapat 34 kes AIDS dan 2,189 pembawa HIV.

Kebanyakan pembawa HIV ini adalah hasil daripada program saringan aktif yang dijalankan di Pusat-pusat Pemulihan seperti Pusat Rawatan Pemulihan Dadah, Penjara-penjara dan Pusat-pusat Pemulihan Akhlak. Jumlah sebenar pembawa HIV di negara kita adalah sukar dikenalpasti dengan tepat oleh mana-mana pihak oleh kerana perangkaan asas mengenai mereka yang mengamalkan tabiat dan gaya hidup yang boleh mendedahkan diri mereka kepada jangkitan AIDS tidak diketahui.

Tuan Yang di-Petua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telahpun menjawab dengan panjang lebar mengenai penyakit ini di dalam sesi Soal Jawab Mulut pada 21hb Oktober, 1991 yang lepas dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan telahpun memaklumkan semua langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah dan mengawal penyakit AIDS di negara ini telahpun diambil. Salah satu strategi yang paling utama ialah pendidikan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oleh kerana Yang Berhormat pun suka memberi fakta-fakta yang sah, bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapakah peruntukan daripada Kementerianya untuk memerangi wabak AIDS itu? Berapa jutakah yang telah diperuntukkan dan adakah langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mencegah AIDS daripada negara utara kita yang mungkin ada bilangan pembawa HIV lebih kurang setengah juta sekarang ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Petugas AIDS sedang merangka suatu rancangan yang agak luas dan besar untuk kita melancarkannya pada tahun hadapan dan kita sedang menyediakan peruntukan yang agak tinggi untuk menjalankan kempen tersebut. Kertas Kerja berkenaan dengan perancangan ataupun program ini sedang disediakan untuk kelulusan Kerajaan dan akan diumumkan dalam masa yang tidak lama lagi.

Seperti mana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, setakat ini kita telahpun mengambil semua langkah yang patut dan yang disarankan oleh WHO untuk mencegah penyakit ini merebak dengan lebih cepat. Kita berasa puas hati oleh kerana setakat ini rakyat pada umumnya sedar tentang bahaya penyakit ini, tetapi kita masih lagi belum mendapat suatu makluman balas tentang adakah rakyat pada umumnya, terutama orang-orang yang mempunyai cara hidup yang berisiko tinggi itu mahu merubah cara hidup mereka kepada satu cara yang lebih rendah risikonya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mencegah penyakit AIDS ini melalui hubungan seks, pendekalan yang diambil oleh Kerajaan ialah seperti yang telah pun kita umumkan beberapa kali iaitu menasihatkan setiap individu memastikan hubungan seks yang selamat ataupun, dengan izin, safe sex. Ini dapat dilakukan dengan menghadkan hubungan seks kepada seorang pasangan sahaja seperti suami isteri dan juga seperti yang dituntut oleh agama Islam dan juga agama-agama lain di negara ini. Walau bagaimanapun, jika mengadakan hubungan seks dengan seseorang yang kedudukan latarbelakang kesihatannya tidak diketahui, maka adalah dinasihatkan penggunaan kondom adalah digalakkan. Minta maaf, saya gunakan 'kita nasihatkan penggunaan kondom'

supaya dapat mengurangkan risiko jangkitan kuman yang ditakuti ini.

Yang Berhormat diharap tidak salah faham tentang saranan ini, kerana ini tidak bermakna Kerajaan menggalakkan hubungan seks secara bebas. Ini adalah salah satu daripada pandangan WHO dan nasihat ini adalah diberi secara biasa.

Kawalan dan rawatan penyakit kelamin (STD)....

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, masalahnya begini. Di Eropah ataupun di negara-negara maju, sebelum daripada ini saya mcrasakan dan saya kira semenjak tahun 1960an lagi mereka telah menggunakan teori ini bagi mencegah penyakit-penyakit yang berbahaya seperti AIDS tetapi ternyata sehingga sekarang ini penyakit AIDS itu berkembang di Eropah. Bagi pendapat saya bahawa dengan penggunaan alat sebagaimana yang disebut tadi, tidak mungkin akan dapat membendung, apa lagi menghapuskan penyakit AIDS itu. Dengan alasan ini, apakah kiranya pandangan pihak Kementerian untuk membendung penyakit ini. Saya rasa penyakit ini adalah merupakan satu penyakit yang serius dan saya mengalu-alukan peruntukan yang akan diperuntukkan sebagaimana yang disebutkan dalam jawapan kepada pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat tidak meminta saya memberikan penjelasan tetapi daripada penerangan ataupun ulasan yang diberi

oleh Yang Berhormat itu, beliau ingin menyatakan di sini mungkin daripada cara penggunaan alat atau cara yang saya sebutkan tadi itu tidak membawa sebarang perubahan kepada jangkitan penyakit yang tersebut. Tetapi mengikut beberapa siasatan ataupun program yang telah dijalankan di beberapa buah negara di negara Barat, bukti menunjukkan bahawa dengan nasihat tersebut dan dengan penggunaan cara tersebut, terdapat di beberapa kawasan di mana program ini dijalankan, ada sedikit penurunan jangkitan penyakit AIDS ini di kalangan yang berisiko tinggi. ini adalah pendapat daripada WHO dan beberapa siasatan yang telah dijalankan oleh beberapa badan-badan tertentu di negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan dan rawatan penyakit kelamin (STD) juga adalah penting oleh kerana risiko jangkitan penyakit AIDS akan meningkat sekiranya salah seorang pasangan menghadapi penyakit kelamin. Mengenai pengawalan penyakit AIDS ini di kalangan pelacur-pelacur, Kementerian Kesihatan sedang berbincang dengan lain-lain agensi Kerajaan mengenai peruntukan undang-undang untuk mengawal pelacuran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telahpun memastikan keselamatan bekalan darah dengan menjalankan ujian saringan ke atas darah-darah yang didermakan. Satu pelan tindakan yang mengandungi garis panduan kawalan jangkitan ataupun, infection control, dengan izin, dan pengurusan mereka yang dijangkiti kuman HIV telah pun diedarkan kepada kakitangan perubatan dan kesihatan.

Pemberitahuan mengenai jangkitan HIV juga telah pun sedia wujud di bawah seksyen 10, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Kakitangan-kakitangan Perubatan dan Kesihatan juga telah pun dilatih di dalam dan di luar negeri dan

satu program pengawasan dan pengesanan juga telah pun sedia wujud dan akan diperkukuhkan lagi. Selain daripada itu, Kerajaan juga akan memperkukuhkan lagi organisasi program pencegahan dan pengawalan penyakit AIDS.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud meminta Kerajaan mengadakan kemudahan rawatan bagi penyakit kardiologi dan barah di negeri Sabah kerana kes-kes....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta sedikit penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat telah berpindah kepada cerita lain, tidak AIDS lagi. Jadi, memandangkan apa yang berlaku dewasa ini berhubung dengan penyakit AIDS ini kalau kita baca suatu akhbar berhubung dengan orang celebrity macam Magic Johnson, macam Mercury. Mercury baharu hari ini declare, besok sudah mati. Magic Johnson masih hidup, celebrity untuk memajukan kempen membantarkan AIDS di sekolah-sekolah dan di kalangan orang ramai. Tetapi apa yang kita pandang di Malaysia, kita cuba hendak simpankan penyakit AIDS ini di bawah tikar, sembunyikan orang kena penyakit AIDS ini. Tetapi adakah dasar itu baik kepada kita ataupun tidak baik terutama sekali di antara orang Islam, kalau orang mati AIDS itu kena dimandikan juga, orang yang memandikan itu mungkin terkena jangkitan. Jadi, tidakkah wajar bagi pihak Kerajaan untuk memberitahu kepada khalayak ramai siapa yang terkena AIDS, siapa yang tidak kena AIDS, supaya ini mencegah orang daripada melibatkan diri daripada seks yang berlebihan itu?

Soalan yang kedua, adakah sudah dikaji daripada segi agama Islam, orang yang mati AIDS ini sama ada perlu diberi mandi ataupun tidak perlu diberi mandi?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu masalah yang agak sensitif. Adakah kita perlu memberitahu orang ramai, seseorang yang terkena penyakit ataupun terjangkit virus HIV atau tidak, masih sekarang diperbincangkan dengan mendalam oleh pegawai-pegawai Kementerian. Tetapi pada peringkat ini Kementerian mempunyai dasar untuk merahsiakan nama-nama mereka yang terkena penyakit AIDS ataupun terkena jangkitan virus HIV. Ada beberapa sebab, sebab yang penting sekali ialah didapati oleh kerana rakyat ketika ini masih belum terbuka pandangan mereka tentang penyakit ini. Dan jika sekiranya mereka mengetahui seseorang itu terkena virus HIV ataupun penyakit AIDS, maka mereka yang terkena itu disisih dan tidak mahu diberi peluang untuk bergaul sebagai masyarakat biasa.

Unluk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang yang terkena HIV yang mungkin tidak tahu, boleh hidup sampai 12 tahun tanpa mempunyai satu kesan bahawa dia terkena AIDS pada dirinya. Kadang-kadang apabila ia sudah terkena penyakit itu, makluman yang dia dapat hanyalah pada peringkat yang terlalu akhir, very late stage, seperti yang berlaku kepada dua, tiga orang yang apabila masuk hospital hari mi, esok meninggal dunia. Oleh kerana itu terdapat satu kes, saya beri contoh, di mana seorang itu telah terkena penyakit AIDS dan orang ramai tahu dia mendapat penyakit AIDS. Saya berasa kesal apabila orang ramai sendiri mula menyisihkan dia sehingga bila ia meninggal dunia, suaminya membuat kenduri, orang ramai datang tetapi tidak makan di kenduri itu. Dan apabila anak itu diketahui adalah anak kepada

si pesakit yang meninggal dunia tersebut, anak itu pula disisih hinggakkan terpaksa kita memindahkan anak itu, meminta kerjasama dengan pihak-pihak tertentu memindahkan anak itu ke sekolah lain.

Ini satu kes yang kita beri contoh tetapi banyak kes-kes lain yang mungkin berlaku sedemikian. Dan untuk meyakinkan bahawa kita tidak boleh lagi setakat ini memberitahu identiti orang berkenaan itu ialah jika keluarga kita sendiri terkena, mahukah kita mendedahkan keluarga kita itu kepada orang ramai dan mendedah juga kepada risiko disisih. Jadi, terpujanglah kepada masyarakat.

Jadi, saya berpendapat, iaitu selagi masyarakat tidak mempunyai sifat keterbukaan, openness, selagi itu kita cuba tidak mengeluarkan atau memberitahu orang ramai nama pesakit tersebut. Dan ini menjadi dasar dan kita mahu orang ramai datang dengan sukarela untuk melakukan saringan ataupun melakukan screening. Dan apabila ini berlaku, insya Allah, apabila ada seorang, dua yang dapat datang ke depan dan mengatakan: "Saya mendapat penyakit AIDS," maka jika ia boleh diterima dan tidak disisih, insya Allah, banyak daripada salah faham-salah faham ini dapat diketepikan.

Kita berdoa, insya Allah, pada suatu masa nanti perkara ini boleh berlaku.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Batu Berendam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Penjelasan sedikit. Saya berpuas hati dengan penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri tentang tujuan supaya tidak diumumkan orang-orang yang mengidap penyakit AIDS ini oleh sebab-sebab yang disebutkan tadi.

Tetapi saya ingin tahu, adakah Kerajaan mempunyai satu undang-undang yang boleh memaksa orang-orang yang kena penyakit AIDS ini dipisahkan dari segi legalnya, boleh dibuat atau tidak?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada undang-undang yang boleh memaksa seseorang itu dipisahkan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan sedikit. Kalau tidak ada undang-undang bagaimana kita hendak mengatasi penyakit ini daripada berjangkit kalau tidak diumumkan kerana tidak semua orang yang berani ke depan mengatakan: "Saya mempunyai penyakit AIDS dan saya tidak akan bercampur dengan orang." Dan tidak ada undang-undang yang boleh memisahkan seseorang pesakit itu sebagaimana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat.

Penyakit AIDS ini adalah satu penyakit yang senang dijangkiti dan kalau sekiranya mereka ini bebas bergaul dengan orang ramai, mungkin ini akan merebak lebih cepat lagi. Jadi, macam mana caranya itu, di satu sudut alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada logiknya tetapi dari segi hendak menyekat daripada ianya merebak, kita tidak mempunyai undang-undang untuk kita terus letakkan di satu tempat yang tertemu daripada orang ramai.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, inilah sebabnya pengetahuan yang betul tentang bagaimana penyakit itu boleh berjangkit dan boleh dielakkan perlu diketahui, kalau boleh oleh semua rakyat Malaysia. Sebab itu hari ini kita kempen berleluasa.



Pertama, penyakit ini hanya boleh berjangkit dengan tiga cara sahaja seperti yang telah saya terangkan. Dan jika sekiranya ada orang yang berpenyakit AIDS di dalam Dewan inipun, dia tidak boleh berjangkit kepada kita melalui pernafasan dan sebagainya dan tidak ada sebab mengapa kita perlu takut. Jadi, kalau sekiranya kita hendak mengelakkannya, minta izin, kita perlu:

Pertama, mengamalkan cara hidup yang sihat iaitu cara hidup yang boleh mengelakkan kita daripada berjangkit. Sebab itu melalui misalannya dua perkara yang penting iaitu kalau tahu penyakit itu boleh dijangkiti melalui hubungan seks, janganlah ada hubungan seks dengan orang-orang yang kita tidak ketahui latar belakang kesihatannya. Tetapi jika sekiranya kita juga mahu melakukannya, kita ada nasihat-nasihat tertentu.

Cara yang kedua ialah seperti yang diamalkan dan disarankan oleh beberapa orang, cara agama iaitu hidup secara Islam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin sedikit. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu, tetapi saya percaya Yang Berhormat juga sedar bahawa satu kes di Amerika, seorang perempuan dijangkiti AIDS melalui dentist yang memberi treatment kepada beliau kerana dentist itu mempunyai luka di tangan semasa dia menjalankan tugas itu dan dentist ini mungkin dia sedar atau tidak yang dia mempunyai AIDS dan telah passkan penyakit ini kepada orang yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Masalah hidup cara betul, hendak berhubung jenis dengan betul, itu kita taham, tetapi masalahnya sekarang ini benda-benda ini, luka pada seorang pesakit. Saya bukanlah ahli pakar perubatan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi soalnya

kadang-kadang kalau seorang pesakit yang kena penyakit AIDS ini kalau ada luka di tangan, dia terpegang gelas itu, kita pula minum, mungkin kuman itu akan menjangkit kepada kita. Warung-warung yang kita pergi, kebersihannya tak betul dan sebagainya dan banyak lagi benda yang boleh menyebabkan penyakit ini berjangkit kepada orang yang tidak kena penyakit ini lagi.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffln:**

Tuan Yang di-Pertua, satu kes yang disebut oleh Yang Berhormat dari Batu Bcrendam itu iaitu melalui dentist kepada pelanggannya adalah 'one case in a many-many million', dengan izin. Di Malaysia tidak pernah ada lagi laporan atau kes di mana dentist ataupun tukang gigi mentransfer penyakit ini kepada....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul**

**Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sedikit lagi. Yang Berhormat mengatakan 'one case in a million' ini betullah, tetapi soalnya itu tak boleh dijadikan basis. Janganlah oleh kerana sebab tak berlaku lagi di negara kita ini maka kita kata, okaylah, tak ada apa lagi masalah. Besok kalau timbul, bagaimana? Kalau tidak ada undang-undang, cuba cari jalan, wujudkan undang-undang ini.

Saya percaya Ahli-ahli Parlimen kita boleh berbincang bersama perkara ini, ini untuk kebaikan kerana tak ada undang-undang dan kita tak boleh umumkan. Pada awalnya saya hendak cadangkan kita umumkan sahaja, hendak secret apa benda ini, sebab kita tahu kalau sipolan 'A' ada penyakit AIDS, kita umumkan orang tak dekat dengan dia, tetapi Yang Berhormat sudah beri satu jawapan yang logik. Tetapi soalnya kita tidak ada undang-undang. Jangan sebab satu kes tidak berlaku di sini maka kita ambil sambil lewa, tak boleh. Penyakit AIDS ini Yang Berhormat sendiri sudah bercakap dalam Dewan bahawa angka ini sudah bertambah. Kalau dua tahun

dahulu penyakit AIDS ini ada 4-5 orang, sekarang sudah beribu, yang mati pun sudah berpuluh. Hendak tunggu berapa ribu lagi mati baru kita hendak buat undang-undang? Ini tujuan saya itu, kalau boleh, Kementerian Kesihatan cadangkan satu undang-undang di sini, kita akan sokong.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Tuan Yang di-Pertua, pandangan....

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, nampaknya popular, satu lagi bangun.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Beri saya peluang untuk response terhadap Batu Berendam dahulu. Segala pandangan Yang Berhormat kita boleh ambilkira dan jika sekiranya munasabah, boleh kita bincang lebih mendalam lagi. Tetapi ingin saya nyatakan di sini sekali lagi bahawa penyakit ini tidak boleh berjangkit daripada minuman ataupun menggunakan gelas yang sama, walaupun kadang-kadang kita rasa curiga tentang itu. Tetapi saya ingin menyatakan, walaupun saya ini sebenarnya bukan seorang doktor, I am not trying to pretend to be one, tetapi saya ingin menyatakan tidak ada bukti langsung yang mengatakan bahawa seseorang yang minutm daripada gelas yang diminum oleh seorang pesakit itu boleh berjangkit, tetapi....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, clarification sedikit sahaja. Saya katakan kalau sekiranya seorang pesakit AIDS mempunyai kelukaan di badannya, dia pegang gelas itu, maka darah itu melekat pada gelas, bukan gunakan gelas terus begitu, tidak, saya pun faham juga benda itu.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Jadi tak perlulah saya memanjangkan

soal ini, tetapi cukuplah, insya Allah, pada 3hb hingga 5hb Disember nanti kita akan memanggil experts daripada WHO dan UNDP untuk memberi penjelasan kepada orang ramai, terutama kepada Ahli-ahli Kabinet dan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan tentang kedudukan penyakit ini yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, kita perlu menyisih segala sangkaan-sangkaan yang mungkin menakutkan orang daripada minum di tempat-tempat tertentu ataupun jika sekiranya tempat gelas itu ada darah.

Saya ingin menjelaskan sedikit sahaja iaitu virus AIDS ini dikenali sebagai virus yang tidak begitu bijak. It is not a very clever virus, it dies hanya dengan suhu yang agak rendah, iaitu 50-60 celcius dia boleh mati. Hanya dengan disinfected pun dia boleh mati. Sebab itu kita menasihatkan kalau hendak guna pisau-pisau cukur, hanya disinfected dalam klorin sahaja. Begitu juga, alat-alat tok mudim, dalam klorin pun cukup virus itu boleh dimatikan. Jadi kalau kita faham benar-benar apa penyakit HIV dan virus ini, insya Allah, kita tidak akan rasa takut dan kita boleh bergaul dengan orang ramai tanpa sebarang was-was. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit penjelasan dari kawan saya sebelah sana, iaitu kami selalu pergi menyertai kenduri atau jamuan makan, terutama sekali di kalangan orang Cina, selalu suka 'yam seng, yam seng' atau kawan-kawan beri satu gelas bir, dia kata mari minutm setengah, kita pun minum setengah. Jadi gelas dia kita ambil minum. Dan lagi orang-orang Cina selalu pakai copstik dan garfu yang sama untuk menggaul sup atau makanan-makanan. Jadi di antara kawan-kawan semeja kita dia tanya, bolehkah ini mungkin menjangkit AIDS? Tetapi saya pun tidak tahu macam mana mahu jawab. Terdapat dalam laporan suratkhbar mengatakan

selain dari test darah boleh mengesan penyakit AIDS, saliva juga boleh ditest untuk mengesan AIDS. Benarkah saliva boleh menjangkitkan AIDS ini?

**Tuan Mohamed Parid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap panjang lebar berkenaan dengan cara-cara penyakit ini berjangkit. Beritahu kawan-kawan Yang Berhormat bahawa penyakit atau virus HIV tidak boleh berjangkit melalui makan atau minum di gelas yang sama atau penyepit yang sama, tetapi penyakit lain boleh berjangkit. Hepatitis B boleh berjangkit kalau pakai copstik yang sama atau sudu yang sama atau gelas yang sama.

Mengenai soalan yang kedua, iaitu adakah bolch penyakit ini dikesan daripada air ludah atau saliva, pada peringkat ini belum lagi kita dapat memastikan bahawa air ludah itu boleh dijadikan satu unsur untuk mengesan ataupun discreen ada virus HIV ini. Setakat ini darah adalah salah satu daripada unsur untuk saring, yang lain ialah cecair-cecair badan melalui faraj ataupun melalui semen atau air mani.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kalau pengidap-pengidap penyakit AIDS ini dan sebagainya dihebahkan ataupun diumumkan, diberitahukan secara meluas supaya masyarakat tidak akan mendekati mereka ini. Sebab penyakit AIDS itu sebagaimana menurut penjelasan Yang Berhormat tadi bahawa ia akan berjangkit melalui tiga cara. Ertinya, apabila kita hebahkan seseorang itu berpenyakit AIDS, orang-orang yang tidak bersalah dan yang tidak berdosa, insya Allah, dia tidak akan terkena penyakit AIDS sebab dia menjauhi dari penyakit AIDS itu, sebab penyakit AIDS berjangkit bukan melalui binatang, bukan melalui pokok-pokok, tetapi melalui manusia-manusia. Tetapi manusia-manusia yang kita tahu terkena penyakit AIDS, kita

menghindarkan diri daripada manusia tersebut, insya Allah, penyakit AIDS itu tidak akan merebak di negara kita ini.

Yang kedua, dari segi psikologi iaitu dengan sendirinya orang yang mencuba untuk melibatkan....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat bangun minta penjelasankah atau hendak beri pendapat?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Hendak minta penjelasan. Saya rasa sudah sampai masanya saya mencadangkan.

Yang kedua, dari segi psikologi iaitu masyarakat akan menjauhi dengan orang yang terlibat dengan penyakit AIDS dan mereka akan tersisih daripada masyarakat. Kalau kita melihat darpada masyarakat Melayu tradisional, misalnya orang yang berzina, dipulaukan daripada masyarakat, akibatnya masyarakat kampung itu takut untuk menghampiri zina.

Saya rasa masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, masalah broad minded, open minded, dengan izin, saya rasa itu tidak timbul. Saya sekali lagi minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kenapakah Yang Berhormat ini nampak begitu sekali berkeras diri untuk mempertahankan pendapat Yang Berhormat? Sebagaimana yang terakhir tadi, Yang Berhormat menyatakan tunggu minta pandangan daripada WHO, daripada United Nations. Saya rasa tidak perlu minta penjelasan daripada mereka sebab kita sendiri mampu untuk memberi pandangan dan untuk menyelesaikan dalam masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memben pandangan tentang perlu atau tidak nama-nama pesakit-pesakit ini dikemukakan kepada khalayak ramai, tetapi pada peringkat ini kita masih lagi menyatakan bahawa dasar kita ialah untuk merahsiakan nama-nama mereka sebab ada di antara yang terkena penyakit itu adalah manusia-manusia yang tidak bersalah dan tidak melakukan perbuatan-perbuatan tersebut tetapi terkena penyakit itu oleh beberapa sebab - mungkin daripada ibu ke anak dan mungkin hasil daripada pencemaran darah sebelum tahun 1984 semasa kita belum kenal lagi penyakit ini.

Walau bagaimanapun, semua pandangan-pandangan Yang Berhormat ini akan diambilkira dan kita akan berbincang masalah ini di peringkat Kementerian dan saya ingin menjelaskan bahawa pakar-pakar WHO dan juga UNDP ini dibawa ke Malaysia untuk memberitahu kepada kita kedudukan terakhir berkenaan dengan penyakit ini di dunia dan mungkin Malaysia dapat mempelajari sedikit sebanyak tentang pengalaman-pengalaman mereka di dunia Barat dan dunia-dunia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud meminta Kerajaan mengadakan kemudahan rawatan bagi penyakit kardiologi dan juga barah di negeri Sabah kerana kes-kes yang ada sekarang terpaksa dihantar ke Kuching, Sarawak dan Hospital Besar Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang bercadang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan kepakaran khususnya seperti radio-terapi, kardiologi dan lain-lain. Walau bagaimanapun, perkembangan perkhidmatan ini memerlukan perancangan

yang teliti memandangkan ianya melibatkan keperluan yang berikut, iaitu:

- (i) peralatan moden yang berteknologi tinggi;
- (ii) tenaga kepakaran di dalam bidang-bidang khusus atau subspeciality;
- (iii) kakitangan sokongan yang terlatih di bidang yang berkenaan; dan
- (iv) perkhidmatan sokongan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu projek untuk menaikkan taraf Hospital Ratu Elizabeth Kota Kinabalu, sudahpun diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan beberapa perkhidmatan baru akan disediakan.

Pihak HBKL ataupun Hospital Besar Kuala Lumpur menyedari tentang masalah yang dihadapi oleh keluarga atau pengiring yang menjaga pesakit-pesakit di wad-wad, ianya bukan sahaja melibatkan mereka dari Sabah dan Sarawak, tetapi juga daripada luar Kuala Lumpur. Bagi pesakit-pesakit kanak-kanak, HBKL mengamalkan polisi ataupun dasar 'mother can accompany child', dengan izin, di mana ibu kepada pesakit akan diberi katil dan juga makanan setelah didaftarkan. Bagi pesakit-pesakit dewasa, perkhidmatan seperti ini tidak dapat dilaksanakan kerana ianya di luar skop perkhidmatan rawatan pesakit yang disediakan di hospital-hospital. Lazimnya Pegawai Kebajikan Perubatan HBKL akan menghubungi pegawai daripada Yayasan Sabah ataupun Yayasan Sarawak yang akan bertanggungjawab mengambil tindakan lanjut memberi kemudahan kepada keluarga ataupun pengiring pesakit.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud juga ingin mengetahui kedudukan permohonan Pusat Kesihatan Kecil Nahaba, Pusat Kesihatan Kecil

ataupun Klinik Desa untuk Kampung Pulau Mantanani, Kampung Mangkulat, Kampung Melangkap dan Kampung Lasau Minunsud dalam Daerah Kota Belud.

Projek Pusat Kesihatan Kecil Nahaba telahpun dicadangkan semasa penyediaan Rancangan Malaysia Keenam. Walau bagaimanapun, di dalam proses menentukan keutamaan keperluan perkhidmatan kesihatan bagi seluruh negeri Sabah, didapati projek ini berdekatan dengan Hospital Daerah Kota Belud dan dengan itu tidak dapat disokong untuk perlaksanaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Projek ini akan dicadangkan semula semasa kajian pertengahan penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Menyentuh tentang permohonan Klinik Desa Kampung Pulau Mantanani dan Lasau Minunsud, Kota Belud, dimaklumkan bahawa buat masa ini Kementerian Kesihatan belum ada projek Klinik Desa untuk Kampung Pulau Mantanani kerana jumlah penduduknya yang amat kecil iaitu lebih kurang 400 orang sahaja dan adanya perkhidmatan kesihatan yang disediakan. Untuk Kampung Pulau Mantanani, selain daripada perkhidmatan yang diberi oleh pasukan perubatan sekali sebulan, penduduk-penduduk di kawasan ini juga dibcri perkhidmatan oleh dengan izin, 'flying doctors'. Walau bagaimanapun, keadaan dan keperluan kesihatan akan dikaji semula dalam kajian pertengahan penggal Rancangan Malaysia Keenam dan pertimbangan wajar akan diberi.

Untuk projek Klinik Desa Kampung Lasau Minunsud, projek ini....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan sedikit. Sedikit sahaja. Terminology, dengan izin, yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan selama ini sejak kita merdeka ini, saya kurang faham perbezaan di antara pusat-pusat ini. Disebut tadi Pusat Kesihatan Kecil, kemudian kawan-kawan beritahu ada Pusat Bidan. Jadi, ini agak janggal sedikit. Kalau boleh tukarlah nama pusat-pusat ini. Buatlah nama lain supaya tidak menjadi satu bahan ejekan terutama sekali Pusat Bidan ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Perlua, nama itu telahpun ditukar kepada Klinik Desa dan Klinik Bidan. (*Ketawa*)

Untuk projek Klinik Kampung Desa Minunsud, projek ini telahpun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan tidak boleh diberi keutamaan kerana berdekatan dengan Hospital Daerah Kota Belud, iaitu 11 kilometer sahaja jaraknya. Selain daripada itu, penduduk kampung ini dan empat kampung yang berdekatan mempunyai 675 orang sahaja.

Mengenai Klinik Desa Kampung Mangkulat, iaitu yang telah dikenalpasti dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk pelaksanaan perolehan tanah terlebih dahulu kerana belum mempunyai tapak. Dengan ini pembinaan Klinik Desa tersebut akan dilaksanakan selepas perolehan tanah diselesaikan,

Mengenai projek-projek lain yang dimima secara khusus, Kementerian Kesihatan sedang menimbang dan jika sekiranya sesuai bolehlah dicadangkan untuk dikaji semula dalam penengahan penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berhasrat untuk memberi kemudahan kepada semua rakyat termasuk penduduk-penduduk luar bandar untuk mendapat rawatan kepakaran lanjut. Bagi memenuhi

keperluan tersebut, Kerajaan telahpun menyediakan beberapa bidang perkhidmatan kepakaran khusus yang bersesuaian seperti nefrologi, neurologi, urologi, neurosurgeri, kardiologi, plastik surgeon serta radiotherapi di beberapa hospital besar yang dikenali sebagai 'Regional Hospital', dengan izin, termasuk di Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Besar Ipoh, Hospital Besar Sultanah Aminah, Johor Bahru, Hospital Besar Kuala Terengganu dan Hospital Besar Kuching.

Ahli Yang Berhormat dari Selangau mencadangkan supaya peruntukan bagi pembinaan hospital-hospital bagi Kementerian kesihatan ditambah kerana hospital dan klinik desa di luar bandar masih berkurangan terutama di negeri Sarawak khususnya di kawasan Selangau. Beliau memohon supaya dibina Klinik Desa Datar Takus, Penyarai, Mukud dan Ulu Anap.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memberi penekanan kepada peningkatan kesihatan untuk semua golongan masyarakat di bandar ataupun di luar bandar. Peruntukan bagi pembinaan 36 buah hospital telahpun disediakan untuk memastikan rawatan yang sempurna dan moden dapat disediakan bagi penduduk-penduduk di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan hospital-hospital ini adalah hospital gantian yang mana kemudahan-kemudahan yang sedia ada adalah kurang sesuai dari segi perkembangan teknologi perubatan pada masa ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sejumlah \$172 juta telahpun disediakan bagi pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar. Penjelasan lanjut telahpun diberi semasa menjawab teguran-teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sebentar tadi.

Bagi negeri Sarawak, daripada peruntukan sejumlah \$356,314,000

yang telahpun disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$26,936,000 telahpun disediakan bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar dan pencegahan kesihatan. Kemudahan kesihatan luar bandar yang telahpun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah seperti berikut, iaitu:

Klinik Desa	-	2
Pusat Kesihatan Kecil	-	9
Naik Taraf PK-1	-	4
Pusat Kesihatan	-	1

Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Selangau mempunyai 3 Pusat Kesihatan dan 3 Klinik Desa. Perkhidmatan kesihatan juga disampaikan oleh 'Village Health Teams', dengan izin, dari Pusat Kesihatan dan 'Flying Doctor Service', dengan izin. Adalah didapati bahawa kemudahan-kemudahan ini memadai untuk menampung keperluan rawatan bagi penduduk-penduduk buat masa sekarang. Namun demikian, Kementerian Kesihatan akan terus mengawasi keperluan penduduk di kawasan Selangau dan akan berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan sejajar dengan keperluan penduduk.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar menyatakan bahawa masalah yang sehng dihadapi oleh rakyat yang ingin mendapat perkhidmatan hospital Kerajaan ialah kesesakan pesakit-pesakit dan kekurangan pegawai seperti doktor dan jururawat, termasuk kekurangan kelengkapan. Beliau menyentuh tentang mesin 'haemodialysis' dan mengesyorkan supaya perkhidmatan mesin ini diperluaskan kepada semua pesakit-pesakit dan bukan sahaja kes-kes tertentu sahaja yang mengadakan lebih mesin di hospital besar dan daerah.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga telah menyentuh tentang masalah yang sama dan meminta supaya perkhidmatan mesin ini diperluaskan

kepada semua kerana orang awam tidak mampu membayar perkhidmatan mesin penggunaan hospital-hospital swasta. Selain dari itu ubat yang perlu digunakan juga mahal harganya dan Kerajaan patut memberi ubat ini dengan cara subsidi kepada pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan berusaha untuk memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan rawatan perubatan termasuk rawatan untuk penyakit buah pinggan. Unit-unit Haemodialisis telahpun ditubuhkan di hospital-hospital besar di negara ini semenjak tahun 1984 lagi. Setakat ini 10 hospital telahpun mempunyai Unit Haemodialisis dan kemudahan-kemudahan untuk Hospital Besar Klang, Melaka dan Seremban dijangka siap pada akhir tahun ini. Kemudahan Unit Haemodialisis juga akan disediakan di hospital daerah terpilih mulai 1992, secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya perkara-perkara yang patut diberi perhatian, selain daripada bilangan mesin ialah bilangan kakitangan-kakitangan terlatih, penyelenggaraan mesin dan perbelanjaan yang berterusan dan juga ruang yang mencukupi untuk Unit Dialysis.

Bagi pesakit "End Stage Renal Failure", dengan izin, selain daripada rawatan dengan menggunakan mesin Haemodialisis terdapat rawatan alternatif lain seperti pembedahan buah pinggang dan rawatan "Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)".

Ubat cyclosporin adalah merupakan salah satu ubat untuk merawat pesakit yang telahpun menjalani pemindahan buah pinggang. Rawatan dengan ubat ini, adalah untuk seumur hidup, oleh itu kosnya amatlah tinggi. Pada masa ini terdapat beberapa kes pemindahan buah pinggang yang menggunakan ubat

ini dan pemulihan telahpun dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria-kriteria perubatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat berpendapat \$2.35 ribu juta peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Kesihatan adalah rendah bcrhandling dengan peranannya. Walaupun taraf kesihatan rakyat telahpun meningkat namun pesakit-pesakit jantung, darah tinggi, kencing manis, buah pinggang dan sebagainya kian bertambah. Mungkin kerana ada kaitannya dengan makanan. Beliau meminta supaya satu kempen yang meluas tentang makanan dan pemakanan dilancarkan secara besar-besaran dan Kerajaan harus mengawasinya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar ke atas pentingnya makanan dan kaitannya dengan penyakit-penyakit tertentu seperti sakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan buah pinggang. Walau bagaimanapun, banyak fakta-fakta lain yang terlibat dalam menyebabkan penyakit-penyakit tersebut seperti keturunan dan cara hidup.

Kementerian ini sentiasa mengadakan program seperti ceramah, hsalah dan pameran berkenaan pemilihan makanan, makanan seimbang, keselamatan makanan dan kebersihan makanan di sekolah-sekolah, institusi, orang awam dan juga perkumpulan wanita.

Menyentuh tentang kempen, sukacita dimaklumkan Kementerian telahpun melancarkan Kempen Penggalakkan Cara Hidup yang Sihat yang telahpun dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 25hb Mei, 1991. Kempen ini yang dilancarkan bagi jangka masa lima (5) tahun telahpun melibatkan penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan seterusnya penyakit-penyakit lain yang berkaitan dengan makanan.

Kesedaran tentang kemudaratannya makanan terhadap kesihatan akan dipertingkatkan lagi.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa mengawasi semua jenis makanan termasuk apa yang dipanggil "junk food", dengan izin di mana standard-standard keselamatan yang khusus telahpun dikeluarkan dan dikuatkuasakan di seluruh negara dengan kerjasama pihak penguasaan tempatan dan sekolah-sekolah. Di samping itu juga, penggunaan kandungan-kandungan yang merbahaya terhadap makanan seperti mee segera sentiasa diawasi.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan membangkitkan tentang tabiat merokok dikalangan penduduk di Malaysia dan meminta Kementerian Kesihatan memperhebatkan kempen kesedaran tentang merokok. Beliau juga mencadangkan supaya Bangunan Parlimen diisytiharkan sebagai satu kawasan larangan merokok.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan menyambut baik akan keperihatinan Ahli Yang Berhormat dari Labuan serta ulasan-ulasan yang beliau kemukakan. Kementerian Kesihatan juga mempunyai pendapat yang sama dengan Ahli Yang Berhormat bahawa masalah rokok ini memerlukan tindakan yang bersepadu daripada semua pihak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sememangnya telahpun memperhebatkan kempen-kempen kesedaran mengenai bahaya merokok terutamanya melalui media massa seperti television, radio dan surat khabar....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Pasir Mas, Batu Berendam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana memperlingkatkan kempen-kempen supaya mengurangkan merokok. Tetapi dalam masa yang sama Kerajaan juga iaitu melalui Kementerian Penerangan memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat pengeluar rokok berleluasa untuk membuat publicity dan advertisement di TV, radio, seolah-olah tidak ada kordinasi di antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain. Kementerian ini mengatakan hendak mencegah orang merokok, Kementerian ini pula mempunyai alasan yang lain membenarkan advertisement yang begitu berleluasa. Jadi bagaimana Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Tuan Yang di-Pertua, masalah ini juga adalah masalah legal sedikit. Sebenarnya, adakah benar Kementerian Penerangan membenarkan pengiklanan rokok, jenama rokok ataupun jenama berkaitan dengan rokok.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Sama ada dia membenarkan jenama rokok atau membenarkan advertisement supaya merokok dan sebagainya, maksudnya samalah, dengan izin, the fact that Kementerian Penerangan membenarkan syarikat-syarikat pengeluar rokok membuat advertisement caramana hendak jual nama rokok atau merekalah, rokok Dunhillkah, masih lagi kita encourage mereka merokok, jawabnya itu sahaja. Jadi saya minta kalau boleh ada penjelasan. Kalau tidak, tidak payahlah kita hendak kata, hendak kempen wasting money, membuang duit sahaja ini. Satu Kementerian buang duit, satu Kementerian collect duit. Ini yang saya nampak, kena belulkan sedikit. Terima kasih.



**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Terima kasih pandangan Yang Berhormat, mungkin pandangan Yang Berhormat ini boleh dibawa kepada Kementerian Penerangan. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga telahpun mengadakan pameran bergerak....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahruddin):** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyebut Ahli Parlimen dari Labuan mencadangkan supaya kawasan Parlimen ini dijadikan tempat haram merokok, tetapi Ahli Parlimen Kota Setar mencadangkan, beliau tidak ada di sini supaya di kawasan Parlimen ini ditentukan tempat-tempat khas - ada tempat yang tidak boleh merokok dan ada tempat yang boleh merokok. Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar ini dia mencadangkan demikian sebab diapun merokok, kitapun merokok, jadi tidak bolehlah semua - kenalah bahagi-bahagikan lempat-tempatnya. *(Ketawa)*

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, satu perbincangan sedang diadakan di amara Kememernian Kesihatan dengan pihak Parlimen untuk menentukan adakah cadangan ini boleh diterima atau tidak, tetapi setakat ini response yang positif dapat digambarkan dari perbincangan ini dan apabila satu televisyen dari luar negeri datang berjumpa dengan Kementerian pada pagi ini, mereka merasa bangga mendengar Ahli Parlimen sendiri mencadangkan supaya kawasan Parlimen ini dijadikan kawasan 'Smoke Free' *(Tepuk)* tetapi jika sekiranya ada Lobby Group untuk membangkang itu, saya rasa tidak perlu kita melanjutkan perbincangan ini tetapi jika sekiranya ada pendapat, bolehlah beri kepada pihak

Parlimen untuk menentukan satu 'Smokers Corner' ataupun sebaliknya, jauh daripada Parlimen. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Perlu, Kementerian telah juga mengadakan pameran bergerak sempena dengan kempen cara hidup yang sihat. Dan kempen-kempen ini akan dijalankan berterusan hingga tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat supaya digubal suatu undang-undang yang sesuai bagi menguatkuasa tempat larangan merokok, pihak Kementerian dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji perkara-perkara tersebut.

Kementerian Kesihatan juga mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan untuk menentukan kawasan sekolah menjadi 'smoke free area'.

*(Timbalan Yang di-Penua  
mempengerusikan Mesyuarai)*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan sedikit sahaja lagi. Seterusnya terdapat teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Kapit yang bertanyakan tentang kedudukan pembinaan bangunan tambahan hospital Kapit, kita sedang mengambil perhatian tentang itu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya saya tidak menyebut ataupun menjawab teguran-teguran daripada Ahli Yang Berhormat yang tertentu, saya minta maaf dan semua pendapat-pendapat ini telahpun dicatat oleh Kementerian dan segala teguran-teguran ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Kementerian Kesihatan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Pertahanan.**

5.20 *ptg.*

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak);** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1992, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh hal ehwal Kementerian Pertahanan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perhatian dan cadangan serta syor-syor yang telah dikemukakan dalam usaha memperbaiki dan mempertingkatkan lagi peranan Kementerian Pertahanan dalam menjaga kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dalam ucapannya semasa perbahasan ini telah membangkitkan masalah peruntukan yang besar kepada Kementerian Pertahanan, walaupun berlaku perubahan kepada politik dunia pada masa kini seperti keruntuhan blok Komunis Russia. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat meminta supaya projek untuk ketenteraan mestilah ada hubung kait dengan kepentingan dan unsur-unsur sosio-ekonomi rakyat dan negara. Ahli Yang Berhormat juga ingin tahu kedudukan sebenar berhubung dengan MOU dengan United Kingdom yang dikatakan akan dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, keruntuhan blok Komunis Soviet Union lebih merupakan kedudukan politik dan ketenteraan di Eropah dan kedudukan dalaman Soviet Union sendiri. Walaupun perhubungan Soviet Union dengan negara-negara lain diserantau Asia Pasifik bertambah baik, ia bukan bermakna kelemahan ideologi komunisma sepenuh di Asia. Negara-negara Komunis di Asia seperti Republik Rakyat Cina, Korea Utara dan Republik Rakyat Vietnam masih berpegang

teguh kepada komunisma, tetapi pada masa yang sama juga merapatkan lagi perhubungannya dengan negara kita untuk tujuan ekonomi. Di samping itu, dengan kemungkinan pengunduran tentera Amerika Syarikat dan Soviet Union daripada rantau ini, negara-negara tertentu akan menjelma sebagai kuasa tentera serantau. Dengan itu, kestabilan yang didapati semasa ini tidak boleh dikatakan sebagai satu kedudukan yang tetap dan berpanjangan. Lebih-lebih lagi masalah seperti pertindihan tuntutan ataupun, dengan izin, overlapping claim dan pertimbangan-pertimbangan yang bersifat geo-ekonomi boleh juga merebak menjadi masalah keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti faham bahawa kegunaan kuasa tentera tidak mungkin dilakukan secara tradisional. Tetapi unsur-unsur ketenteraan boleh juga digunakan untuk mempengaruhi suasana untuk kepentingan negara-negara tertentu. Politik gertak di peringkat antarabangsa dan proses tawar-menawar juga ada kaitan yang rapat dengan kedudukan keselamatan dan kekuasaan tentera dan oleh itu amat perlu sekali di dalam kita menghadapi suasana yang tidak menentu di dalam keadaan di mana kepentingan-kepentingan strategik mungkin memaksa setengah-setengah negara untuk melakukan usaha-usaha yang didokong dengan kekuasaan tentera, tetapi tidak bersifat satu pertempuran secara besar-besaran, maka tuntutan untuk memastikan bahawa kita mempunyai angkatan tentera yang berwibawa hendaklah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan yang besar digunakan untuk membeli peralatan ketenteraan, Kementerian Pertahanan mengambilkira juga kestabilan dalam merancang pertahanan negara. Melalui proses yang ada beberapa aktiviti sosio-ekonomi yang melibatkan anggota tentera telah disusun. Ini termasuklah antara

program tentera masuk dcsa yang terlibat dengan kegiatan pembangunan infrastruktur sosio-ekonomi dan kerja-kerja kebajikan. Begitu juga dengan perkembangan industri pertahanan akan memberi kesan positif secara langsung dan tidak langsung kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan MOU dengan United Kingdom, sukalah saya memaklumkan bahawa ianya berjalan seperti yang dirancang di mana tiga kontrak bagi projek-projek berikut telahpun dilandatangani pembelian 'radar martello system, see cube eye ataupun, dengan izin, command control communication dan intelligent system dan pesawat Hawk telahpun dilaksanakan. Manakala projek yang dalam perundingan ialah untuk membeli dua buah kapal corvettes, pembinaan Kompleks Gemas dan Kompleks Mersing untuk Tentera Darat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut supaya satu Unit Pasukan Tentera ditempatkan di Pulau Batu Putih, sukacita dimaklumkan bahawa isu Pulau Batu Putih masih lagi dalam tindakan Kerajaan melalui Wisma Putra untuk penyelesaian secara diplomatik. Oleh itu, rancangan selanjutnya akan dilaksanakan apabila keputusan dasar diperolehi dan isu ini diputuskan oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Penerangan.

5.25 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan

Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, dari Tanjung Aru, dari Kota Belud, dari Bandau, dari Selangau dan dari Padas yang telah menyentuh perkara-perkara am mengenai siaran RTM berhubung dengan guaman dan kehakiman di Television. Sukacita saya maklumkan bahawa jika ada sebarang maklumat yang menjadi bahan berita yang penting, RTM akan menyiarkan dalam Berita Perdana, Berita Wilayah ataupun dalam lain-lain program seperti Wawancara dan sebagainya.

Akhbar-akhbar mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk memberi gambaran yang sebenar tentang apa yang berlaku dalam satu-satu isu kerana ini melibatkan kredibiliti akhbar-akhbar itu sendiri.

Mengenai Berita daripada Sabah, RTM sentiasa menyiarkan jika ada bahan-bahan yang penting dan mempunyai news value, dengan izin, untuk siaran dalam Berita Perdana ataupun Berita Wilayah atau rancangan-rancangan khas yang lain. Kepentingan yang sama juga diberikan kepada berita dari negri-negeri lain di Semenanjung dan Sarawak. Oleh kerana RTM mempunyai kesan yang luas terhadap para penonton melalui siaran TV, RTM hanya menyiarkan rancangan-rancangan Berita yang dapat mengintegrasikan semua masyarakat di negara ini termasuk Sabah. Kerajaan menumpukan program-program supaya ianya selaras dengan pembangunan masyarakat dan negara ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan TV tidak boleh dihaskan kepada negeri Sabah sahaja kerana pembangunan bandar dan luar bandar berlaku di semua negeri termasuk di Sabah. RTM hanya menyiarkan perkara-perkara yang penting yang dapat memberi keterangan sebenar

tentang masyarakat serta memupuk perpaduan nasional dan tidak boleh mengutamakan isu-isu yang boleh memisahkan rakyat daripada matlamat pembangunan negara dan perpaduan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, dari Sibul, dari Johor Bharu, dari Tumpat, dari Kota Bharu yang telah menyentuh mengenai muzik rock dan program luar negeri. Semua rancangan-rancangan TV adalah ditapis oleh Lembaga Penapis Filem dan ada di antaranya rancangan-rancangan yang ditapis kali kedua oleh RTM sendiri, siaran-siaran rancangan adalah mengikut garis panduan di dalam kod etika penyiaran supaya rancangan-rancangan disiarkan adalah sesuai untuk tontonan masyarakat khususnya muda-mudi. Rancangan-rancangan dari luar negeri yang tidak keterlaluan kandungan ceritanya disiarkan dan adegan-adegan yang penting dalam cerita tersebut dibenarkan untuk disiarkan. Ini bukannya bermakna rancangan-rancangan akan mempengaruhi para penonton terutama muda-mudi dengan kebudayaan masyarakat luar negeri dengan secara negatif. Sebaliknya para penonton akan dapat didedahkan kepada nilai-nilai asing dan tidak mengalami kejutan budaya jika berpeluang berada di luar negeri.

Masyarakat kita perlu didedahkan kepada bidang-bidang tertentu supaya mendapat perbandingan demi kebaikan masyarakat khususnya orang-orang dewasa bukan sahaja dapat mengetahui aspek-aspek sosio-ekonomi dan politik luar negeri, malahan dapat menasihatkan masyarakat khususnya kalangan muda-mudi supaya menjadi lebih matang di dalam sebarang pertimbangan sejajar dengan amalan-amalan yang dilakukan di negara kita. Adalah tidak benar RTM lebih mementingkan kepada nilai-nilai ko-

mersial sahaja berbanding dengan nilai-nilai moral, agama dan nilai-nilai murni sejagat.

Seperti telah dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini dalam satu minggu RTM menyiarkan sebanyak 180 jam sebulan untuk drama, 44 jam sebulan untuk agama, 38 jam sebulan untuk hiburan dalam tahun 1991 ini. Ini juga bermakna RTM menyiarkan lebih banyak waktu dalam agama daripada hiburan pada setiap minggu. Membimbing akhlak dan moral para penonton bukan sahaja terletak di bahu RTM, ianya juga merupakan tanggungjawab bersama setiap pemimpin, institusi dan individu itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan Cina, RTM membuat siaran rancangan dalam bahasa Kantonis mengikut populariti semasa. Walau bagaimanapun RTM menyiarkan Berita Cina dalam bahasa Mandarin. Dalam tahun 1991, Kementerian menyiarkan tiga jam setengah seminggu siaran dalam Bahasa Mandarin sebagai Berita manakala lapan setengah jam siaran rancangan Cina dalam bahasa Kantonis. RTM akan membuat kajian dari masa ke semasa dan membuat pengubahsuaian siaran rancangan-rancangan yang perlu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti rancangan-rancangan bahasa lain, rancangan-rancangan Kantonis juga mempunyai peminat-peminat keturunan lain.

Kakitangan RTM adalah merupakan kakitangan Kerajaan dan tertakluk kepada dasar-dasar dan peraturan-peraturan Kerajaan. Apa yang dihasilkan oleh mereka bagi siaran TV dan radio bagi penonton-penonton dan pendengar TV adalah selaras dengan pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Sepertimana yang disebutkan tadi, penyediaan rancangan-rancangan tersebut dibuat dengan kefahaman secara menyeluruh mengenai aspek-aspek

masyarakat khususnya penonton, mudah-mudahan demi mewujudkan kualiti pemikiran yang matang, cerdas dan cergas dan mempunyai sikap yang dinamik terhadap perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sibu dan Pasir Mas yang telah menyentuh tentang aspek kejuruteraan RTM. Kementerian merasakan belum lagi sampai masanya di mana semua aspek-aspek yang disiarkan dari luar negeri yang boleh diterima secara langsung melalui parabola dan satelit sesuai untuk penonton dan masyarakat di Malaysia. Kementerian merasakan adalah lebih sesuai amalan yang ada sekarang di mana semua bahan-bahan siaran yang diterima secara langsung dengan satelit dan parabola melalui TVRO ditapis terlebih dahulu oleh RTM dan disiarkan melalui Berita dan rancangan-rancangan yang sesuai sahaja untuk tontonan masyarakat Malaysia. Ini adalah penting untuk menjaga keselamatan, ketenteraman dan juga perpaduan negara di samping memberi maklumat dan hiburan kepada masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gangguan siaran TV daripada negara Thailand di sempadan Kelantan, Kerajaan Malaysia telah mengadakan beberapa rundingan dengan pihak Thailand tetapi masih belum mencapai sebarang keputusan yang muktamad. Walau bagaimanapun kita berhak menggunakan frequency VHF seperti sedia ada mengikut peraturan antarabangsa di mana pada dasarnya, first come, first serve atau the rights of the first user, dengan izin.

Walaupun Malaysia telah menggunakan frequency VHF sejak tahun 1966 dan negara Thailand menggunakannya hanya dalam tahun 1989 tetapi pihak negara Thailand masih

berkeras untuk terus menggunakan frequency tersebut hinggalah sekarang ini.

Dalam hal ini, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perundingan-perundingan untuk mencari penyelesaian ke atas perkara ini masih lagi dijalankan berdasarkan semangat ASEAN dan hidup berjiran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau, dari Bandau dan juga dari Labuan yang menyentuh tentang pengiklanan. Mengenai jenama rokok, Kementerian belum lagi ingin menghentikan siaran ini. Kementerian hanya membenarkan siaran jenama rokok dengan syarat barang-barang selain daripada rokok yang diiklankan mestilah jelas dan boleh didapati di pasaran.

Amalan dibenarkan iklan jenama rokok adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menambahkan industri-industri dan ekonomi, dengan izin, amalan free enterprise. Adalah tidak adil jika Kementerian mengharamkan iklan-iklan jenama rokok kerana syarikat-syarikat rokok pada masa yang sama juga memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Dari sudut pendapatan pula, hasrat RTM ingin berdikari dari segi kewangan sesuai dengan rancangan untuk memperbadankan RTM. Dalam tahun 1989, \$38 juta atau 25% hasil iklan; dan dalam tahun 1990, \$66 juta atau 33% adalah hasil pengiklanan daripada jenama rokok.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibu yang telah memberi pandangan untuk menyiarkan program agama-agama lain daripada Islam di kaca TV.

Kementerian tidak bercadang untuk menyiarkan rancangan-rancangan

agama lain dalam televisyen memandangkan pada dasarnya Kementerian hanya menyiarkan rancangan-rancangan yang berkaitan dengan agama rasmi....

**Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit:** (*Banguri*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada yang bangun.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu sama ada pihak RTM mempunyai keupayaan untuk menyiarkan rancangan-rancangan sukan secara langsung tanpa menggunakan penajaan daripada jenama-jenama rokok ini.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, seperti amalan-amalan yang telah dilakukan, soal boleh memang boleh. Tetapi kalau ada jalan kita membuat keuntungan daripada sebarang tajaan, itu adalah cara yang paling baik. Maknanya kalau kita membuat siaran langsung tanpa adanya sebarang penghasilan daripada usaha sedemikian, maknanya kita rugi. Jadi soal boleh memang boleh. Tetapi daripada rugi lebih baik untung. Jadi itulah sikap atau dasar yang diamalkan selama ini. Jadi....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah matlamat RTM yang sebenarnya, pendidikan ataupun wang?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, soal perkara seperti ini seharusnya tidak timbul.

Matlamat RTM ialah untuk mewujudkan masyarakat yang bermaklumal. Jadi maknanya kalau RTM dalam usaha untuk mewujudkan matlamat ini dan pada masa yang sama juga boleh membuat keuntungan, kenapa tidak dibuat kedua-dua sekali. Sambil menyelam, sambil minum air.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun....

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Labuan bangun lagi.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kita berupaya. Tetapi dari segi penajaan sukan dengan menggunakan jenama rokok ini ianya bertentangan. Di sebelah pihak kita mahukan masyarakat Malaysia sihat dan di antaranya ialah mengurangkan merokok, tetapi kita galakkan penajaan sukan dengan menggunakan jenama rokok. Apakah ianya tidak bercanggah? Apakah ianya tidak bertentangan dari segi apa yang kita tuju atau kita kehendaki.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar, kalau kita kata jangan merokok tetapi pada waktu yang sama kita juga mengadakan iklan berkenaan rokok, terutama sekali kalau iklan rokoknya itu keluar bererti jelas sekali bertentangan. Tetapi dalam perkara ini syarat yang diberikan ialah kita hanya dapat mengeluarkan di dalam iklan benda-benda ataupun barangan-barangan yang merupakan jenama seperti Salem, Dunhill dan sebagainya. Sebab barangan-barangan daripada Salem, Dunhill dan sebagainya terdapat seperti tali pinggang, necktie, pen dan sebagainya.

Jadi, kalau ada orang menafsirkan bahawa ini satu hipokrisi umpamanya, kerana pada waktu yang sama seperti disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan tadi, kita menggalakkan orang supaya jangan merokok tetapi pada waktu yang lain, kita juga membuat sesuatu seolah-olah menggalakkan. Itulah syarat yang saya katakan tadi kita tidak benarkan soal rokok itu diwujudkan dalam televisyen sendiri selain daripada namanya yang menjual barangan-barangan daripada barangan rokok itu. Itu penjelasan saya.

Walau bagaimanapun untuk menghormati hasrat penonton-penonton yang beragama lain, RTM sentiasa menyiarkan program-program khas pada hari-hari kebesaran agama mereka. RTM menyiarkan program-program yang sesuai dengan perayaan-perayaan hari kebesaran supaya rakyat jelata dengan tidak mengirakan bangsa dapat bersama-sama merayakan hari-hari tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, dari Bandau dan dari Selangau yang telah menyentuh berkenaan perkara-perkara berhubung dengan Jabatan Penerangan.

Mengenai "Kampung Ku" - Kampung Ku lelah dilaksanakan sebagai lanjutan kepada gagasan Semarak. Matlamat Kampung Ku ialah:

- (i) untuk meningkatkan kecintaan setempat kepada tanahair;
- (ii) memupuk semangat kekeluargaan di kalangan masyarakat;
- (iii) menyemai semangat bersyukur dan menghargai jasa di kalangan penduduk kampung;
- (iv) menanam semangat berdikari;
- (v) menjalin semangat kekitaan dan sentiasa bersatu;

(vi) mewujudkan semangat penyertaan dan penglibatan masyarakat terhadap usaha-usaha pembangunan;

(vii) menggalakkan usaha yang bersungguh-sungguh dan terancang bagi mengengahkan kegiatan-kegiatan dan kejayaan rakyat; dan akhir sekali;

(viii) melahirkan generasi yang cergas.

Melalui matlama' tersebut, pembentukan sikap dan pemikiran rakyat, terutama di kawasan luar bandar akan lebih diuruskan mencapai kejayaan Menjelang Tahun 2020. Jabatan Penerangan melalui kerjasama lain-lain Jabatan di bawah Kementerian, menjadi penggerak utama ke arah pencapaian matlamat projek Kampungku.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Khas, pegawai-pegawai ini adalah dilantik mengikut Akta Kontrak Kerajaan Tahun 1949 yang memberikan kuasa kepada Menteri Penerangan melantik dan menamatkan perkhidmatan seseorang itu mengikut keperluan dan keadaan semasa. Pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Khas adalah tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan dan mereka juga terikat dengan Perintah Am atau General Orders, dengan izin.

Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam dengan lain-lain perkataan, mereka adalah merupakan pegawai-pegawai Kerajaan yang diberi perkhidmatan mereka mengikut kepentingan negara dan Kerajaan. Justeru itu, mereka diiktirafkan sebagai Pegawai Perkhidmatan Awam dan adalah wajar ditempatkan di Pejabat-pejabat Penerangan Daerah dan menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan bagi tugas-tugas rasmi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di antara fungsi-fungsi utama Jabatan Penerangan ialah bertindak sebagai komunikator Kerajaan yang bertanggungjawab menyelaraskan maklumat-maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat umum di samping mengumpul maklumat maklum-balas daripada rakyat. Audience sasaran utama Jabatan Penerangan ini dipupuk supaya berfungsi sebagai ketua pendapat umum bagi kawasan yang berkaitan.

Di dalam mendekati masyarakat di zaman moden yang mempunyai kemudahan teknologi komunikasi yang tertinggi dan canggih, Jabatan Penerangan perlu merangka strategi-strategi yang lebih sesuai seperti penggunaan peralatan canggih, menambah kemahiran pegawai-pegawai dan memperlengkapkan maklumat-maklumat dengan lebih cepat, lebih mudah dan boleh menyakinkan. Seiringan dengan ini, Jabatan Penerangan telah dan sedang menghantar beberapa orang pegawai untuk melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita.

Yang kedua, Jabatan Penerangan belum lagi mempunyai kemudahan infrastruktur komunikasi seiring dengan perkembangan peralatan komunikasi moden terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Pejabat Penerangan Daerah yang menjadi pusat pengaliran maklumat di kawasan-kawasan luar bandar terpaksa menggunakan pendekatan manual kerana kekurangan kemudahan. Kekurangan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan satu skim perkhidmatan pegawai menjadikan Pejabat Penerangan Daerah terpaksa berfungsi secara manual. Walau bagaimanapun, keadaan ini dapat diatasi sekiranya persoalan-persoalan di atas dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sekali lagi mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-

banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Belanjawan 1992 yang telah menyentuh panjang lebar fungsi-fungsi dan perkara-perkara yang berhubungkait dengan Kementerian Penerangan, dan sebarang perkara-perkara yang ditimbulkan dan tidak disentuh dalam jawapan ini, insya Allah, akan diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

*5.44 ptg.*

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka terhadap kemajuan Kementerian ini dan membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan pembangunan pelancongan semasa membahaskan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah menyentuh tentang beberapa masalah yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar bagi kawasan-kawasan rekreasi seperti kawasan air terjun dan juga kawasan-kawasan pergunungan seperti Gunung Tahan dan Gunung Kinabalu. Kementerian ini memang sedar dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, bahawa pembinaan jalan-jalan masuk dan lorong-lorong pendakian gunung yang lebih selca akan mengurangkan daya tarikan kawasan berkenaan kepada pelancong disebabkan oleh terlampau mudahnya bagi mereka untuk sampai ke tempat tersebut, Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,



kemudahan-kemudahan jalan yang minima adalah juga perlu diadakan untuk membolehkan para pelancong dari semua golongan umur untuk sampai dan menikmati keindahan alam di kawasan berkenaan, dan tidaklah hanya terhad kepada mereka yang sihat dan 'adventurous' sahaja. Sungguhpun begitu, Kcmenterian ini akan mengambil perhatian ke atas teguran Ahli Yang Berhormat itu dan akan menyampaikan perkara ini kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Tempatan yang bertanggungjawab di dalam melaksanakan pcmbangunan-pembangunan di kawasan-kawasan seperti ini pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, iaitu mencadangkan supaya Kerajaan mengenakan cukai keluar negeri bagi para pelancong dari negara tni pada kadar \$200 seorang setiap kali mereka keluar negeri, sukalah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kemcmenterian ini telahpun mengkaji dan meneliti mengenai perkara ini. Dari kajian tersebut, didapati bahawa pengenaan cukai ke luar negeri hanya akan membebaskan rakyat negara kita yang bekerja di negara-negara jiran. Dan sekiranya rakyat negara ini dibebaskan dari cukai ke luar negen apabila melawat negara jiran, kemungkinan pula terdapat orang-orang Malaysia mcmlancong ke negara Jepun, Eropah atau lain-lain negara melalui negara jiran. Ini juga akan merugikan Syarikat Penerbangan Malaysia. Walau bagaimanapun, sukacita juga dinyatakan bahawa untuk mengurangkan rakyat Malaysia melancong ke luar negeri, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang lebih agresif untuk membuat promosi kepada rakyat Malaysia supaya mereka lebih tertarik melancong di dalam negeri sendiri daripada melancong ke luar negeri. Ini termasuklah usaha-usaha yang telah

dijalankan oleh Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur pelancongan seperti penginapan harga sederhana dan murah, pakej-pakej pelancongan murah dalam negeri serta skim-skim tambang murah yang dijalankan oleh Syarikal Penerbangan Malaysia dan Keretapi Tanah Melayu.

Menyentuh pula perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Sarawak, sukacita dinyatakan bahawa Kerajaan memang tidak melupakan pcm-bangunan pelancongan di negeri Sarawak kerana Sarawak memang terkenal sebagai sebuah negeri yang begitu cantik dengan alam semula jadi, termasuk taman-taman negara serta gua-guanya yang boleh dikatakan di antara yang lcrindah di dunia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telahpun memperuntukkan sebanyak \$7 juta untuk membangunkan beberapa buah taman negara di ngeri Sarawak iaitu Taman Negara Bako, Taman Negara Niah dan Taman Negara Mulu. Peruntukan-peruntukan ini adalah bertujuan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur termauk meningkatkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti jalan-jalan masuk, jambatan gantung, hostel-hostel, chalet-chalet, kawasan tapak perkhemahan, tandas-tandas awam juga lain-lain kemudahan asas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibn dan Bandau....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Batang Lupar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Dari penjelasan atas persediaan untuk industri pelancongan di Sarawak dan soalan saya, oleh

kerana apa yang saya telah dengar ura-ura mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia Kedua akan diadakan pada tahun 1994. Apakah persediaan yang menyeluruh supaya Sarawak tidak ketinggalan sebagaimana yang telah berlaku pada Tahun Melawat Malaysia yang pertama dari segi industri pelancongan. Soalan yang pertama.

Yang kedua, adakah Kementerian akan mengubah strategi di masa menyebarkan maklumat-maklumat untuk pelancong di luar negeri dan janganlah menghantarkan gambar-gambar yang pakai kain cawat ini - loin clothes. Orang Sarawak tidak tahu cara lain, pakai mengajapakai pakaian-pakaian yang primitif itu sahaja.

Jadi, gambaran ini adalah tidak baik dan mungkin mendatangkan imej yang kurang baik dan jelas kepada orang luar daripada Malaysia dan keadaan di Malaysia ini orang tinggal di rumah panjang, di atas pokok begitu sahaja. Apa penjelasan Kementerian?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, apa penjelasan yang diminta? Itu pandangan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tentang soalan yang pertama, saya fikir ini tidak wujud kerana pada tahun 1990 semasa kita mengadakan Tahun Melawat Malaysia, memang kita mengadakan promosi untuk mempromosikan Malaysia pada keseluruhannya dan tidak ditinggalkan pun mana-mana negeri. Jadi, dalam tahun 1994 semasa kita mengadakan Tahun Melawat Malaysia bagi kali yang kedua, kita akan meneruskan tentang apa yang kita telah buat pada tahun 1990. Jadi, tentang cadangan yang kedua, pihak Kementerian akan mengambil perhatian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibuan dan Bandau pula,

inginlah dijelaskan bahawa program Tahun Melawat Malaysia 1990 mengandungi usaha-usaha penggalakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan secara menyeluruh. Bahan-bahan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti dan acara-acara semasa Tahun Melawat Malaysia 1990 mengandungi juga acara-acara yang berlangsung di Sabah dan Sarawak. Tempat-tempat pelancongan serta kekayaan warisan budaya yang terdapat di negeri tersebut terkandung di dalam semua bahan percetakan yang disediakan bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 1990. Begitu juga halnya dengan Tahun Melawat ASEAN dalam tahun yang akan datang nanti, usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian ini untuk menarik pelancong-pelancong ke Malaysia dalam tahun 1992, hersempena dengan Tahun Melawat ASEAN, juga merangkumi pengenalan Sabah dan Sarawak sebagai destinasi pelancongan yang patut dilawati. Acara-acara yang akan diadakan di negeri-negeri berkenaan akan disenaraikan dalam kalendar acara-acara yang berlangsung di Malaysia sempena Tahun Melawat ASEAN 1992 seperti juga acara-acara yang dirancang di negeri-negeri lain.

Akhir sekali saya ingin memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi bagi memastikan industri pelancongan negara terus berkembang maju dengan lebih pesat lagi.

**Sekian, terima kasih.**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

*5.53 ptg.*

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masya-**

**rakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara yang dibawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh Kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Shah Alam yang telah mencadangkan supaya projek Pusat Sumber Maklumat Wanita yang sedang dirancang oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diadakan juga di peringkat negeri dan daerah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini projek ini sedang dirancang di peringkat kebangsaan dan tidak ada peruntukan ataupun rancangan untuk mewujudkan pusat tersebut di peringkat negeri dan daerah. Walau pun demikian, Kementerian ini bersetuju bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat adalah satu cadangan yang baik dan Kementerian ini akan menelitikannya untuk dirangkumkan dalam fasa yang kemudian apabila projek pusat di peringkat kebangsaan telah dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah menyentuh tentang peruntukan bagi Program Pembangunan di bawah Bahagian Hal-ehwal Wanita ataupun dikenali sebagai HAWA di bawah Kementerian ini. Sukacita saya maklumkan bahawa peruntukan pembangunan yang telah diluluskan untuk HAWA di bawah Rancangan Malaysia

Keenam ialah \$20 juta. Untuk tahun 1992, sebagai permulaan sejumlah \$800,000 telah dicadangkan untuk membiayai projek Pusat Sumber Maklumat Wanita, program latihan dan grant kepada pertubuhan wanita bukan Kerajaan sebagai bantuan Kerajaan untuk aktiviti-aktiviti mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Santubong yang telah mencadangkan supaya Pusat Sumber Maklumat Wanita yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga diambilalih oleh HAWA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai bulan Julai tahun 1990 Pusat Sumber Maklumat Wanita di bawah Lembaga tersebut telahpun diambilalih oleh HAWA. Di samping itu HAWA telahpun mengadakan rangkaian perhubungan dengan perpustakaan, institusi-institusi pendidikan, pertubuhan-pertubuhan dan agensi-agensi Kerajaan di peringkat luar dan dalam negeri untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan wanita.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Santubong mengenai langkah-langkah yang perlu bagi meningkatkan lagi peranan dan keupayaan HAWA supaya dapat melaksanakan Dasar Wanita Negara dengan lebih berkesan. Pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat akan diteliti oleh Kementerian ini dalam usahanya pada masa ini untuk memperkukuhkan lagi struktur dan peranan HAWA.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah menyentuh bahawa peruntukan bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di bawah cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 1992 adalah masih rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telahpun dicadangkan

peruntukan sebanyak \$149 juta bagi tahun 1992 berbanding dengan peruntukan sebanyak \$112 juta pada tahun 1991. Ini merupakan tambahan sebanyak \$37 juta ataupun 33% bagi tahun 1992. Saya berpendapat bahawa tambahan ini adalah munasabah memandangkan bahawa Kementerian ini baru diwujudkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang telah menyentuh tentang masyarakat penyayang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan tujuan Kerajaan ke arah ini, satu peruntukan khas sebanyak \$9 juta telah dicadangkan untuk Program Pembangunan Sosial dalam komuniti. Dengan peruntukan ini lebih ramai masyarakat yang kurang bernasib baik khususnya seperti kanak-kanak, orang-orang cacat, remaja yang menghadapi masalah tingkahlaku akan dibcri galakan dan pemulihan ke arah meningkatkan kesejahteraan mereka. Dalam usaha ini juga penggalakkan penglibatan masyarakat melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela akan juga dititik-beratkan untuk memupuk semangat masyarakat penyayang bagi melaksanakan program-program pencegahan, pemulihan dan pembangunan.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang juga telah menyentuh tentang kadar bantuan yang dibayar khususnya kepada orang-orang tua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar yang dibayar di bawah Skim Bantuan Orang Tua yang dikendalikan oleh Kementerian ini ialah sebanyak \$50 sebulan. Kadar yang dibayar oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela adalah berbeza dan bergantung kepada keupayaan mereka memungut derma untuk maksud ini. Walaupun kadar yang dibayar oleh Kementerian ini dikaji dari masa ke semasa, peningkatan kadar tersebut adalah bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan. Buat masa ini Kementerian sedang bercadang untuk meminda kadar yang

digunakan sekarang tetapi setakat ini belum mendapat kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Perusahaan Awam.

5.59 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam. Sepanjang perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan berkenaan beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan dan teguran yang bernas yang dapat digunakan sebagai panduan untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi agensi-agensi Kementerian Perusahaan Awam.

Pada keseluruhannya, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara mengenai Kementerian Perusahaan Awam yang mana seperti berikut iaitu bersabit dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas, dari Kuala Langat, dari Nilam Puri, Pasir Mas dan Parit Sulong. Perkara-perkara berkaitan dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Bagan, Sibn dan Kluang. Perkara-perkara mengenai Perbadanan

Pembangunan Bandar oleh Yang Berhormat dari Sepang. Perkara-perkara mengenai Pusat Khidmat Kontraktor oleh Yang Berhormat dari Parit.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya, perkara-perkara yang disentuh mengenai MARA berkisar kepada perkara-perkara pengurusan, program dan peruntukan MARA. Berhubung dengan pengurusan MARA, sebenarnya tiada kekeliruan telah berlaku. Di dalam aspek berkenaan MARA kekal ditadbir di bawah seorang Pengerusi yang menerima elaun sebanyak \$1,350 sebulan mengikut peraturan Kerajaan. Dari aspek pengurusan juga MARA sebenarnya tidak pernah dipolitikkan dan tidak ada kajian yang dibuat untuk meninjau perkara-perkara tersebut.

Untuk makluman, jumlah wang yang terkumpul di MARA adalah terdiri daripada wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada MARA untuk pelbagai projek dalam Rancangan Malaysia Kelima dan hasil yang diterima daripada pelaburan atau projek yang dikendalikan oleh MARA adalah diperbagai peringkat pembangunan. Oleh yang demikian, wang yang telah digunakan oleh MARA adalah tidak menggambarkan kedudukan 100% daripada peruntukan, akan tetapi mengikut tahap pembangunan. Wang yang belum digunakan untuk pembayaran masih terdapat di dalam simpanan Kerajaan dalam bentuk securiti Kerajaan Malaysia, kecuali sebahagian daripadanya yang berupa faedah dan disimpan di dalam bank. Sebahagian daripada jumlah ini telahpun digunakan untuk projek-projek MARA yang tidak diberi peruntukan oleh Kerajaan atau menanti kelulusan Kerajaan. Dari segi pelaksanaan program, MARA sememangnya memberi perhatian supaya program-program diuruskan dengan cara yang teratur, lebih-lebih lagi apabila program berkenaan melibatkan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

MARA Mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang disentuh mengenai Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, berpusat di sekitar permohonan pengeluaran lesen. Untuk makluman Yang Berhormat dari Kluang, sukacita saya memaklumkan sehingga tahun 1990 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia telah meluluskan sebanyak 3,927 lesen bas kilang dan daripada jumlah tersebut sebanyak 948 telah diluluskan oleh negeri Johor. Di samping itu sehingga Oktober 1991, sebanyak 65 lagi lesen bas kilang telah diluluskan untuk negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Sibu, adalah dimaklumkan pada dasarnya Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan memproses permohonan yang diterima dengan secepat yang mungkin. Walau bagaimanapun, apabila permohonan yang diterima terlalu banyak, maka ianya akan mengambil sedikit masa kerana pihak Lembaga terpaksa membuat penelitian serta menjalankan temuduga ke atas pemohon-pemohon. Tujuannya ialah untuk menentukan supaya lesen-lesen Kenderaan Perdagangan hanya dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang layak, berkemampuan serta benar-benar berminat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan tanah di Sepang merupakan hak milik Kerajaan. Pihak UDA buat ketika ini tidak mempunyai apa-apa rancangan. Walau bagaimanapun, pihak UDA bercadang untuk mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang lain bagi membolehkan penglibatan UDA

dalam pembangunan kawasan tersebut. Saya berpendapat MARA juga akan mengambil tindakan yang serupa bagi menjamin kepentingan pembangunan bumiputera di kawasan berkenaan sejajar dengan Wawasan 2020.

Mengenai Pusat Khidmat Kontraktor, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat yang berkenaan, Kerajaan telah menetapkan peranan Pusat Khidmat Kontraktor seperti berikut:

- (i) mendaftarkan kontraktor kerja di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- (ii) memberi pengiktirafan bumiputera kepada kontraktor-kontraktor kerja yang berkelayakan;
- (iii) menjadi pusat rujukan makluman kontraktor-kontraktor kerja;
- (iv) memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang bermasalah melaksanakan kontrak tetapi terhad kepada Jabatan dan agensi Kerajaan yang tidak mempunyai unit khas untuk memberi bimbingan kepada kontraktor-kontraktor.

Berlandaskan peranan-peranan yang tersebut di atas, Pusat Khidmat Kontraktor tidaklah pernah terkeluar daripada matlamatnya ataupun menjadi penghalang kepada pembangunan kontraktor bumiputera. Tindakan-tindakan yang pernah diambil terhadap kontraktor-kontraktor bumiputera adalah mengikut arahan Kerajaan Malaysia bagi mengelakkan kontraktor-kontraktor menolak tawaran projek-projek yang telah diberikan kepadanya demi menjaga masa siap projek berkenaan.

Berhubung dengan pengagihan projek-projek besar kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, adalah di-

maklumkan bahawa kuasa sebenarnya mengenai pengagihan adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Tawaran dan Lembaga ini tidak terletak di bawah kawalan Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam sentiasa mengawasi pengurusan dan juga pelaksanaan program-program agensi-agensinya supaya ianya selaras dengan dasar rancangan 5 tahun dan juga Dasar Pembangunan Nasional. Masalah-masalah yang berbangkit sentiasa dikaji dari masa ke semasa dan saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sumbangan dalam bentuk pandangan atau teguran dalam menjamin supaya cita-cita negara pada keseluruhannya dapat dicapai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1992 telah dibaca kali kedua dan Usut Anggaran Pembangunan 1992 diluluskan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahh Yang Berhormat, saya mengemukakan Usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak lakan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1992 telah dibaca kali kedua dan Usul Anggaran Pembangunan 1992 diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

## ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Sumber Manusia.

6.07 *ptg.*

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan tahun ini serta mengemukakan isu dan cadangan-cadangan yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia.

Seterusnya saya ingin memberi penjelasan dan ulasan kepada pandangan, teguran dan kritikan-kritikan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Puchong, Kuala Langat dan Ahli Yang Berhormat dari Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, soal upah dan gaji minima yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Kuala Langat bukanlah merupakan satu perkara baru. Perkara ini sebenarnya telah dibangkitkan sudah berkali-kali di persidangan-persidangan yang lampau di Dewan yang mulia ini.

Sepertimana yang telah dijelaskan di Dewan ini sudah beberapa kali, ingin dimaklumkan sekali lagi bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan kadar upah serta syarat-syarat perkhidmatan sektor swasta ditetapkan melalui perundingan oleh Kesatuan Sekerja dan Majikan yang terlibat. Sistem ini kini berjalan baik dan lancar.

Bagi pekerja yang tidak berkesatuan pula, keadaan semasa pasaran buruh akan menentukan kadar upah. Dalam keadaan ini di mana terdapat kekurangan tenaga buruh seperti yang wujud dewasa ini, saya percaya majikan-majikan tidak akan memperolehi pekerja sekiranya mereka tidak sensitif kepada keadaan semasa dan enggan menawarkan upah yang berpatutan. Disamping itu, dalam keadaan di mana tahap pembangunan di satu-satu daerah amat berbeza, penetapan gaji minimum didapati tidak sesuai dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan telah menyediakan satu jentera di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 untuk menetapkan gaji minima bagi para pekerja tertentu melalui Majlis Penetapan Gaji khususnya bagi sektor-sektor industri yang tidak diwakili dengan secukupnya oleh Kesatuan Sekerja atau yang tidak mempunyai jentera perundingan bersama yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah berpuashati dengan sistem Penetapan Gaji yang ada sekarang ini dan tidak bercadang untuk mengubahnya. Kerajaan juga tidak bercadang untuk menubuhkan jemaah

Majlis Gaji Kebangsaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Lebih-lebih lagi memandangkan pendapatan pekerja kini semakin meningkat akibat pasaran buruh yang semakin ketat hasil dari dasar-dasar pragmatik Kerajaan yang telah dapat menarik begitu banyak pelabur asing sejak kebelakangan ini. Malah pekerja-pekerja kita kini menerima upah dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik jika dibandingkan dengan kebanyakan negara di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengira apa cara jua gaji pekerja-pekerja negara ini ditetapkan, mereka adalah dilindungi oleh undangundang bagi menentukan bahawa majikan-majikan tidak memberi gaji kurang daripada kadar yang dipersetujui atau ditetapkan. Undang-undang buruh negara ini adalah digubal bagi menjaga kepentingan.. ..

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak beri jalan. Masa tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Dato' M. Mahalingam:....**bagi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak dan juga bagi memastikan bahawa hak-hak pekerja terpelihara serta kepentingan para pelabur dan majikan tidak diabaikan. Saya percaya Yang Berhormat dari Bayan Baru sedia maklum bahawa Malaysia bukan sebuah negara buruh murah, malah kadar upah di negara ini didapati kedua tinggi di rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sistem upah flexi yang telah

dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru, saya suka menjelaskan bahawa ianya adalah satu sistem yang progresif dan dinamik. Teras sistem ini adalah untuk memberi ganjaran yang sewajarnya kepada pekerja dan dalam masa yang sama mengekalkan kos upah berkeadaan kompetitif. Sistem upah flexi ini akan membolehkan upah diselaraskan bergantung kepada prestasi ekonomi, syarikat dan individu. Satu elemen yang penting dalam sistem upah flexi ini ialah memastikan kenaikan gaji pekerja tidak melebihi kadar peningkatan produktiviti supaya barangan keluaran Malaysia akan terus berada dalam keadaan kompetitif di pasaran dunia. Secara tidak langsung, ini juga akan dapat mengekalkan pekerjaan pekerja-pekerja berkenaan.

Daripada keterangan yang diberikan, maka adalah jelas bahawa sistem upah flexi merupakan satu sistem yang dapat memberi imbuhan yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengambilan pekerja asing yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Kuala Langat dan Labuan, saya suka menegaskan bahawa dasar pengambilan pekerja asing yang diumumkan baru-baru ini adalah merupakan langkah sementara sahaja bagi mengatasi kekurangan pekerja yang dialami oleh majikan di beberapa sektor ekonomi akibat keadaan pasaran buruh, yang ketat dan permintaan tenaga kerja yang tinggi berikutan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dasar tersebut bukan bertujuan menyekat peluang pekerjaan bagi rakyat tetapi untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang wujud di mana bekalan tenaga kerja tempatan atau penduduk tetap Malaysia adalah tidak mencukupi atau di mana rakyat tempatan enggan bekerja di sektor berkenaan. Dalam merangka dasar



tersebut, beberapa perkara penting seperti berikut telah diambil kira:

- (i) hak-hak rakyat tempatan i.e. hadap peluang pekerjaan dilindungi; dan
- (ii) penggajian pekerja asing tidak menyebabkan penawaran pekerja asing secara murah yang akan membawa kesan buruk dari segi upah dan pendapatan pekerja tempatan.

Dalam mempertimbangkan permohonan dari setiap majikan untuk mengambil pekerja asing, pihak majikan hendaklah menunjukkan bukti bahawa ia telah benar-benar berusaha untuk mengambil pekerja tempatan tetapi gagal dalam usaha-usahanya.

Saya juga ingin memberitahu bahawa pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia hanya akan dibenar untuk bekerja selama 2 tahun sahaja dan majikan-majikan berkenaan akan diwajibkan menawarkan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama sepertimana yang sedang dinikmati oleh pekerja-pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru supaya wakil pekerja dibenarkan menjadi Ahli Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing, saya berpendapat adalah memadai bagi Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk melaksanakan dasar yang mana telahpun diputuskan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada had kerja lebih masa daripada 64 jam kepada 104 jam sebulan, saya ingin menegaskan bahawa perkara ini juga merupakan langkah sementara yang perlu diambil bagi membolehkan majikan-majikan mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam keadaan pasaran buruh semasa. Langkah ini bukan sahaja akan dapat menambah pendapatan para pekerja tetapi juga

mengurangkan bilangan pekerja asing yang perlu diambil oleh majikan-majikan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga telah membangkitkan mengenai Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Suka saya menjelaskan tujuan cadangan penubuhan Tabung Pembangunan Sumber Manusia adalah untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kepada suatu tahap yang lebih tinggi selaras dengan strategi perindustrian masa kini. Bekalan tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan yang luas dan kemahiran yang tinggi sudah tentu akan dapat membantu dan mempercepatkan usaha-usaha majikan mengubah proses pengeluaran mereka kepada suatu proses yang berintensif modal dan menggunakan teknologi yang tinggi.

Skim ini akan dilaksanakan melalui sumbangan sebanyak 1% daripada gaji bulanan majikan-majikan untuk dimasukkan ke dalam satu tabung yang akan digelar Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Wang dari tabung ini kemudiannya akan digunakan untuk membiayai sebahagian besar daripada kos program-program latihan yang ditaksan oleh majikan bagi melatih semula pekerja-pekerja mereka.

Saya yakin penubuhan Tabung ini nanti akan dapat menggalakkan lebih ramai lagi majikan melatih dan melengkapkan pekerja-pekerja mereka dengan kemahiran-kemahiran yang lebih tinggi selaras dengan keperluan mereka. Penyediaan Rang Undang-undang bagi mewujudkan Tabung ini kini adalah dalam peringkat yang terakhir dan ianya akan dapat dibentangkan dalam sesi Parlimen akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah mencadangkan supaya sektor swasta turut membiayai penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Ingin dimaklumkan bahawa institut ini sedang di dalam proses untuk di-daftarkan sebagai sebuah syarikat 'limited by guarantee' milik Kerajaan. Adalah diramalkan institut ini akan mula beroperasi pada tahun 1992.

Matlamat institut adalah untuk mengurangkan kejadian kemalangan dan penyakit perusahaan di bidang industri melalui kegiatan-kegiatan bukan sahaja latihan tetapi termasuk kegiatan-kegiatan yang lain seperti memberi khidmat nasihat teknikal, penyiaran maklumat-maklumat dan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada sistem penguatkuasaan Jabatan Kilang dan Jentera ke atas industri-industri merbahaya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Puchung, ingin dimaklumkan bahawa satu peraturan khusus untuk industri ini sedang digubal bagi mengawal secara terperinci operasi kilang-kilang yang memproses dan mengeluarkan bahan-bahan merbahaya. Di samping itu, Kerajaan Pusat telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bagi mengawal kilang-kilang kategori ini. Beberapa buah Kerajaan Negri juga telah menubuhkan jawatankuasanya sendiri bagi mengawal kilang-kilang merbahaya dan berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada latihan dan keperluan tenaga mahir yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Puchung, Kuala Langat dan Labuan, Kementerian Sumber Manusia dari masa ke semasa berusaha memastikan supaya tenaga mahir yang dikeluarkan oleh institusi latihan bersesuaian dengan keperluan pasaran tenaga dan seboleh-bolehnya mengelakkan dari berlakunya keadaan, dengan izin, mis-match, antara penawaran dan permintaan tenaga mahir.

Kementerian Sumber Manusia telah diberi tanggungjawab dalam menyelaraskan latihan kemahiran di negara ini. Dalam hubungan ini, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) telah ditubuhkan. Antara peranan MLYK adalah membangunkan kurikulum latihan yang digunakan oleh semua agensi latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia menyedari hakikat bahawa tenaga mahir sangat diperlukan terutama untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Dalam hal ini, projek-projek pembangunan yang diperakukan oleh Kementerian adalah sebahagian besarnya merupakan projek pem. besaran Institut Latihan Perindustrian dan pembinaan sebuah lagi Institut Latihan Perindustrian. Apabila ianya siap kelak, projek pembangunan ini akan membuka peluang bagi lebih ramai belia-belia mengikuti latihan kemahiran.

Adalah dijangka pada tahun 1995 Institut Latihan Perindustrian akan berkeupayaan mengeluarkan kira-kira 3,800 pelatih setahun berbanding dengan 1,300 pelatih dikeluarkan pada tahun 1990. Projek pembangunan yang ditaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah merangkumi untuk mengendalikan kursus-kursus berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat, Kementerian Sumber Manusia memang sedar ada di antara majikan-majikan yang enggan memberi masa yang cukup kepada pekerja-pekerja mereka untuk menunaikan solat semasa bekerja. Sekiranya perkara ini dilaporkan maka Pegawai Buruh akan membuat lawatan untuk berunding dengan majikan-majikan yang mempunyai sikap yang negalif ini.

Sungguhpun peruntukan untuk menunaikan solat semasa waktu kerja mi tidak terdapat di bawah Undang-

undang Buruh, namun majikan-majikan telah diberi nasihat melalui pemeriksaan promosi yang dijalankan di tempat-tempat pekerjaan dan didapati boleh memberi kerjasama yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan 1992 dan memberi pandangan dan teguran-teguran yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia akan mengambil kira cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai panduan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat serta sebagai panduan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 yang menjadi impian kita semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.22 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap peranan dan fungsi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar khususnya isu-isu berkaitan dengan alam sekitar. Dengan ini membuktikan bahawa isu-isu alam sekitar tidak boleh lagi dianggap sebagai perkara yang remeh-temeh, sebaliknya ia harus diberi perhatian serius bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat di negara ini supaya ianya selaras dengan matlamat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Saya merasa bangga di atas peningkatan kesedaran khususnya di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan memberi perhatian berat kepada isu-isu berkaitan dengan alam sekitar. Secara amnya, isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan alam sekitar sewaktu perbincangan Dasar-dasar Am Belanjawan 1992 boleh dirangkumkan kepada empat kategori, iaitu:

- (a) isu pencemaran air dan udara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Kuala Langat;
- (b) isu jerebu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh;
- (c) isu buangan terjadual yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Arau; dan
- (d) isu kesan kepada alam sekitar yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Arau, Kangar, Bagan, Selangau dan Machang.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pada akhir-akhir ini isu alam sekitar merupakan satu topik perbincangan bukan sahaja di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Isu alam sekitar yang dahulunya hanya dikaitkan dengan masalah pencemaran tetapi akhir-akhir ini telah dikaitkan pula dengan perkara-perkara yang lebih penting seperti pembangunan, ekonomi dan perdagangan. Menyedari akan hakikat ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengambil langkah-langkah positif supaya setanding dengan perkembangan yang berlaku di sekeliling kita. Di antara langkah-langkah itu ialah menyemak semula peraturan-peraturan dan undang-undang alam sekitar di negara ini.

Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyemak semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Antara lain tujuannya ialah untuk meningkatkan kekesan pengawalan dan pencegahan pencemaran selaras dengan kepesatan ekonomi di negara ini....

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, nanti sekejap, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak beri?

**Tuan Law Hieng Ding:** Tidak. Jikalau ada, boleh timbulkan di peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baiklah.

**Tuan Law Hieng Ding:** Antara lain, tujuannya ialah untuk meningkatkan kekesan pengawalan dan pencegahan pencemaran selaras dengan kepesatan ekonomi di negara ini dan juga di peringkat antarabangsa.

Kajian juga ditumpukan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang lain yang berkaitan dengan alam sekitar dengan tujuan untuk menghasilkan kaedah-kaedah pengawalan dan pemeliharaan alam sekitar yang lebih efektif. Di samping itu juga untuk menggalakkan pertindihan aktiviti-aktiviti pengawalan dan pencegahan alam sekitar supaya lebih efektif dan jelas.

Matlamat kajian ini ialah untuk memastikan supaya peraturan-peraturan dan undang-undang alam sekitar akan dapat menjamin ke-selesaian hidup selaras dengan keperluan rakyat di negara ini sama ada pada masa kini mahupun pada masa-masa akan datang iaitu bersesuaian dengan Wawasan 2020. Justeru itu, adalah tepat pada masanya bagi Kerajaan mengatur langkah-langkah yang lebih strategik untuk mencapai matlamat tersebut.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang membuat persiapan untuk menubuhkan Majlis Alam Sekitar Negara. Tujuannya ialah untuk menyelaraskan fungsi semua agensi, menimbang strategi-strategi dan program-program yang mempunyai implikasi ke atas alam sekitar serta menasihati Kerajaan mengenai dasar-dasar arah pendekatan yang lebih menyeluruh kepada pengurusan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pencemaran air Sungai Rajang, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun mengetahui punca-punca yang menyebabkan pencemaran air sungai tersebut khususnya daripada sampah-sampah yang terkumpul sejak sepuluh tahun yang lalu. Masalah utama pencemaran air Sungai Rajang adalah berpunca dari pelepasan kumbahan dari mmah-rumah kediaman dan kawasan perbandaran serta najis ternakan. Untuk mengatasi masalah ini, kerjasama dan perancangan teratur oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak berkuasa lain amatlah penting. Satu jawatankuasa akan ditubuhkan yang ahli-ahlinya terdiri dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan pihak-pihak berkuasa negeri dan tempatan untuk sama-sama mengatasi masalah tersebut.

Berhubung dengan pencemaran udara di kawasan Sibu pula, masalah ini berpunca disebabkan oleh se-

bilangan bcsr kilang-kilang kayu yang menggunakan alat pembakaran, dengan izin, incinerator yang mempunyai reka bentuk tidak mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Masalah pencemaran ini bertambah teruk disebabkan kedudukan kilang-kilang tersebut di kawasan yang berdekatan dengan kawasan perumahan atau perkampungan.

Jabatan Alam Sekitar akan terus mengambil tindakan undang-undang terhadap kilang-kilang di kawasan berkenaan untuk mempertingkatkan kawalan pencemaran masing-masing.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah dijelaskan di Dewan yang mulia ini, jerebu yang melanda negara baru-baru ini bukanlah semata-mata berpunca dari bahan-bahan pencemaran dalam negeri, sebaliknya ianya menjadi begitu serius berpunca daripada pembakaran tanaman dan hutan secara meluas di sebuah negara jiran. Sebagai salah satu usaha untuk mengetakkan supaya peristiwa itu tidak bcrulang lagi pada masa-masa akan datang, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bercadang untuk mendapatkan kerjasama ncgara-negara ASEAN bagi mengelakkan dan mengawal pembakaran sedemikian. Cadangan tersebut meliputi kaedah-kaedah penyelarasan dan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN sekiranya pembakaran sedemikian rupa berlaku pada masa-masa akan datang.

Di samping itu, usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi mengurangkan masalah-masalah jerebu yang dihasilkan daripada bahan-bahan pencemaran tempatan. Di antara usaha-usaha itu ialah memperkemas dan menguatkuasakan peraturan-peraturan dan undang-undang, termasuk meningkatkan denda maksimum, meningkatkan kesedaran rakyat.

menggalakkan penggunaan bahan bakar secara lebih efisien....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak begitu banyak, saya minta maaf. Dan menggalakkan penggunaan bahan bakar tanpa plumbum. Bagaimanapun, usaha-usaha memerangi jerebu hanya akan mencapai kejayaan sekiranya semua rakyat di negara ini, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin rakyat menunjukkan teladan dan memberi sokongan padu untuk menggalakkan sebarang perbuatan dan tindakan yang boleh mengakibatkan jerebu. Dalam pada itu, semua rakyat di negara ini haruslah bersedia untuk mengubah cara hidup mercka supaya mengelakkan perkara-perkara yang boleh mengakibatkan jerebu. Di samping itu, mereka hendaklah sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang pengawalan jerebu sama ada yang dipcruntukkan di bawah kawalan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mahupun di bawah kawalan jabatan/agensi Kerajaan yang lain. Saya percaya dengan adanya usaha-usaha seperti yang dijelaskan tadi, maka masalah jerebu akan dapat dikawal walaupun tidak sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini, beberapa program telah dikenalpasti dan sedang dilaksanakan bagi menguruskan buangan berjadual. Di antara program itu ialah meningkatkan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Berjadual) 1989 di setiap negeri. Tujuannya ialah untuk memastikan supaya buangan berjadual tidak dilupuskan di tempat-tempat yang tidak dibenarkan sehingga membahayakan orang ramai. Satu

kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan berjadual sedang diusahakan oleh sebuah konsortium swasta. Kemudahan ini dijangka akan dapat beroperasi menjelang dua hingga tiga tahun lagi.

Bagi memastikan program ini mencapai kejayaan sepenuhnya, Jabatan Alam Sekitar telah dan akan terus memberi bantuan kepada konsortium swasta dalam usaha untuk mengadakan kemudahan tersebut. Sementara itu, semua sektor industri yang menghasilkan buangan berjadual telah diminta menyimpan buangan tersebut di tempat-tempat yang selamal sehingga kemudahan itu siap kelak. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan kerjasama ke atas usaha Kerajaan dalam hal pengurusan buangan berjadual.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah menggalakkan dasar 'sustainable development' dengan izin. Selaras dengan itu, undang-undang mengenai Penilaian Kesan Alam Sekitar atau EIA telah dikuatkuasakan sejak 1hb April, 1988. Aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada EIA dan ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, termasuklah:

- (a) pembalakan meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih;
- (b) pemaju perumahan meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih;
- (c) pembangunan estet perindustrian sederhana dan berat meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih; dan
- (d) pemajuan kemudahan-kemudahan tempat peranginan atau hotel yang mempunyai lebih

daripada 80 bilik di kawasan pantai atau yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih di kawasan bukit.

Melalui prosedur EIA, Jabatan Alam Sekitar dapat membantu pihak berkuasa berkenaan menimbang dan meluluskan projek-projek pembangunan dan perindustrian. EIA bukan semata-mata kehendak undang-undang, tetapi adalah lebih daripada itu. Ianya adalah satu alat yang penting dalam perancangan pembangunan supaya kesan-kesan negatif dapat diramal dan langkah-langkah pencegahan dan terbitan diambil dari awal-awal lagi. Pada masa yang sama, faedah-faedah pelaksanaan projek dapat dioptimumkan dan perbelanjaan yang tinggi bagi kerja-kerja pembaikan atau pemulihan dapat dielakkan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan ke atas peningkatan kesedaran mengenai keperluan EIA dan menyeru pemaju-pemaju projek mengambil sikap positif dan pihak-pihak yang berkenaan supaya memastikan EIA dilaksanakan di peringkat awal perancangan projek sebelum membuat keputusan. Melalui pelaksanaan prosedur bantuan EIA, pihak berkuasa berkenaan akan dapat membuat keputusan dengan lebih berkesan kerana ianya bukan sahaja mengambilkira faktor-faktor ekonomi, bahkan juga faktor-faktor pengurusan, pemeliharaan alam sekitar, sumber-sumber negara dan implikasi sosial budaya.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat untuk menghasilkan alam sekitar yang selesa hanya akan dapat dicapai dengan kerjasama dari semua pihak berkuasa, sama ada Pihak Berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Dalam pada itu, semua rakyat negara ini haruslah memainkan peranan penting untuk memahami dan menyokong usaha-usaha Kerajaan ke arah menjadikan negara ini sebagai

sebuah negara yang maju dan selesa. Penguatkuasaan peraturan dan undang-undang masih belum mencukupi untuk menghasilkan alam sekitar yang selesa. Setiap anggota masyarakat, pengurusan kilang, para pendidik, institusi penyelidikan dan sebagainya haruslah mempunyai sikap sayangkan alam sekitar dan bersedia mengambil langkah-langkah perlu bagi memelihara alam sekitar.

Dalam pada itu, Jabatan Alam Sekitar akan terus melaksanakan program-program pendidikan dan penyebaran maklumat kepada semua lapisan dan golongan masyarakat. Usaha-usaha sedang dipergiatkan terutama sekali di bidang pendidikan, khususnya di kalangan murid-murid sekolah dan pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi. Berbagai saluran digunakan bagi menyebarkan maklumat alam sekitar melalui media massa, penerbitan bahan-bahan bacaan, pertandingan bahas dan melukis.

Scjajar dengan usaha-usaha tersebut, maka 21hb Oktober telah diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah sebagai Hari Alam Sekitar Malaysia mulai tahun 1991. Sambutan Hari Alam Sekitar Malaysia ini tambahan kepada Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5hb Jun pada tiap-tiap tahun. Melaluinya acara-acara bagi meningkatkan kesedaran dan pendidikan alam sekitar akan diadakan tiap-tiap tahun di peringkat kebangsaan dan di negeri. Saya ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat dan sektor swasta supaya mengambil peranan aktif dalam acara sambutan bagi hari-hari tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kejayaan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bergantung kepada penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin

untuk terus memberikan sokongan dan turut terlibat dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti Kementerian ini. Sekiranya terdapat isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya menjawabnya maka saya berjanji akan mengambil perhatian ke atas isu-isu tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.**

*6.42 ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam);** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merakamkan berbanyak terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 khususnya yang menyentuh bidang kuasa Kementerian ini. Di antara perkara-perkara yang dibangkitkan ialah mengenai perumahan, perancangan bandar, kampung baru, Akta Kawalan Sewa dan kebombaan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa program khas perumahan kos rendah telah gagal perlaksanaannya adalah tidak benar. Program khas perumahan kos rendah sebenarnya tidak gagal, tetapi ianya adalah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Lagi pun program ini juga bertujuan membantu memulihkan ekonomi negara yang sedang menghadapi kesan kemelesetan ekonomi dunia pada waktu tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 99,800 unit rumah di bawah program tersebut telah siap pada 30hb Jun 1991. Selain daripada itu, terdapat juga rumah-rumah di bawah program itu yang sedang di dalam berbagai peringkat

perlaksanaan. Ini termasuk 140,000 unit yang sedang dalam pembinaan dan 90,000 unit di peringkat perancangan. Adalah dijangkakan rumah-rumah yang sedang di berbagai peringkat pelaksanaan itu akan dapat disiapkan dalam tempoh tidak lama lagi yang pasti akan memberi sumbangan yang besar dalam menyediakan rumah kepada golongan rakyat berpendapatan rendah.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ditubuhkan sebuah Lembaga Perumahan Negara bagi mengatasi masalah tunggakan dalam perumahan kepada golongan yang tidak berumah, adalah dimaklumkan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa sebenarnya kajian terperinci sedang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan keputusan mengenainya dijangka dibuat tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perancangan dalam menyediakan rumah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, sukacita dimaklumkan bahawa dalam perancangan menyediakan projek-projek perumahan di negara ini, Kerajaan sememangnya memberi perhatian kepada beberapa aspek termasuk jumlah penduduk, permintaan serta kemampuan membeli, kedudukan tapak, kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Mengenai pendemokrasian pemilikan rumah, adalah ditegaskan di sini bahawa sistem ekonomi bebas di negara ini tnggalakkan rakyat memiliki rumah mengikut kemampuan. Dalam aspek kawalan ke atas pembinaan rumah-rumah, kawalan yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah dari segi pemasaran dan jualan rumah iaitu melalui pengeluaran lesen pemaju dan permit iklan. Kawalan ini dibuat bagi menjamin kepentingan pembeli-pembeli rumah dilindungi.

Dalam usaha memperbaiki lagi sistem kawalan yang sedia ada, Kerajaan telah memperkenalkan akaun pemaju perumahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar bahawa masih terdapat ramai golongan berpendapatan rendah belum memiliki rumah sendiri. Menyedari hakikat ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, 343,800 unit atau 60% daripada 573,000 unit rumah yang disasarkan adalah terdiri daripada rumah kos rendah. Mengenai sasaran Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru supaya lebih banyak rumah kos rendah dibina di kawasan bandar memandangkan harga tanah yang tinggi, Kerajaan menggalakkan pemaju-pemaju untuk mendirikan rumah jenis bertingkat dan berkepadatan tinggi yang dapat menjimatkan kos projek.

Kerajaan juga senantiasa menggalakkan pemaju-pemaju perumahan membina seberapa banyak rumah kos rendah yang boleh di dalam projek perumahan yang juga menempatkan rumah kos sederhana dan tinggi. Melalui pembangunan campuran seperti itu, sebahagian dari keuntungan yang diperolehi oleh pemaju dari projek rumah kos sederhana dan tinggi dapat disalurkan bagi membiayai pembinaan rumah kos rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong juga telah menyentuh mengenai konsep koordinasi modular penyeragaman ataupun konsep rumah pasang siap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dan sedang menggalakkan penerimaan konsep koordinasi modular supaya ianya dapat digunakan secara meluas di negara ini. Langkah-langkah sewajarnya sedang dibuat supaya konsep ini mendapat sokongan pemaju dan pembekal pasang siap. Bukan sahaja dapat menurunkan kos pembinaan dan harga rumah, penggunaan konsep ini juga diharapkan dapat membantu



pemaju membina rumah dengan lebih cepat bagi menampung permintaan yang semakin meningkat.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Shah Alam dan Kuala Kedah telah membangkitkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengesan dan mengenalpasti projek-projek yang terbengkalai dan membantu pembeli-pembeli yang terlibat dalam mendapatkan rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, Kementerian dengan kerjasama pihak-pihak yang terlibat terus menjalankan usaha untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penubuhan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai telah banyak membantu masalah yang dibangkitkan di aias.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam juga telah menyarankan supaya Kerajaan menentukan agar rumah kos rendah terutama rumah-rumah pangsa hendaklah dihina dengan luas lantai lebih kurang 700 kaki persegi dan mempunyai 3 bilik tidur. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ada menetapkan keperluan minimum piawai rumah bentuk rumah kos rendah. Sungguhpun begil, kebanyakan rumah kos rendah yang dibina adalah melebihi daripada keperluan minimum yang telah ditetapkan di mana luas lantai adalah melebihi 600 kaki persegi. Di samping itu juga, pada masa ini ada Kerajaan Negeri mengenakan syarat supaya rumah kos rendah mempunyai 3 bilik.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam telah mencadangkan Kerajaan menubuhkan Tabung Simpanan Perumahan Negara bagi kakitangan awam dan swasta menabung untuk tujuan membeli atau mengubahsuai rumah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pada masa ini

kakitangan awam telah memperolehi pinjaman perumahan dari Kerajaan dengan dikenakan kadar faedah yang rendah, iaitu 4% sahaja setahun. Kemudahan pinjaman juga ada disediakan oleh setengah-setengah pihak dan sektor swasta kepada kakitangannya dengan dikenakan kadar faedah yang berpatutan.

Kakitangan awam dan swasta juga boleh mengeluarkan sebahagian dari caruman mereka dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk tujuan membeli rumah, selain daripada membual pinjaman daripada bank dan institusi kewangan. Oleh itu, punca kewangan untuk membeli rumah bukanlah masalah utatna kepada kakitangan Kerajaan dan swasta untuk membeli rumah. Walau bagaimanapun cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan Tabung Simpanan Perumahan adalah satu cadangan yang baik dan boleh dikaji untuk dilaksanakan sekiranya didapati sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga membangkitkan mengenai peruntukan Kerajaan kepada kampung-kampung yang dahulunya diketahui dengan panggilan kampung baru, seolah-olah ia tidak mendapat perhatian penuh dan adil daripada Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sukacita ditegaskan bahawa dakwaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan adalah tidak tepat sama sekali. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan bahawa semua lapisan rakyat menikmati program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Pembekalan peruntukan pembangunan bagi menyediakan struktur kemudahan asas dan perkhidmatan sosio-ekonomi penduduk di semua kawasan membuktikan bahawa Kerajaan adalah adil dalam melaksanakan program-program pembangunannya

tanpa mengira jenis petempatan mengikut kaum.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah setingan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut, isu sebenar yang dibangkitkan olehnya ialah isu tanah dan bukan isu perumahan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri, maka kurang wajarlah bagi satu Kementerian Kerajaan Persekutuan mengulas mengenainya. Ahli Yang Berhormat berkenaan juga telah menyentuh mengenai Akta Kawalan Sewa dan mengesyorkan supaya Akta ini dimansuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi asas Kerajaan Persekutuan supaya Akta ini dimansuhkan. Walau bagaimanapun ianya perlu dimansuhkan dengan mengambilkira kepentingan semua pihak, iaitu pihak pemilik harta, penyewa dan penyewa kecil serta juga Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Kita mesti sedar bahawa apa juga masalah yang mungkin timbul akibat pemansuhan ini akan ditadbirkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Oleh itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mencari jalan paling sesuai bagi memansuhkan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah membangkitkan mengenai keperluan Kerajaan menyediakan Master Town Planning, dengan izin, bagi bandar-bandar ulama di negara ini termasuk bandar-bandar di Malaysia Timur.

Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak belum menerima pakai Akta 171 iaitu Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976, dan Akta 172 iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Sekiranya

Kerajaan-Kerajaan Negeri berkenaan bersetuju supaya amalan perancangan bandar dan desa diseragamkan, ini akan membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kepada perancangan bandar dan desa dalam usaha menyediakan pelan pembangunan bagi bandar dan desa di negeri-negeri berkenaan.

Berikutan dari pengumuman-pengumuman Kerajaan membina Lapangan-terbang Antarabangsa yang baru di Sepang, Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah mencadangkan agar Kerajaan menyegerakan penyediaan Pelan Induk bagi Daerah Sepang dan Kuala Langat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu rancangan struktur Daerah Kuala Langat dan Daerah Sepang sedang disediakan bersama-sama oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Semua aspek-aspek sosio-ekonomi, pengangkutan, alam sekitar dan fizikal akan diberikan penekanan. Rancangan struktur ini akan dipamerkan kepada orang ramai untuk mendapat pandangan.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga membangkitkan kedudukan kemudahan dan peralatan bomba di Sepang yang didakwa di dalam keadaan yang paling daif dibandingkan dengan daerah-daerah lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan dan peralatan yang ada di Balai Bomba Sepang pada masa ini adalah bersesuaian dengan keadaan semasa. Walau bagaimanapun kemampuan Balai ini akan dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan terbaru, pembesaran Bandar Sepang dan juga pembinaan Lapangan-terbang Antarabangsa yang baru. Kerajaan juga merancang untuk membina sebuah Balai Bomba baru di Bandar Baru Salak Tinggi yang juga terletak di dalam Daerah Sepang.

Ahli Yang Berhormat daripada Kapit telah membangkitkan tentang keperluan membina Pejabat Bomba baru bagi Kapit serta menarnbah kakitangan dan keperluan peralatan Bomba yang baru bagi Daerah Song.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk membina Balai Bomba Kapit yang baru. tetapi keutamaan terpaksa diberi ke tempat lain dahulu.

Mengenai bilangan kakitangan dan peralatan kebombaian dan Balai Bomba, Kerajaan berpendapat balai yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung risiko kebakaran di situ. Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menambah bilangan peralatan dan kakitangan apabila keadaan memerlukan.

Mengenai Perkhidmatan Bomba di Song, Kerajaan memang ada bercadang untuk mengadakan sebuah Balai Bomba kecil di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun keutamaan terpaksa juga diberikan di tempat yang lain, yang lebih memerlukan. Sementara menunggu sebuah Balai Bomba dibina di Daerah Song, Kerajaan amat menggalakkan penduduk tempatan Song untuk menubuhkan satu Pasukan Bomba Sukarela. Kerajaan melalui Jabatan Bomba sedia memberi bantuan yang diperlukan.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan memberi pandangan serta cadangan berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Apa juga perkara yang dibangkitkan serta pandangan yang telah diberikan akan diambil maklum dan diberikan perhatian bagi mempertingkatkan prestasi Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

6.58 *ptg.*

**Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 ini, setakat mana yang terlibat dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan Dasar Tanah Negara. Menurutnya negara memerlukan satu dasar yang jelas berhubung dengan soal pemilikan tanah oleh warganegara asing. Pada hemat beliau dasar yang liberal adalah satu dasar yang positif, beliau juga membangkitkan tentang ketidakseragaman tiap-tiap negeri meletakkan syarat-syarat dan memberi intepretasi yang berlainan kepada seksyen-seksyen di dalam Kanun Tanah Negara. Ini akan membawa kepada kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan, sukalah saya memberi sedikit gambaran tentang sistem pentadbiran tanah yang diamalkan di negara ini.

Mengikut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun mengikut Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh untuk tujuan meseragamkan Undang-undang Tanah menggubal Undang-undang Tanah untuk dipakai di negeri-negeri.

Kanun Tanah Negara telah mula dikuatkuasakan pada tahun 1966 di

seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Ianya adalah merupakan satu Undang-undang Tanah yang menghuraikan dengan jelas mengenai hak dan kuasa berhubung dengan tanah. Ianya digunapakai tanpa perbezaan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia melainkan pada perkara-perkara tertentu yang telah diperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk menetapkannya. Oleh yang demikian, perbezaan-perbezaan yang ada adalah juga merupakan perkara-perkara yang kecil dan perkara-perkara yang sememangnya telah difikirkan tidak perlu diseragamkan. Di samping itu bagi menjaga dan menyelaraskan dasar-dasar yang berkaitan dengan tanah, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan di bawah Perkara 91 Penubuhan Majlis Tanah Negara. Setiap cadangan untuk meminda, menetapkan sesuatu dasar adalah dibincang dalam Majlis Tanah Negara.

Berkaitan dengan dasar pemilikan tanah oleh warganegara-warganegara asing sebagimanayang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lumut itu adalah perkara pokok yang tidak ada perbezaan di antara negeri-negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat masa ini tidak adapun satu peruntukan dalam Kanun Tanah Negara yang tidak membenarkan orang-orang asing memiliki tanah di negara ini. Sekatan-sekatan yang ada pada tanah-tanah dari segi pindahmilik adalah sekatan-sekatan biasa yang melibatkan kesemua orang tanpa mengira sama ada ianya warganegara asing atau tidak.

Sekatan-sekatan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Sekatan perundangan seperti Tanah Reserve Melayu tidak boleh dipindahmilik kepada bukan Melayu;
- (b) sekatan kepentingan seperti menetapkan sebarang pindah-

milik hanya boleh dibuat selepas mendapat kebcnaran daripada Kerajaan Negeri;

- (c) sekatan pindahmilik tanah ladang estet yang keluasanya tidak kurang daripada 40 hektar.

Seksyen 214A Kanun Tanah Negara menetapkan yang pindahmilik ladang-ladang hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Tanah Ladang atau, dengan izin, Estet Land Board. Dengan itu, jelaslah bahawa tidak ada sekatan masa ini tentang pemilikan tanah oleh warganegara asing dan ianya memang jelas dalam undang-undang yang sedang digunapakai sekarang.

Berhubung dengan penetapan syarat-syarat yang berlainan di antara negeri-negeri dan imepretasi tentang, Seksyen-seksyen dalam Kanun Tanah Negara, perkara ini harus dijelaskan dengan lebih terperinci sebab meletakkan syarat-syarat yang berbentuk perundangan perlulah mengikut kehendak undang-undang yang ada, dan ianya hendaklah tidak terkeluar daripada kebenaran yang dibenarkan oleh undang-undang. Hal ini sememangnya jelas di dalam Kanun Tanah Negara. Kemungkinan juga syarat-syarat yang dikatakan ini adalah merupakan syarat-syarat pentadbiran semata-mata dan ini diselarasakan dari masa ke semasa menerusi institusi Kelua Pengarah Tanah dan Galian di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Panduan-panduan yang merupakan keputusan-keputusan mesyuarat dan pekeliling-pekeliling dikeluarkan dari masa ke semasa. Berhubung dengan interpretasi yang berlainan pula, saya kira mekanisma yang ada dalam sistem pentadbiran tanah pada hari ini adalah mencukupi, di mana setiap kes yang memerlukan intepretasi akan dirujukkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri dan sekiranya perkara itu didapati penting untuk mendapatkan perundangan yang boleh diamalkan oleh setiap negeri, maka penyelarasan dibuat di peringkat

Ketua Pengarah Tanah dan Galian setelah mendapat nasihat daripada Peguam Negeri.

Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan tentang ketidaksemaan di antara kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan jawapan yang diterima di Parlimen dalam perkara pemilikan tanah oleh warganegara atau syarikat asing. Beliau menyoal adakah ini sekali lagi 'cakap tidak serupa bikin'? Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kepada jawapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi di Dewan Negara pada 25hb Februari 1991 yang berbunyi:

"Pada masa ini keseluruhan Kanun Tanah Negara sedang dikaji. Perkara yang dibangkitkan adalah di antara perkara yang termasuk dalam kajian tersebut. Di dalam usaha untuk menjamin pemilikan tanah oleh rakyat negara ini tidak terjejas, Kerajaan juga akan memastikan bahawa tanah-tanah untuk kegunaan industri akan dapat digunakan oleh pelabur-pelabur asing supaya kemaskukan pelabur-pelabur asing akan berterusan ke negara kita ini."

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi jawapan mengenai perkara yang sama telah diberikan dalam Dewan ini pada 14hb November, 1991 berbunyi seperti berikut:

"Dasar pemilikan harta tanah-tanah pertanian, perumahan atau perindustrian oleh warganegara asing ditentukan di bawah Kanun Tanah Negara. Pada masa ini dasar Kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara memberi kebebasan kepada warganegara atau syarikat asing memiliki hartanah di negara ini."

Dari jawapan tersebut dapatlah difahami bahawa kajian ke atas Kanun

Tanah Negara sedang berjalan. Perkara yang berkaitan dengan pemilik tanah oleh orang-orang asing, syarikat-syarikat asing adalah termasuk dalam kajian tersebut. Sebelum sesuatu ketetapan diambil oleh pihak Kerajaan, keadaan yang sedang wujud sekarang hendaklah dipakai. Dari itu tidak timbul persoalan 'cakap tidak serupa bikin'.

Yang Berhormat dari Kluang telah membangkitkan tentang Akta Pengambilan Balik Tanah. Kes yang dibawa ialah di kawasan Haji Manah, Kluang, Johor. Nampaknya perkara yang dibangkitkan adalah perkara tertentu, yang melibalkan bidangkuasa Kerajaan Negeri. Saya rasa elok perkara ini dibawa ke peringkat Negeri supaya tindakan yang sesuai dapat diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu dan pandangan masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Belia dan Sukan.

7.05 *mlm.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Insya Allah, semua teguran-teguran yang membina dan idea-idea yang bernas akan diteliti dan diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyentuh mengenai kurikulum di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang pada pandangannya masih di tahap yang lama dan penumpuan hanya diberikan kepada bidang jahitan dan pertukangan sahaja adalah tidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat, sukacita saya menjelaskan bahawa banyak perubahan telah dibuat dan dilaksanakan di IKBN sekarang ini di mana bidang kursus latihan kemahiran berjumlah 41 kesemuanya yang meliputi jurusan-jurusan yang bertepatan dengan keperluan sumber gunatenaga manusia,

Pada masa ini terdapat 7 buah IKBN yang boleh melatih seramai 3,377 pelatih setiap kali pengambilan. Berhubung dengan kurikulum latihan, pihak Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan 3 pendekatan latihan yang memberi penekanan dalam aspek pembinaan kerohanian, moral dan disiplin, selain daripada aspek kemahiran vokasional dan keusahawanan. Dari segi kurikulum Latihan Kemahiran Vokasional ianya adalah berasaskan kepada kurikulum yang disediakan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

Mengenai dengan kemudahan peralatan, Kementerian saya sedar bahawa masih lagi terdapat kekurangan mesin dan peralatan yang sesuai dengan teknologi semasa. Dalam hal ini, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi mutu dan kemudahan latihan yang sedia ada di IKBN dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbanyakkan lagi program latihan dan pembangunan ekonomi kepada golongan belia di negeri Sarawak, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kapit, sukalah saya memberi jaminan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sentiasa

memberikan keutamaan dalam pelbagai bidang kemahiran termasuk latihan vokasional dan pengurusan perniagaan di seluruh negara termasuk juga bagi belia-belia dari negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk mewujudkan IKBN di setiap negeri termasuk Sarawak jika peruntukan mengizinkan di masa-masa akan datang.

Kementerian menyedari bahawa program latihan keusahawanan adalah penting dalam usaha untuk mewujudkan satu generasi belia yang berdikari serta melibatkan diri secara aktif dalam bidang perniagaan, perusahaan kecil dan pertanian.

Sebagai persediaan ke arah penglibatan ini, Kementerian telahpun mengadakan kursus-kursus berbentuk pengurusan dan kemahiran. Jenis-jenis kursus yang sedang dijalankan ialah:

- (i) Kursus Dorongan Perniagaan;
- (ii) Kursus Melahir dan Membina Usahawan;
- (iii) Kursus Pengurusan Perniagaan Kecil;
- (iv) Kursus Penyediaan Makanan;
- (v) Kursus Pengurusan Pertanian; dan
- (vi) Bengkel Susulan Bekas Pelatih.

Kementerian sedang merancang untuk menambahkan kekerapan kursus-kursus tersebut, di samping memperkenalkan kursus baru yang difikirkan sesuai bagi melengkapkan diri pada belia dalam bidang perniagaan keusahawanan dan pertanian.

Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat dari Kapit supaya kursus kaunseling diperkenalkan kepada belia yang akan menceburi lapangan pekerjaan. Inaya

Allah, perkara ini akan dapat ditingkatkan apabila tenaga pengajar untuk mengendalikan kursus ini mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat, semua kursus kaunseling yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini dikhususkan untuk pemimpin-pemimpin belia yang berpersatuan, sama ada di peringkat Daerah, Negeri atau Kebangsaan. Adalah diharapkan pemimpin-pemimpin ini dengan kemampuan dan keilmuan yang ada pada mereka turut membantu serta membimbing rakan-rakan mereka di pelbagai peringkat.

Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh tentang ke arah mana Kementerian Belia dan Sukan akan menggunakan peruntukannya untuk membawa masyarakat belia negara ini, dan apakah corak bentuk warganegara di masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah menyusun semula dan mempertingkatkan strategi perancangan yang komprehensif untuk pembangunan masyarakat belia sejajar dengan dasar pembangunan nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan ini Kementerian Belia dan Sukan telahpun menggubal dan memperkenalkan Program Induk Belia Negara yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mei 1991. Pelan Induk Belia Negara akan memberi penumpuan kepada 10 program penting bagi membina satu masyarakat belia yang unggul dalam semua aspek ke arah kemajuan dan kemakmuran negara Malaysia. 10 program yang terkandung di dalam PIBN itu ialah Malaysia Cergas, Malaysia Cemerlang, Malaysia Patriotik, Malaysia Harmoni, Malaysia Mahir, Malaysia Mulia, Malaysia Maju, Malaysia Sejahtera, Malaysia Prihatin dan Malaysia Berbudaya.

Insyallah program-program yang dilaksanakan akan dapat mengatasi masalah-masalah mengenai pengaruh budaya barat dan keperluan pembangun insan yang juga telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Kuala Krai dan Yang Berhormat dari Larut.

Selain daripada itu saya maklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan akan melancarkan Pasukan Belia Pelupor dan Pasukan Belia Pelapis pada akhir tahun ini dan awal tahun hadapan. Pada peringkat awal Kementerian Belia dan Sukan telah mengenal pasti dan memilih 40 orang belia dari setiap daerah yang dikenali sebagai Pasukan Pelupor. Selepas dari itu tindakan susulan akan dibuat untuk mengenal pasti 400 orang belia dari setiap daerah yang dikenali sebagai Pasukan Pelapis. Mereka ini akan dilatih dan diberi pendedahan melalui Kursus Induksi dan Bimbingan Lanjutan untuk menjadi teraju utama dan sebagai pemankin atau catalyst kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program-program belia serta sukan di peringkat daerah, mukim dan kampung di seluruh negara. Saya begitu yakin melalui program-program tersebut akan dapat melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bernaung dan seterusnya akan menjamin keselamatan, perpaduan, kemajuan dan kemakmuran negara.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong bangun. Beri jalan atau tidak?

**Dato' Ismail bin Said:** Masa tidak ada. Saya cadangkan supaya Yang Berhormat dari Kepong bangkit dalam Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labuan menyarankan supaya program-program belia di Labuan hendaklah diperbanyakkan terutama dalam bidang kemahiran bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan memang memberi keutamaan untuk melatih belia-belie dalam pelbagai bidang kemahiran termasuk lapangan vokasional, kepimpinan dan pengurusan perniagaan. Belia-belie dari Labuan juga diberi peluang untuk mengikuti program-program latihan kemahiran yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Labuan bahawa \$23 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk pembangunan masyarakat belia adalah kecil, kalau dibandingkan dengan keperluan dan bilangan belia yang begitu ramai.

Seperti yang telah dinyalakan tadi Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk mewujudkan IKNB di setiap negeri jika peruntukan mengizinkan di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah membangkitkan tentang pertantikan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan Pusat. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan Pusat tidak dapat mencriama calon lantikan Kerajaan Negeri Kelantan sebagai Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan kerana perlantikan tersebut tidak mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam kaedah 7(1 A) Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pengubahsuaian) Tahun 1988 di mana perlantikan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan adalah dibawah bidang kuasa Menteri Belia dan Sukan, bukannya Kerajaan Negeri Kelantan. Mengikut peruntukkan tersebut, Menteri Belia dan Sukan boleh melantik Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan walaupun Kerajaan Kelantan tidak bersetuju atau tidak mengemukakan apa-apa pandangan

balas setelah diminta pandangannya secara rasmi oleh Menteri Belia dan Sukan sebelum ini. Ringkasnya kaedah 7(1A) dan 7(2) menetapkan bahawa Meciuci Belia dan Sukan mempunyai kuasa mutlak untuk melantik Pengerusi Majlis Sukan Negeri Kelantan bagi sesuatu lempoh tertentu.

Yang Berhormat dari Kota Setar telah menyarankan supaya larangan merokok dapat dikuatkuasakan di Kompleks-Kompleks Belia dan Sukan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telahpun dilaksanakan di beberapa Kompleks Belia dan Sukan tetapi walau bagaimanapun cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan diberi perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Mengenai Kompleks Sukan Labuan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan, ingin saya menjelaskan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam peruntukkan yang telah diluluskan untuk menjalankan kerja-kerja membaikpulih kompleks tersebut ialah sebanyak \$1.5 juta. Daripada peruntukkan tersebut, sebanyak \$190 ribu telah disediakan pada tahun 1991 bagi menjalankan kerja-kerja pemasangan sistem paip air dan kerja penyiasatan tanah ataupun soil survey.

Peruntukkan sebanyak \$150,000 bagi tahun 1992 merupakan peruntukkan inierim, dengan izin, sehingga menunggu perakuan Jabatan Kerja Raya berikutan kajian penyiasatan tentang cara-cara untuk mengatasi masalah pemendapan tanah dan pembaikan keretakan. Di samping itu Jabatan Kerja Raya juga sedang mengkaji pendekatan yang terbaik untuk mcnggami dan ataupun membaikpulih bumbung grand stand stadium terbuka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan agar peruntukkan yang mencukupi disediakan untuk membaikpulih Kompleks Sukan Labuan.



Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan, perhatian dan penghargaan Yang Berhormat dari Labuan terhadap pencapaian sukan negara.

Mengenai Sukan Komanwel tahun 1998 pihak Kementerian bersama-sama dengan Majlis Sukan Olimpik Malaysia telah berusaha bersungguh-sungguh supaya Malaysia terpilih menjadi tuan rumah bagi kejohanan tersebut melalui beberapa kempen melobi yang telah dibuat di luar negeri sempena dengan kejohanan dan pertandingan sukan yang bertaraf antarabangsa, antara benua dan serantau di Malta, New Delhi, Havana, Port Moresby dan juga di Kaherah, Mesir. Usaha-usaha ini akan diteruskan lagi dengan menjemput tokoh-tokoh penting daripada Pertubuhan Sukan Olimpik daripada seluruh negara Komanwel hadir ke majlis perasmian bangunan Majlis Olimpik Malaysia di Kuala Lumpur pada 10 Disember 1991 ini.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia telah dipilih untuk menjadi tuan rumah Sukan Korporat Seluruh Dunia (World Corporate Games) yang pertama dirantau ini iaitu pada tahun 1993. Ini membuktikan bahawa Malaysia boleh menyediakan venue dan kemudahan-kemudahan untuk menganjurkan kejohanan diperingkat antarabangsa. Saya berkeyakinan sekiranya Malaysia terpilih menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998 kita akan cuba mengorak langkah untuk menganjurkan Sukan Olimpik peringkat antarabangsa disatu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi bagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat serta memberi idea dan teguran yang membina bagi membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan memajukan lagi bidang sukan

dan golongan belia di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Kementerian Luar Negeri.

7.75 m/m.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya mengenai dengan Kementerian Luar Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah menggesa agar Kerajaan Malaysia beriegas mengenai masalah pemancaran radio dan televisyen Thailand di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara tersebut. Beliau juga telah menyatakan bahawa pihak Kerajaan Kelantan telah membantah melalui Wisma Putera kepada Kerajaan Thailand mengenai pertunjukkan fesyen yang mendedahkan aurat di Konsulat Jeneral Thailand di Kota Bharu baru-baru ini. Menurut Yang Berhormat, pihak Wisma Putra kononnya lambat mengambil tindakan.

Untuk menjawab teguran pertama, suka saya nyatakan bahawasanya masalah ini telahpun dibangkitkan dengan pihak Kerajaan Thailand dan beberapa perbincangan telahpun diadakan untuk mencari penyelesaian kepada masalah itu. Bagi perkara yang kedua, Wisma Putra tidak pernah; saya ulangi - tidak pernah diminta oleh Kerajaan Kelantan untuk menyampaikan bantahan kepada pihak Kerajaan Thailand mengenai pertunjukkan fesyen yang mendedahkan aurat di Konsulat Thailand itu seperti yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Bandau dan dari Kota Belud telah menggesa agar

Kerajaan mencari jalan penyelesaian mengenai isu tuntutan Pilipina ke atas Sabah. Berhubungan dengan perkara ini, saya ingin jelaskan bahawa soal tuntutan tersebut bukanlah merupakan isu bagi Malaysia, kerana Sabah adalah sebahagian daripada wilayah Malaysia yang mutlak. Bagi Malaysia tuntutan Pilipina ke atas Sabah itu semata-mata masalah Pilipina sendiri. Dalam hal yang demikian, pentadbiran Presiden Aquino telah secara rasmi menyatakan hasrat serta kesediaan pentadbiran beliau untuk menggugurkan tuntutan tersebut. Namun begitu, setakat ini masih lagi belum berhasil disebabkan penentangan dari pihak Senat Pilipina mengenainya. Oleh yang demikian, terserahlah kepada kebijaksanaan dan budi bicara pemimpin-pemimpin negara Pilipina untuk bersepatat bagi menyelesaikan perkara tersebut. Oleh itu tidaklah perlu bagi Malaysia untuk membawa pemimpin-pemimpin Pilipina ke meja perundingan bagi menyelesaikan masalah tersebut, Malaysia bersedia untuk meningkatkan kerjasama dua hala dengan Pilipina sebaik sahaja isu ini dapat digugurkan dengan rasminya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyatakan bahawa amat perlu bagi Malaysia mempereratkan hubungan kerjasama antara negara-negara dunia ketiga di forum-forum antarabangsa seperti kerjasama Selatan-Selatan dan EAEC. Ini adalah memandang negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Israel mempunyai sikap double standard, dengan izin, dalam perkara isu Timur Tengah dan Panama.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyatakan atas perlunya Malaysia mempunyai posisi yang kukuh dan terus menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia ketiga dalam usaha membentuk satu New World Order, dengan izin, pada masa kini. Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian Luar Negeri telah mengambil

maklum akan pandangan Yang Berhormat dari Pasir Mas itu dan ingin meyakinkan beliau bahawa Malaysia sentiasa berusaha untuk mempereratkan lagi hubungan kerjasama dengan negara-negara dunia ketiga di forum-forum antarabangsa seperti Kerjasama Selatan-Selatan.

Pihak Kementerian juga sentiasa sedar atas perlunya Malaysia berpendirian kukuh dalam menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara membangun dalam usaha membentuk New World Order yang adil terhadap semua lapisan masyarakat antarabangsa. Negara-negara kecil dan membangun harus bersama-sama menyangkal sikap "double standard" ini yang diamalkan oleh negara-negara besar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang pula telah membangkitkan mengenai masalah Persidangan Damai Arab-Israel. Ingin saya jelaskan bahawa sebagaimana yang kita sedia maklum, masalah Palestine telah wujud lebih 40 tahun yang lampau tetapi satu penyelesaian belum lagi dapat dicapai. Sejak beberapa bulan yang lalu kita melihat beberapa langkah serius telah diambil oleh Amerika Syarikat untuk mencari keamanan di Timur Tengah berasaskan Resolusi PBB 242 dan 228 sehinggalah berlangsungnya Persidangan Damai di Madrid baru-baru ini. Persidangan di Madrid ini cumalah satu langkah pertama ke arah itu tetapi banyak lagi liku-liku yang harus dilalui. Tidak sesiapa pun yang boleh meramalkan hasil daripada perundingan ini. Walau bagaimanapun, ini merupakan julong kalinya semua pihak yang terlibat di dalam krisis Timur Tengah ini berhadapan di meja perundingan sejak 43 tahun yang lampau. Ini adalah satu petanda yang baik dan tidak boleh ditolak begitu sahaja, tetapi ia memerlukan kesabaran.

Wawasan yang penting sekali ialah political will dan good faith, dengan izin, oleh pihak-pihak yang terlibat terutamanya Israel. Sebagai langkah pertama ke arah proses keamanan kepada Israel-Arab, pihak Israel seharusnya menunjukkan keikhlasannya dengan memulangkan tanah yang telah diduduki serta menghentikan pembinaan penempatan kaum Yahudi di tanah yang sedang ditakluki. Kerajaan kita tetap dengan pendirian sebagaimana yang telah ditegaskan berkali-kali bahawa satu penyelesaian menyeluruh dan adil mestilah dicapai, di mana rakyat Palestine diberi hak sepenuhnya untuk menubuhkan sebuah negara mereka sendiri serta metnilih Kerajaan dalam pilihanraya bebas tanpa campur-tangan asing seperti yang ditetapkan oleh Resolusi 242 dan 228 tadi. Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa semua pihak mesti mempimyai sikap terbuka terhadap isu ataupun terhadap usaha damai ini. Kita tidak seharusnya menyekat sama sekali mana-mana peluang yang diberi untuk menyelesaikan masalah secara damai. Kerajaan juga menghormati keputusan kepimpinan Palestine serta negara-negara Arab yang terlibat atas sikap positif mereka yang sentiasa memandang ke hadapan serta memberi persetujuan uniuik menghadiri persidangan di Madrid itu dan seterusnya meneruskan persidangan tersebut untuk peringkat-peringkat yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pengambilan bahagian mereka dalam perbahasan ini dan pihak Kementerian juga akan mengambil perhatian di atas segala pandangan yang telah dikemukakan oleh mereka itu. Sekian, tehma kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Menteri Kewangan.

7.25 *mlm.*

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1992. Saya ingin merakamkan penghargaan atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan terhadap cadangan Belanjawan. Kerajaan merangka Belanjawan dengan penuh keprihatinan terhadap perkembangan politik dan ekonomi antarabangsa. Sebab itulah kita telah mengambil Wawasan 2020 sebagai landasan dalam merangka strategi Belanjawan 1992. Yang Berhormat dari Tanjong tidak perlu bimbang dengan Wawasan 2020 jika beliau tidak gemar dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh Perdana Menteri semasa melancarkan Majlis Perdagangan Malaysia, beliau perlu membaca laporan "The Club of Rome" yang terbaharu yang bertajuk "The First Global Revolution". Kalau Yang Berhormat membaca laporan tersebut, beliau akan mendapati bahawa harapan dan keperihatinan yang terdapat dalam Wawasan 2020 telah mendahului harapan dan keperihatinan cendekiawan dan ahli sains dunia yang menganggotai "The Club of Rome".

Konsep masyarakat mampan atau sustainable society yang dikemukakan oleh "Club of Rome" serasi dengan Wawasan 2020. Dengan izin, A sustainable society implicitly connotes one ihai is based on a long-term vision, in that it must foresee the consequences of its diverse activities to ensure that they do not break the cycles of renewal; it has to be a society of conservation and generational concern. It must avoid the adoption of mutually irreconcilable objectives. Equally, it must be a society of social justice, because great disparities of wealth or privilege will breed destructive disharmony. In other words, the concept is utopian, but one

well worth striving towards. The Club of Rome merumuskan konsep dan Wawasan masyarakat mampan ini setelah meneliti ajaran moral pelbagai tradisi dan agama termasuk Islam. Bedanya ialah sementara The Club of Rome hanya menitikkan cita-cita sebagai harapan kita di Malaysia mempunyai keistimewaan untuk melaksanakannya.

Yang Berhormat dari Tanjong berkata "memang betul dikatakan orang bahawa orang yang tidak mahu belajar daripada kesilapan sejarah, akan dihukum untuk mengulangnya". Sama-samalah kita mengambil peringatan dari kata-kata tersebut, lebih-lebih lagi Ahli-ahli pembangkang. Tetapi saya fikir Yang Berhormat dari Tanjong telah salah menggunakannya. Memang beliau pakar salah tafsir. Beliau terpuakau dengan prestasi pertumbuhan negara-negara yang beliau sebutkan - Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Hong Kong. Kita memang mengejar pertumbuhan, tetapi ia harus diimbangi dengan pengagihan yang saksama. Dasar kita ialah dengan, izin, growth with equity. Kita perlu mewujudkan keadilan sosial. Kalau kita dihantui oleh hasrat untuk berlumba melipatganda pertumbuhan dengan mengabaikan tuntutan keadilan sosial, kita mungkin dihukum mengulangi sejarah kacau di zaman lampau.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan tentunya gerombolan pendukung dan burung tiang penyokong-penyokong beliau telah membuat perbandingan pertumbuhan ekonomi negara ini dengan negara-negara membangun yang lain. Kenapa tidak dengan kebanyak negara-negara membangun yang lebih mundur daripada kita. Bagi mencapai kemajuan pesat tidaklah begitu sukar....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** ...bagi sebuah negara seperti Malaysia. Tetapi dasar Barisan Nasional bukan semata-mata untuk mencapai pertumbuhan pesat, kita juga pentingkan agihan kerana ini adalah perkara pokok dalam sebuah negara majmuk dan di mana terdapat jurang pendapatan besar antara penduduk desa dan bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Bagi DAP semua ini tidak penting. Pertumbuhan yang pesat yang kita capai serta agihan pendapatan yang semakin seimbang di samping kestabilan harga dan kestabilan politik patut menjadi kebanggaan setiap rakyat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah beliau sedar bahawa - saya ada di sini, kerana saya mengambil pusing mengenai perkara ini - beliau sedar apa yang disebutkannya sebagai Wawasan 2020 itu, dengan izin, Tuan Speaker, only the rehash of what has been said for 25 years in this House, particularly by the DAP. (*Disampuk*) Itu satu 'rhash' sahaja. Tuan Speaker, adakah beliau sedar bahawa kita bukan tidak mahu mempersibangkan ketidakselimbangan sosio-ekonomi. Dengan izin, Tuan Speaker, we agree that there must be a rectification of the social-economic imbalances but whatever efforts we use, they must not be to create more dissatisfaction and discontent. Itulah yang disebutkan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa

bila kita hendak membandingkan apa-apa sahaja, ada sedar. Ini ucapan yang mampan. (*Ketawa*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, point of order.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Speaker, tak bolehlah begitu, macam mana saya hendak minta penjelasan sahaja.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Dia bukan minta penjelasan, dia berucap, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Duduklah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa point of order berkenaan? Tuan Speaker, adakah beliau sedar, bila kita hendak bandingkan dengan negara lain, kita pilih negara yang lebih baik. Kalau kita pilih yang lebih mundur, tak payah hendak banding. Dari segi etika, dari segi agama, dari segi tabiat yang baik, Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak banding dengan negara yang mundur. Tiba-tiba negara Latin Amerika hendak dibandingkannya. Itu bukan tabiat yang baik.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Okay, memang saya boleh agak, Tuan Yang di-Pertua, memang dia tak ada modal apa pun. Tetapi atas dasar kasihan kerana dia keseorangan. Saya setuju Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa sebahagian dari pandangan beliau itu 'rehearse' dan apakah saya sedar beliau ada di situ, memang saya sedar beliau ada di situ. Dan saya juga sedar beliau tersilap duduk di situ. Sepatutnya beliau duduk

di sebelah sini. Saya harap beliau akan cepat waspada dan insaf dan bersama-sama dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pertikaikan tentang kebijaksanaan Yang Berhormat dari Tanjong membuat perbandingan dengan negara-negara lebih maju, tetapi saya jelaskan bahawa perbandingan harus adil. Pertama, dengan pelbagai negara, dengan pelbagai pengalaman. Kedua, mengapa bincang soal kadar pertumbuhan, tidak pengagihan. Kerana dari sudut pengagihan kekayaan, miskin dan kaya, bandar dan desa, banyak negara yang disebutkan itu tidak boleh bersaing dengan kita. Kedua, dah sudut inflasi juga tidak - keempat-empat negara yang disebut oleh beliau itu dapat bersaing dengan kita. Ini sahaja yang telah saya bangkitkan.

Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan isu niagaan dalaman. Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan kewibawaan dan kecekapan dalam perniagaan di pasaran saham. Kita tidak akan bcriolak ansur terhadap sebarang penyalahgunaan dan penipuan. Pihak berkuasa yang berkenaan sentiasa mengawasi pasaran untuk mencari bukti penyalahgunaan dan penipuan yang berlaku. Penyiasatan yang dibuat setakat ini belum menunjukkan terdapatnya insider trading. Walau bagaimanapun, jika berlaku apa bentuk penipuan dan pnyalahgunaan, kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu telah mempersoalkan kesesuaian angka tunjuk KDNK per kapita dan KDNK sebagai satu ukuran mutlak tentang taraf hidup rakyat. Kerajaan tidak bergantung kepada satu angka tunjuk dalam menggubal dasar. Malangnya, mereka cuai dalam membuat penilaian dan penelitian terhadap

angka-angka yang digunakan. Dari segi pengagihan pendapatan umpamanya, kita gunakan gynaeco-efficient yang digunakan untuk mengukur ketidak-samaan telah menurun dari 0.513 dalam tahun 1970 kepada 0.445 dalam tahun 1990. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah berjaya mengurangkan jurang ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Lain-lain angka tunjuk sosial yang menandakan kita telah berjaya membentuk masyarakat yang semakin makmur terdapat dalam angka-angka tunjuk sosial dalam Laporan Ekonomi 1991/1992 yang mengiringi ucapan Belanjawan saya.

Ingin saya jelaskan juga bahawa jumlah hutang yang dibuat oleh negara bagi sesuatu tahun bergantung kepada saiz defisit keseluruhan kedudukan kewangan Kerajaan iaitu setelah mengambilkira perbelanjaan pembangunan bagi sesuatu tahun. Pada awal tahun 1980an Kerajaan telah memperluaskan pcranan sektor awam dalam ekonomi negara dan ketika itulah hutang meningkat dengan banyak. Cara bekas Menteri Kewangan dan penyokong-penyokong beliau, bukan sahaja dari 46, lcrmasuk dari DAP, penyokong baru beliau, mengkritik Kerajaan mengenai hal ini seolah-olah beliau tidak bertanggung-jawab langsung atas kenaikan hutang yang ketara. Memang benar bahawa sebahagian hutang tersebut adalah untuk pembangunan infrastruktur, tetapi tidak kurang juga beban hutang tersebut disebabkan oleh gaya, stail pengurusan kewangan yang boros untuk mendapat poputariiii politik. Tidak perlu kita menubuhkan suatu Suruhanjaya untuk menyiasat amalan boros, nampak dengan stail dan cara boros itu. Yang tidak nampak hanya penyokong-penyokong beliau dan penyokong-penyokong baru beliau dari DAP. Kerana gaya hidup, stail, cara dan saya tidak berlebihan, Yang Berhormat dari Kepong juga harus tahu saya tidak berlebihan dalam kritikan saya kerana saya mewarisi pejabat yang

sama yang diduduki oleh Menteri Kewangan, pemimpin Yang Berhormat dari Kepong itu. (*Tepuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Belanjawan 1992 - saya tidak beri jalan kerana waktu pun sudah lewat. Dengarlah dan fahamkan dan sampaikan kepada sahabat-sahabat beliau. Belanjawan 1992 ialah belanjawan untuk menggalakkan pembangunan keonomi yang berimbang dengan mengambil kira kedudukan ekonomi negara sekarang serta dasar-dasar jangka panjang negara. Ada teguran bahawa Belanjawan 1992 merupakan belanjawan yang expansionary.

Tuan Yang di-Pertua, detisit keseluruhan sektor awam sebanyak 4.8 peratus daripada KNK adalah tinggi sedikit daripada paras dalam tahun-tahun sebelum ini tetapi ianya lebih rendah daripada 5 peratus, iaitu paras yang dianggap sesuai oleh badan-badan antarabangsa seperti IMF dan ini memang kita ambil kira. Perlu ditegaskan juga bahawa sebahagian besar pembiayaan defisit ini adalah dari sumber-sumber dalam negeri yang tidak membawa kepada tekanan inflasi.

Peruntukan yang bertambah ini adalah untuk sektor infrastruktur dan keperluan pembangunan sumber tenaga manusia iaitu dua aspek yang sangat kritikal dalam jangkamasa pendek dan sederhana. Dalam hal Belanja Mengurus pula, satu pningkatan yang ketara ialah kenaikan emolumen kakitangan Kerajaan yang telah lama ditangguhkan.

Dalam merangka Belanjawan 1992, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memperlakan pertumbuhan ekonomi ke paras 8.5 peratus. Langkah-langkah ini telah mengambil kira arah aliran yang menurun terutamanya untuk permintaan penggunaan dan penawaran

wang. Dalam hal ini, beberapa Ahli Yang Berhormat berpendapat, Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang lebih ketat untuk mengawal inflasi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar inflasi untuk sembilan bulan pertama ialah 4.4 peratus dan 4.5 peratus pada tahun ini. Pada bulan September iaitu angka terakhir yang kita perolehi, kadar inflasi berkurang sebanyak 0.3 peratus berbanding dengan kadar bulan Ogos. Maknanya menurun, kalau tak fahamlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, dia tidak beri jalan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Petunjuk-petunjuk penggunaan seperti kredit penggunaan dan peratus import barang-barang penggunaan daripada jumlah import juga menunjukkan arah aliran yang menurun. Oleh itu, Kerajaan merasakan langkah-langkah lain selain daripada langkah-langkah kewangan yang telah dilaksanakan dalam bulan Ogos 1991 memadai buat masa ini dan langkah-langkah selanjutnya hanya diambil jika sekiranya perlu.

Kredit penggunaan telah berkurangan kepada 48.3 peratus untuk sembilan bulan pertama daripada 51 peratus dalam tempoh yang sama tahun 1990, sementara penawaran wang dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1991 berkurang kepada 17 peratus berbanding dengan 19.3 peratus pada tempoh yang sama tahun 1990. Penjualan kereta penumpang juga berkurang kepada 28.5 peratus dalam tempoh lapan bulan pertama 1991 berbanding dengan 42.5 peratus dalam tempoh yang sama tahun 1990.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Speaker, nampaknya sekarang Yang Berhormat

menjadi Menteri Kewangan itu dia asyik dengan angka-angka yang digunakan untuk tujuan yang tertentu. Adakah dia sedar daripada angka-angka yang disebutkan tadi, terutamanya dengan kekurangan, dengan defisit di dalam imbalan bayaran menunjukkan ada wujudnya kelemahan-kelemahan di dalam struktur. Adakah beliau sedar? Kalau sedar, mengapa di dalam Belanjawan itu tidak ada langkah-langkah yang ketat yang perlu diambil untuk mengatasi kelemahan struktur di dalam imbalan bayaran? Dan adakah beliau sedar bahawa setakat ini pun saya nampak daripada jawapan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mengatakan bahawa Kerajaan baru sahaja buat kajian untuk mengetahui harga yang sebenar di luar bandar dan di dalam bandar dan akan mencadangkan untuk mengadakan CPI yang berasing. Dan ini bermakna apa yang disebutkan 4.5 peratus kadar inflasi itu tidak membayangkan keadaan yang sebenar terutamanya di dalam bandar dan ini merupakan suatu kelemahan, kelemahan di dalam struktur imbalan bayaran dan juga di dalam angka-angka yang diambil untuk menunjukkan kadar inflasi. Adakah beliau sanggup membentangkan langkah-langkah yang lebih konkrit untuk menyelesaikan kelemahan ini sebelum kemerosotan ekonomi berlaku di negara ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan dia buat ucapan belanjawan di Keponglah (*Ketawa*), kerana dalam rangka mengatasi atau mengawal inflasi, kita telah mengambilkira beberapa tindakan, ada tindakan yang dianggap tegas, umpamanya kenaikan kadar faedah sebelum ini. Itu dianggap satu keputusan yang tegas dan keras, menyenangkan sebahagian pihak, merunsingkan sebahagian pihak yang lain tetapi dikira satu tindakan yang perlu kerana tuntutan pada waktu tersebut.

Dan kita telah jelaskan bahawa tindakan itu telah membantu mengurangkan tekanan yang kita hadapi. Begitu juga beberapa langkah lain yang telah diambil. Kadar inflasi yang kita hadapi sekarang, walaupun relatif sedikit tinggi berbanding dengan beberapa tahun yang lalu, merupakan di antara kadar inflasi yang terendah di dunia.

Saya harap Ahli Yang Berhormat harus mengakui kenyataan tersebut, ramai wakil-wakil Menteri-menleri Kewangan yang lain, dia mengatakan kepada saya, dia juga menghadapi tekanan inflasi 4% hingga 5%. Saya kata: "Ia, kita pun 4%, tetapi saya runsing." Dia kata, dia tidak runsing. Bila saya tanya: "Sebab apa ia kata, dia 4% satu bulan. Kita 4.5% satu tahun. Itupun dia tidak runsing. Saya satu tahun pun saya runsing."

Tuan Yang di-Pertua, tetapi bila bukti menunjukkan bahawa keadaan ini terkawal dan kalau angka setakat September telah menurun, mengapa harus kita timbulkan panik di kalangan rakyat?

Saya hendak nasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, pilihanraya lambat lagi. Jadi, dia hendak timbulkan satu kejutan bagi satu masalah yang tidak berbangkit, tidak sepatutnyalah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan supaya pemberian mengikut bilangan penduduk atau capitation grant dikaji semula dan pemberian ini perlu dibuat berdasarkan kepada taraf sosio ekonomi. Capitation grant yang diberikan kepada negeri-negeri adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk sesebuah negeri sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menyemak semula kadar pemberian ini dan akan melaksanakan

kadar baru dengan mengambil kira jumlah dan kedudukan sosio-ekonomi, bilangan penduduk supaya Kerajaan-kerajaan negeri akan mendapat pemberian yang lebih tinggi dengan pelaksanaan kadar baru ini.

Mengenai cadangan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dalam memberikan geran tersebut Kerajaan perlu mengambil kira perbezaan keadaan ekonomi di antara satu negeri dengan yang lain supaya pemberian geran lebih adil. Adalah dimaklumkan bahawa selain daripada pemberian geran ini terdapat beberapa geran lainnya yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan yang mengambil kira kedudukan ekonomi serta tahap pembangunan negeri-negeri di seluruh negara. Antaranya ialah pemberian dibuat di bawah Kumpulan Wang Simpanan Negeri iaitu pemberian yang berdasarkan kepada tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup. Untuk tahun 1992 geran yang akan diberikan kepada Kerajaan negeri kesemuanya berjumlah \$1.076 bilion.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyentuh mengenai arah aliran import yang tinggi. Kenaikan import yang ketara dalam tahun-tahun yang lepas disebabkan oleh peningkatan yang besar dalam import barang pelaburan dan perantaraan. Ini adalah ekoran dari aliran masuk pelaburan asing yang tinggi serta peningkatan pelaburan swasta yang pesat. Import ini adalah perlu untuk meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran dan akhirnya akan menjadi barangan eksport negara. Sebab itulah kebanyakan ahli ekonomi menganggap faktor ini sebagai transience, sebagai sementara kerana import barangan untuk machinery, untuk sektor perkilangan dan setelah satu dua tahun pengeluaran meningkat dan pendapatan negara akan juga bertambah.



Pertumbuhan import untuk barang-barang penggunaan pula menunjukkan penurunan dan ini faktor yang penting. Import barang-barang pengguna menunjukkan penurunan daripada 31.7% pada tahun 1988 kepada 16.8% pada tahun 1990.

Sebab itu angka ini Ahli Yang Berhormat, amat penting untuk diteliti kerana kalau kita ambil angka-angka seperti yang digunakan oleh Pembangkang, maka statistics can lie, saya memilih untuk menggunakan lebih banyak angka supaya dapat memberikan penjelasan yang lebih teliti.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh galakan pelaburan. Perubahan yang dibuat kepada skim yang ada, bersesuaian dengan dasar dan strategi perindustrian yang telah digariskan dalam RRJP2 dan RM6 untuk mewujudkan industri yang mempunyai kandungan import yang rendah, nilai ditambah yang tinggi, modal intensif dan teknologi canggih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila duduk!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Malaysia sedang memasuki era pembangunan perindustrian yang lebih mantap di mana penyusunan semula struktur perindustrian diperlukan, skim pemberian galakan mestilah diubahsuai bagi meningkatkan kecekapan produktiviti dan daya saing sektor pelaburan dan eksport.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam dan Bukit Mertajam telah membangkitkan isu perluasan skop cukai perkhidmatan. Langkah ini tidak akan membebaskan golongan berpendapatan rendah kerana perkhidmatan baru yang dicadangkan telahpun ditetapkan had pengecualian di mana firma kecil yang mempunyai perolehan

tahunan di bawah had pengecualian dikecualikan dari kewajipan mengena dan memungut cukai dari pelanggan.

Berhubungan dengan rungutan orang ramai mengenai pengenaan cukai perkhidmatan ke atas hospital persendirian, saya suka menyatakan di sini bahawa hanya hospital persendirian yang memperolehi jualan tahunan sebanyak \$300,000 dan ke atas sahaja dikenakan cukai perkhidmatan. Hospital persendirian adalah seperti ditakrifkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971. Ini tidak termasuk klinik, pusat pcrubatan di luar takrifan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada kepeentingan, tetapi saya rasa klinik dia tidak terlibat kerana klinik dia masih kecil.

Dari pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil keputusan supaya cukai perkhidmatan ke atas hospital tidak meliputi harga ubat-ubatan.

Terdapat juga rungutan mengenai.. ..

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dia doktor, beri chance.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting, yang tidak disentuh oleh Yang Berhormat, pada halnya saya hendak sentuh hal yang besar kerana perlu disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini dua tiga tahun yang lepas mengenai VAT, nilai ditambahkan. Tetapi di dalam Belanjawan langsung tidak ada sebutan, dia sebutkan mengenai strategi mampan tetapi tidak mampan langsung mengenai VAT. Apa sebabnya tidak disebutkan memandangkan Rancangan Malaysia Keenam pun ada menyebut tentang pelaksanaan sistem percukaian VAT memandangkan juga di Thailand

dan Singapura ada langkah-langkah untuk mengadakan VAT, Apakah yang terjadi dengan VAT di Malaysia? Adakah cukai perkhidmatan itu merupakan satu langkah menuju ke arah VAT di Malaysia?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**

Lain kali kalau hendak bercakap hal ini, bercakaplah dalam masa perbahasan Belanjawan!

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya beri peluang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, termasuk daripada Pembangkang.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**

Lain kali cakap, fikir betul-betul. Tak apalah, ucap tahun depanlah, kita beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua, Value Added Tax ini tidak semestinya disebut dalam istilah VAT. Pengenalan memperluaskan skop cukai perkhidmatan ini adalah satu ciri penting dalam VAT. Pahamlah yang itu, susah betul. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga rungutan mengenai pengenaan cukai perkhidmatan ke atas pusat-pusat servis dan pembaikan kereta. Saya ingin menjelaskan bahawa hanya pusat-pusat servis dan pembaikan kereta yang mempunyai jumlah perolehan caj perkhidmatan tahunan sekurang-kurangnya \$150,000 setahun sahaja akan diwajibkan mengenakan cukai ini kepada pelanggan-pelanggannya. Maknanya pusat servis yang cukup besar sahaja. Saya ingin menegaskan bahawa cukai dikenakan hanya ke atas caj perkhidmatan sahaja dan ini tidak termasuk harga alat-alat gani yang terlibat.

Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Petaling Jaya telah mencadangkan supaya syarikat yang terlibat dalam penghapusan sisa toksid dikenakan cukai tertentu supaya kos ini dapat

ditampung bersama oleh Kerajaan dan pihak industri. Saya ingin memaklumkan bahawa mengikut dasar semasa, syarikat yang terlibat dengan pengeluaran sisa toksid tidak dikenakan apa-apa cukai tambahan. Walau bagaimanapun, syarikat akan dikenakan syarat supaya mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar berhubung dengan pengeluaran dan penghapusan sisa toksid ini. Bagi tujuan mengawal penghapusan sisa toksid, Kerajaan memberi galakan dalam bentuk galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti penstoran, pengolahan dan pelupusan pencemaran toksid dan merbahaya. Di samping itu, elaun modal khas juga dibcri kepada syarikat pengilang yang melupuskan sendiri pencemaran toksid dan merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah perjudian dan mencadangkan peningkatan cukai perjudian. Kita sedar akan kesan buruk tabiat perjudian pada institusi kekeluargaan dan masyarakat, maka matlamat Kerajaan ialah mengurangkan kegiatan perjudian. Justeru itu, lesen-lesen baru tidak akan dikeluarkan (*Tepuk*), dan operasi lesen yang sedia ada akan dikawal dengan cukup ketat. Isu ini perlu dilihat secara menyeluruh dan sebarang cadangan perubahan perlu diteliti. Kita tidak bolch terperangkap dengan percubaan mengharamkan judi secara keseluruhan, secara gopoh dan segera yang mungkin menyebabkan perjudian gelap atau tanpa lesen,

Berhubung dengan pengimportan emas jongkong bukan wang pula, saya suka mcngambil kesempatan untuk menjelaskan di sini bahawa pengimportan barang ini bagi tujuan eksport semula tidak akan dikenakan cukai

dengan syarat ianya disimpan di gudang-gudang berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan mencruskan dasar fiskal yang cermat dan berhemat dalam perbelanjaan. Perbelanjaan sektor awam khususnya perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diperuntukkan hanya kepada projek-projek yang telah diluluskan dalam RM6. Perbelanjaan ini telah dirancangan dengan tujuan untuk meningkatkan produktiviti ekonomi dan menyediakan negara untuk menjadi sebuah negara yang maju. Tumpuan utama perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1992 adalah diberikan kepada pembangunan infrastruktur fizikal dan pembangunan tenaga manusia, di samping pertanian dan pembangunan luar bandar. Pelaksanaan projek infrastruktur ini adalah bagi memastikan 'bottleneck' di dalam sistem pengangkutan negara dapat diatasi dengan segera dan proses pembangunan perindustrian tidak terjejas.

Perbelanjaan pengurusan akan terus dikawal. Peruntukan yang disediakan adalah untuk perbelanjaan yang benar-benar diperlukan sahaja. Sungguhpun kenaikan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1992 menunjukkan kadar kenaikan sebanyak 16.8% daripada jumlah peruntukan 1991 yang diluluskan, ini merupakan kenaikan yang lebih rendah daripada kenaikan di dalam tahun 1991 sebanyak 20.3%. Kenaikan ini sederhana memandangkan bahawa peruntukan 1992 mengambilkira peruntukan sebanyak \$2.9 billion untuk bayaran tunggakan dan pelaksanaan gaji baru di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) untuk kakitangan Kerajaan. Sekiranya keperluan tunggakan dan gaji baru ini tidak diambilkira di dalam peruntukan 1992, perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan akan menunjukkan pertambahan sebanyak 6.8% sahaja. Peratusan kenaikan ini adalah berpatutan, bahkan rendah jika dibandingkan dengan pertambahan purata tahunan perbelanjaan mengurus bagi

lahun 1987 hingga 1990 iaitu sebanyak 7.9% setahun.

Kerajaan akan mengawas dengan teliti pengeluaran perbelanjaan yang telah diluluskan bagi memastikan perbelanjaan itu digunakan dengan berkesan, Kerajaan tidak akan melayan permohonan untuk perbelanjaan tambahan melainkan bagi tujuan-tujuan yang tidak dapat dijangka sebelum ini. Dalam hal ini, pihak Perbendaharaan akan meneliti perbelanjaan dan projek yang telah diluluskan dan jika perlu, semakan akan dibuat. Perbendaharaan juga akan melihat kemungkinan untuk menjadualkan semula atau memanjangkan tempoh pelaksanaan projek bagi menentukan perbelanjaan awam tidak membawa kepada tekanan yang berlebihan ke atas permintaan dalam ekonomi.

Sebanyak 43 buah Badan Berkanun Persekutuan bergantung ke atas Kerajaan untuk membiayai sebahagian besar daripada belanja mengurus dan perbelanjaan pembangunannya. Jumlah kos operasi Badan-badan Berkanun ini bagi 1991 adalah melebihi \$1.8 billion dan jumlah kakitangan yang terlibat adalah melebihi 80,000 orang. Kerajaan akan terus berusaha untuk mengawal selia aktiviti agensi-agensi ini. Kerajaan akan terus menggalakkan badan-badan ini untuk mencari sumber pendapatan bagi mengurangkan beban pemberian geran tahunan. Badan-badan Berkanun dikehendaki menyemak semula aktiviti dan pcrannya dengan tujuan memperkemaskan struktur dan organisasi masing-masing bersesuaian dengan kehendak masa kini serta menjimatkan kos kepada Kerajaan dan mengelakkan pembaziran.

Selaras dengan dasar untuk mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi, langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam. Selain daripada menggalakkan jabatan-jabatan mengkaji semula struktur organisasinya supaya kakitangan yang sedia ada dapat digunakan secara yang optimum, agensi-agensi kecil adalah dikehendaki

mengkaji semula program dan aktiviti masing-masing untuk mengelakkan pertindihan fungsi, penyelewengan daripada objektif asal penubuhan seria pembaziran sumber.

Dalam usaha membendung pembaziran dan penyelewengan serta meningkatkan tahap pengurusan kewangan, Perbendaharaan sentiasa memastikan bahawa kelemahan-kelemahan yang dikesan oleh Ketua Audit Negara diberi perhatian dan dibaiki supaya tidak akan berulang lagi. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Awam ditubuhkan untuk mengawal dan mombanteras pembaziran wang awam dan mengurangkan kemungkinan penyelewengan.

Sekali lagi saya ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 1992, yang sebahagiannya tidak dapat saya sentuh dalam ucapan penggulangan ini. Saya menyambut baik segala pandangan dan cadangan yang bernas untuk memperbaiki lagi perjalanan ekonotni dan prestasi ekonomi negara. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akia Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat keletapan iaitu satu jumlah wang schanyak tidak lchih daripada 311,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dihentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetenlangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.*